

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 27

Rabu

21 Disember 2016

K A N D U N G A N

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan
Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN

BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 2)

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam 2016 (Halaman 47)
- Rang Undang-undang Penerbangan Awam (Pindaan) 2016 (Halaman 97)

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA
Rabu, 21 Disember 2016**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

10.03 pg.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari ini diputuskan dan diluluskan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.”

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari ini diputuskan dan diluluskan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan dikemukakan kepada Majlis untuk diputuskan.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Jaspal Singh** minta Menteri Pendidikan menyatakan, statistik sekolah menengah yang mempunyai kemudahan pengendalian kelas/kursus TVET dan kursus-kursus yang ditawarkan serta peringkat/tahap pelajar yang boleh menyertainya. Apa insentif-insentif yang diberi kepada pembekal perkhidmatan kursus TVET serta pelajarnya.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan]:

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh atas soalan yang berkenaan dengan TVET.

Tuan Yang di-Pertua dan untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh, terdapat sebanyak 81 buah sekolah menengah yang menawarkan program TVET, Pendidikan Asas Vokasional (PAV) untuk peringkat menengah rendah iaitu Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3 dan 269 buah sekolah menengah menawarkan Program Vokasional Menengah Atas (PVMA) untuk murid-murid Tingkatan 4 dan 5. Manakala 80 buah kolej vokasional menawarkan 4 tahun program TVET peringkat diploma kepada murid seawal usia 16 tahun yang mana sebanyak 12 kursus ditawarkan di sekolah menengah manakala 36 program TVET di kolej vokasional.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada insentif spesifik diberikan kepada pembekal-pembekal perkhidmatan kursus TVET, sebaliknya pembekal perkhidmatan TVET melaksanakannya atas pembiayaan sendiri. Manakala kos pengajian bagi pelajar program TVET di sekolah menengah dan kolej vokasional ditanggung sepenuhnya oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Murid yang mengikuti program atau kursus TVET akan memperoleh kemahiran sehingga Tahap 2 di sekolah menengah. Mereka akan memperoleh dua persijilan iaitu Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Kemahiran Malaysia. Manakala murid kolej vokasional akan memperoleh kemahiran sehingga Tahap 4. Mereka akan memperoleh Diploma Vokasional Malaysia, Sijil Kemahiran Malaysia dan Sijil Profesional atau Sijil Industri sebagai nilai tambah untuk meningkatkan kebolehpasaran dan kebolehkerjaan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Jaspal Singh: Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jawapan mengenai TVET di sekolah-sekolah. TVET ataupun *Technical and Vocational Education and Training* adalah satu daripada *game changer* yang telah dikenal pasti oleh kerajaan yang akan membuat transformasi dan pembangunan besar kepada negara di Rancangan Malaysia Kesebelas. Secara tradisi TVET ini mempunyai dua buah komponen iaitu dengan izin, *acquisition and knowledge*, nombor satu dan dua skil. TVET jika diimplementasi dengan bagus, memberi harapan ataupun peluang baru kepada belia yang tidak begitu fasih

dalam subjek akademik dan juga akan membantu negara untuk mengatasi *skill worker gap*, dengan izin.

Baru-baru ini bila saya melawat sekolah-sekolah di kawasan luar bandar terutamanya di Darjah 6, saya dapati terdapat sejumlah yang besar yang akan gagal di Darjah 6 dan juga mereka tidak begitu fasih dalam linguistik atau matematik dan tidak begitu minat dalam subjek akademik. Yang gagal daripada sekolah Tamil pula dia akan pergi ke kelas peralihan dan kemungkinan besar mereka ini akan *drop out* semasa pergi ke Tingkatan 1, atau Tingkatan 2.

■1010

Soalan saya, berapa banyakkah murid-murid yang akan menganggur ataupun *drop out* daripada sekolah berumur daripada 13 tahun hingga 15 tahun? Bagaimana kerajaan akan menggunakan TVET bagi menarik perhatian mereka yang berisiko tinggi ini supaya dapat memastikan mereka mula belajar sesuatu yang diminati. Saya tengok, daripada jawapan Yang Berhormat, hanya 81 buah sekolah menawarkan TVET. Adakah kerajaan bercadang untuk meluaskan *offering* ini. Daripada segi pelaksanaan, adakah kementerian cukup guru-guru untuk memperluaskan *offering* TVET, dengan izin, dan apa strategi kementerian untuk memastikan TVET ini berjaya bekerjasama dengan industri untuk *on job training* ataupun *on job exposure*. Terima kasih.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh. Soalan tambahan banyak juga ya- 3 atau 4 soalan tambahan. Saya telah cuba sedaya upaya untuk mengambil nota atas semua soalan tambahan tersebut dan saya akan cuba menjawab seberapa baik yang boleh Yang Berhormat.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, *drop out* itu memang ada di antara pelajar-pelajar yang berusia di antara 13 tahun hingga 15 tahun khususnya di kalangan pelajar-pelajar kaum India ini ada. Contoh, antara lingkungan 3.5 peratus hingga 3.75 peratus, atau 4 peratus. *Drop out* itu ada.

Walau bagaimanapun, kita telah mengambil pelbagai inisiatif bermula daripada sekolah rendah khususnya pelajar-pelajar di SJKT kerana Yang Berhormat tadi spesifik tentang SJKT. Kita telah mengambil beberapa inisiatif- khususnya di sini saya ingin mengucapkan terima kasih kepada parti politik MIC yang mana saya mewakilinya. Kita sendiri telah mengambil beberapa program spesifik untuk turun ke sekolah-sekolah untuk memberi maklumat terperinci tentang kebolehpasaran dan masa depan cemerlang sekiranya pelajar masuk, pelajar-pelajar ini melalui pendidikan asas vokasional.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, apabila kita memulakan program BAV ini iaitu untuk pelajar-pelajar menengah rendah Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3, program rintis ini

bermula pada tahun 2012 dengan hanya 15 buah sekolah menengah kebangsaan yang menawarkan pendidikan asas vokasional.

Dalam masa yang singkat, hari ini kita ada 81 buah sekolah menengah kebangsaan. Hampir peningkatan 400% sekolah-sekolah yang menawarkan pendidikan asas vokasional dan hampir 1,330 pelajar yang melalui program pendidikan dan kita nampak program ini berjaya dan dalam tahap program ini saya bangga untuk menyatakan di sini bahawa pelajar-pelajar yang kita ambil kohort pertama 342 tahun 2012 ini tidak ada tercicir. Maksudnya apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi, minat itu ada. Apabila kita dapat *match*, dengan izin, minat pelajar kepada pelajar tersebut dan kursus yang dibidangkan, maka kebolehmengjadi pelajar itu amat cemerlang dan ini merupakan satu contoh yang mana saya boleh beri.

Sama ada kementerian bercadang untuk meluaskan program. Sudah tentu Yang Berhormat kerana ia mencapai kejayaan. Walau bagaimanapun Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia mempunyai kekangan kewangan untuk meluaskan program ini. Sekiranya kita dapat peruntukan yang lebih tinggi untuk menambahkan lagi sekolah menengah untuk mewujudkan pendidikan asas vokasional, sudah pasti kita akan meningkatkan lagi kerana ada peningkatan daripada 2012, 15 buah sekolah. Hari ini kita ada 81, campur 4 lagi sekolah-sekolah K9, spesifik kepada pelajar-pelajar Orang Asli. Maksudnya kita ada 85 buah sekolah menengah kebangsaan yang ada PAV ini.

Guru-gurunya cukup. Kita sentiasa melatih guru-guru. Guru-guru ini ada yang mempunyai pengalaman industri juga dan satu perkara yang saya megah di sini juga ialah hampir 500 syarikat industri telah pun mewujudkan kerjasama persefahaman dengan Kementerian Pendidikan Malaysia khususnya dalam pendidikan vokasional dan di antara syarikat yang mana pelajar-pelajar ini ditempatkan dan mereka diberi tawaran bekerja pula ialah contohnya ialah seperti *Toyota, Proton, Naza, Honda, Grand Season Hotel, Shell*. Ini di antara industri-industri yang telah mewujudkan persefahaman dan *Memorandum of Understanding* dengan Kementerian Pendidikan Malaysia dan kebolehpasaran pelajar-pelajar ini pula cukup membanggakan. Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri menjawab nampak bagus. Cuma saya hendak tanya beberapa soalan yang mana TVET ini telah dilaksanakan pada 2012 dan melahirkan 3000 lebih pelajar yang berkemahiran. Apa yang kita lihat hari ini perlukah kita mengeluarkan pelajar yang kuantiti yang banyak daripada kualiti pelajar TVET ini kebolehpasaran. Apa yang kita tahu

bahawa kita masih lagi bergantung kepada pekerja asing, *skill workers* dari luar dan mereka ini dibayar gaji juga lebih daripada TVET yang kita keluarkan.

Bagi saya kita perlu ada NBOS dengan Kementerian Sumber Manusia, dengan MARA dan sebagainya agar kita ada satu *one-stop center* bagi kita dapat mengatasi masalah-masalah ini. Sama juga dengan industri.

Jadi kita lebih fokus kepada mengeluarkan pelajar. Kebolehpasaran itu masih lagi ke tahap yang tidak lagi membanggakan dan kita banyak sekolah yang kita buka dengan guru yang ada tetapi masih lagi kebergantungan kepada pekerja asing- sampai bila? Sampai bila perkara ini dapat diselesaikan. Kebanjiran pekerja asing dari Bangladesh, Indonesia dikatakan lebih *skill workers*, lebih berkemahiran tinggi. Sedangkan mereka ini tidak ada TVET, sedangkan mereka ini tidak ada kemahiran tertentu. Akan tetapi kenapa industri-industri yang ada hari ini masih memilih pekerja asing dari luar. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri, mohon pencerahan. Terima kasih.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim atas soalan yang impaknya tinggi.

Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia sedar dan di antara inti pati yang diperlukan negara untuk menjadi sebuah negara maju cukup pekerja-pekerja yang berkemahiran tinggi, *that is made in Malaysia* ataupun, dengan izin, pelajar-pelajar Malaysia ini dan inilah hala tuju kita sekarang dan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat sebentar tadi yang mana PAV ini, hanya PAV atau Pendidikan Asas Vokasional ini yang mula 2012. Sebelum itu sudah ada sudah vokasional tapi pendidikan asas vokasional, kohort baru yang pertama dimulakan 2012.

Ini merupakan satu idea baru yang mana kita bagi peluang-peluang kepada pelajar-pelajar habis saja UPSR, mereka boleh pergi ke pendidikan asas vokasional ini. Dari awal kita mula dan hari ini kita ada hampir 1,000 lebih pelajar yang melalui jurusan itu sehingga 2012 dan cukup baik, penerimaan yang cukup baik dan kita di Kementerian Pendidikan Malaysia telah pun mewujudkan NBOS dengan Kementerian Sumber Manusia, dengan Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Belia dan Sukan dan sebagainya kerana di sini di negara kita, kita ada beberapa kementerian yang menawarkan program-program *skilling* ini.

Kementerian Sumber Manusia juga mempengerusikan jawatankuasa khas yang mana Kementerian Pendidikan Malaysia juga terlibat dan kita sentiasa bergabung minda untuk mencari hala tuju-hala tuju yang baru, kaedah-kaedah yang baru bagaimana kita dapat

mengukuhkan lagi pendidikan vokasional ataupun TVET. Saya tidak menafikan sama sekali apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat sebentar tadi bahawa memang benar negara kita memerlukan dan kita tidak boleh bergantung kepada pekerja-pekerja asing sama sekali dan itulah hala tuju kita di Kementerian Pendidikan Malaysia untuk meningkatkan lagi, memantapkan lagi pendidikan TVET di Malaysia supaya ia bukan dipandang remeh oleh pelajar-pelajar atau ibu bapa kerana zaman dahulu pelajar-pelajar atau ibu bapa memandang remeh.

■1020

Dia kata, pendidikan vokasional ini tak ada, *there's no style* ataupun *no quality*. Akan tetapi hari ini Yang Berhormat, kita ada pelajar-pelajar yang mempunyai kelulusan cemerlang dalam akademik yang mendapat 4A dalam UPSR, yang mendapat keputusan cemerlang dalam SPM, juga mengambil bahagian dalam pendidikan vokasional ataupun tidak kerana masa depan pelajar-pelajar yang mempunyai kemahiran tinggi ini cukup baik dan masa depan cukup baik dan cukup cemerlang di negara kita ini Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat dan perkara pelajar ini amat diminati oleh kita. Diminta Yang Berhormat...

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Soalan lagi Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Suhaimi, sila.

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan kebolehpasaran yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim tadi. Kalau Yang Berhormat Menteri, kalau kita tengok, bila kita mengkaji kebolehpasaran ini tentu sekali kita melihat kepada industri apa yang akan datang pada masa hadapan ini.

Saya baru-baru ini membaca *magazine Flight* di mana Boeing telah pun mengumumkan bahawa pada tahun hadapan, tambahan kapal terbang 10,000- tambahan pada tahun hadapan sahaja. Maksudnya, penerbangan ini menjadi satu bentuk industri pada masa hadapan dan juga pada masa yang sama kalau kita melihat di Malaysia sendiri, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tahniah kita ucapkan telah pun mengumumkan sistem pengangkutan tren ini. Baru-baru ini dari Singapura ke Kuala Lumpur, *high speed rail* kalau tak salah HSR dan memakan belanja yang begitu tinggi. Kemudian diumumkan pula dari Kuala Lumpur ke Terengganu, Kelantan dan sebagainya dan kita sekarang ini pula kita ada monorel, MRT dan lain-lain sistem pengangkutan menggunakan rel ini.

Jadi maknanya *future industries* ini penerbangan dan juga rel, bukan sahaja di Malaysia. Kalau kita tengok di Dubai, ramai sekali rakyat Malaysia yang bekerja di *civil aviation* mereka di

sana dan juga tiap-tiap negara yang kita pergi sekarang ini semua menumpukan khususnya di ASEAN ini, menumpukan kepada pembinaan *light rapid transit* ataupun kereta api jarak dekat ini. Jadi soalan saya, adakah Kementerian Pendidikan ada kursus-kursus sedemikian daripada mula lagi sebelum mereka ini ke pengajian tinggi supaya mereka ini kebolehpasaran tadi, kita dapat sekurang-kurangnya menghalakan mereka ke arah industri tersebut? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, sila.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi. Yang Berhormat, kita telah mengambil kira semua ini. Malah, Kementerian Pendidikan Malaysia telah pun mewujudkan kerjasama.

Malah bermula pada tahun 2000 sehingga tahun 2014, kita telah pun mewujudkan satu program yang mana kita tidak langsungkan sekarang atas sebab kekangan kewangan yang ada, program *buying places*. Program *buying places* ini yang mana kita bekerjasama dengan beberapa buah kolej swasta yang mana menawarkan program-program *high impact* dan kita ada pelajar-pelajar kita yang dilatih dalam program-program tersebut. Contoh program-program *high impact* yang di mana dikatakan oleh Yang Berhormat sebentar tadi, contoh seperti program *Licence Aircraft Maintenance Technician* ditawarkan juga. Buat masa ini kita ada pelajar hampir 300 orang pelajar yang melalui program tersebut.

Program Kejuruteraan Kapal, kita juga ada hampir 200 orang pelajar yang melalui program tersebut. Maka, Kementerian Pendidikan telah pun mengambil kira keperluan sekarang dan keperluan masa akan datang untuk memastikan rakyat Malaysia khususnya remaja-remaja kita yang mempunyai kebolehan bukan sahaja daripada segi akademik dan juga daripada segi kemahiran ini. Inilah yang akan meletakkan Malaysia sebagai bukan sahaja sebagai sebuah negara maju tetapi sebuah negara maju cemerlang dan ini juga impian Yang Amat Berhormat Dato' Sri Perdana Menteri kita. Oleh sebab itulah beliau memberi penekanan dalam pembentangan bajet baru-baru ini pun, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan telah memberi tumpuan spesifik kepada masa depan industri TVET di Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia dan kerjasama Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pertanian, Kementerian Luar Bandar, semua kementerian ini bekerjasama dengan minda dan harapan yang sama untuk memastikan industri TVET Malaysia ini melangkah sejarah yang terbaik untuk negara maju kita yang akan datang. Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, minta maaf yang lain.

Tuan Isa bin Ab Hamid: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, saya minta maaf.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Boleh satu lagi?

Timbalan Yang di-Pertua: Maafkan saya, saya rasa dah cukup sebab kita hendak kejar masa ya, terima kasih Yang Berhormat. Baik, nanti nampaknya Yang Berhormat Menteri, terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk P. Kamalanathan, begitu minat kita punya Ahli Senator terhadap hal-hal pendidikan ini. Bayangkanlah.

2. Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, adakah kementerian merancang untuk menaikkan Bantuan Sara Hidup dari RM300.00 sebulan kepada RM500.00 sebulan untuk penerima yang layak memandangkan kos sara hidup yang semakin meningkat pada masa ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat menguruskan perkhidmatan bantuan kebajikan kepada pelbagai kumpulan sasar termasuk kanak-kanak, warga emas, orang kurang upaya dan keluarga miskin.

Kementerian komited untuk memastikan perkhidmatan bantuan diberikan kepada kumpulan sasar dengan cepat dan berkesan. Bantuan kewangan bulanan yang disediakan oleh JKM adalah seperti berikut:

- (i) bantuan kanak-kanak dengan kadar RM100 hingga maksimum RM450 sebulan;
- (ii) bantuan orang kurang upaya, tidak berupaya bekerja dengan kadar RM200 sebulan dan elaun pekerja cacat dengan kadar RM350 sebulan;
- (iii) bantuan penjagaan orang kurang upaya, terlantar dan pesakit kronik terlantar dengan kadar RM300 seorang sebulan;
- (iv) bantuan orang tua dengan kadar RM300 sebulan;
- (v) bantuan am Persekutuan Wilayah Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya dengan kadar RM80 hingga ke RM350 sebulan;
- (vi) bantuan latihan perintis dengan kadar RM200; dan
- (vii) bantuan anak pelihara dengan kadar RM250 sebulan hingga maksimum RM500 sebulan sekeluarga.

Selain itu bantuan kewangan sekali gus turut disediakan oleh JKM seperti berikut:

- (i) bantuan geran pelancaran dengan kadar RM2,700 sekali gus; dan
- (ii) bantuan alat tiruan atau sokongan.

Kadar bantuan bagi semua jenis skim juga telah dikaji dari semasa ke semasa sejak tahun 1994 hingga kini.

Sebagai makluman Yang Berhormat, penyelarasan kadar bantuan kebajikan kali terakhir telah dibuat dan diumumkan melalui pembentangan Bajet 2015 pada 10 Oktober 2014 lalu di mana kerajaan telah meluluskan kenaikan kadar elaun pekerja cacat daripada RM300 kepada RM350 sebulan manakala bantuan OKU tidak berupaya bekerja pula dinaikkan daripada RM150 kepada RM200 sebulan berkuat kuasa mulai Januari 2015, melibatkan penambahan peruntukan berjumlah RM66 juta.

Kadar bantuan yang disalurkan ketika ini telah mengambil kira keperluan semasa. Bantuan kebajikan disediakan bertujuan untuk meringankan beban buat sementara waktu sehingga penerima bantuan dapat keluar daripada kepompong kemiskinan dan mampu ke arah hidup berdikari. Ini adalah kerana bantuan kebajikan ini bukanlah untuk menampung sepenuh kos sara hidup tetapi sebagai langkah sementara bagi membantu kumpulan sasar.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui JKM sentiasa berusaha ke arah membangunkan golongan miskin yang menerima bantuan agar mampu keluar

■1030

Dalam memastikan usaha tersebut tercapai JKM telah merangka program melalui pendekatan *productive welfare* dengan membuat penempatan pekerjaan sama ada dengan majikan atau bekerja sendiri, memberi kemahiran dan latihan yang bersesuaian dengan minat kerjaya *client* serta pemberian dana melalui bantuan geran pelancaran 1Azam ataupun pemberian dana daripada agensi pemberi pinjaman mikro kredit untuk memulakan perniagaan berskala kecil. Tambahan bantuan tidak semestinya berbentuk wang Ringgit. Ia juga dapat diberikan dalam bentuk sokongan sosial daripada komuniti setempat, pihak swasta dan pelbagai pihak.

Dalam konteks kerja sosial, semua *client* yang terlibat dalam pendekatan *productive welfare* ini mereka akan dibimbing melalui pendekatan kerja kumpulan mahupun kerja komuniti. Agar kefungsi sosial mereka dapat diperkasa dan seterusnya mampu menyumbang kepada kesejahteraan hidup mereka untuk masa hadapan tanpa bantuan kerajaan. Buat masa ini walaupun kementerian masih kekal menggunakan kadar tersebut tetapi cadangan kenaikan

kadar bantuan berkenaan akan diambil perhatian dan diteliti dari semasa ke semasa. Sekian, terima kasih.

Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor: Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana memberi jawapan yang sungguh padat. Kita ucapkan tahniah kepada kerajaan dan juga JKM kerana sentiasa prihatin dengan rakyat kumpulan sasaran ini. Memandangkan kos barang asas sudah meningkat apakah pendekatan dan inisiatif kementerian untuk menambah lagi bantuan kepada rakyat kumpulan sasaran ini yang sangat-sangat memerlukan dalam ekonomi yang mencabar. Satu contoh ialah dicadangkan untuk kita beri kupon makanan ataupun *food coupon* kerana ada keluarga yang memerlukan dalam keadaan tertekan ini, ekonomi yang mencabar. Seperti yang diamalkan di Amerika, di Amerika seorang veteran itu juga diberi kupon makanan. Jadi, apakah kementerian ada rancangan sedemikian? Terima kasih.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor. *Food coupon* salah satu cara bantuan kepada golongan istimewa yang berkesan. Walau bagaimanapun, setakat ini kementerian tidak ada lagi cadangan untuk memberi *food coupon* atas sebab:

- (i) bantuan yang telah pun disediakan yang kita bagi kepada semua golongan miskin adalah untuk makanan dan juga untuk sara hidup; dan
- (ii) ada juga yayasan swasta seperti MyKasih telah pun menyediakan sejumlah RM80 untuk mereka beli makanan dari *hypermarket* atau kedai-kedai yang tertentu.

Oleh itu kami rasa tidak wajarlah untuk kerajaan untuk mengadakan rancangan yang seperti apa yang telah pun disediakan oleh swasta. Di samping itu, kerajaan lebih ambil pendekatan *productive welfare*.

Untuk maklumam Yang Berhormat, *productive welfare* kita dalam tempoh enam tahun pelaksanaan *productive welfare* dari tahun 2010 hingga ke tahun 2015. Seramai 4,939 orang menerima bantuan geran pelancaran dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM14.38 juta dan seramai 913 orang telah mendapat penempatan pekerjaan di bawah Job Malaysia dan seramai 4,107 orang menerima bantuan barangan perniagaan di bawah 1Azam KPWKM menjadikan jumlah keseluruhannya yang telah dibantu seramai 9,959 orang. Ini bermakna kalau kita untuk jangka masa yang panjang untuk kita mengeluarkan mereka daripada kemiskinan, lebih wajar untuk kita mengajar mereka macam mana mereka memancing ikan tetapi bukan beli ikan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan yang hujung itu.

Dato' Goonasakaren A/L Raman: Tuan Yang di-Pertua, banyak rungutan di kalangan warga emas bahawa penerima bantuan RM300 yang biasa menerima tiap-tiap bulan apabila sampai satu ketika bantuan itu diberhentikan. Apabila kita menghubungi Pejabat Kebajikan, pegawai mengatakan bahawa tiap-tiap tahun pejabat akan menghantar borang untuk mengemaskinikan butiran ataupun maklumat. Jadi kita perlu akur bahawa warga emas dikategorikan umur 60 tahun ke atas.

Jadi 60 tahun ke atas kemungkinan besar warga emas kurang penglihatan, kurang membaca dan sebagainya. Apabila menerima surat daripada kebajikan ataupun borang daripada kebajikan, mereka tidak tahu apakah isi kandungannya, dari mana datangnya surat ini. Jadi mereka pun letak di satu buah tempat dan anak-anak pun tidak tahu.

Jadi ini bukan kita dengar satu atau dua kes tetapi banyak kes di kawasan-kawasan pedalaman. Jadi sebagai penyelesaian masalah kebajikan perlu mengambil iktibar. Apabila kementerian meluluskan RM300 kepada warga emas perlu diteruskan, perlu diteruskan. Walaupun maklumat-maklumat bolehlah dapat daripada penghulu-penghulu ataupun pengerusi-pengerusi JKK kawasan, ataupun pemimpin-pemimpin tempatan. Jadi saya kira kebajikan ataupun kementerian perlu mengambil satu langkah yang drastik untuk menyelesaikan masalah ini supaya tidak berpanjangan.

Soalan kedua saya saya sangat bersetuju dengan soalan yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Laksamana bahawa pada masa kini GST dikenakan. Harga barangan sudah melambung tinggi, masyarakat yang duduk di kawasan pedalaman dalam keadaan kesusahan. BR1M sudah pun dinaikkan sehingga RM1,200. Apakah salahnya RM300 dinaikkan kepada RM500? Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Terima kasih Yang Berhormat. Pertama sekali untuk soalan pertama saya hendak menjelaskan di sini bantuan-bantuan yang disalurkan oleh Jabatan Kebajikan kepada golongan miskin bukannya untuk sepanjang hayat. Oleh itu kita mesti mengemas kini setiap tahun supaya kita dapat tahu adakah keadaan kewangan mereka telah pun berubah dan anak-anak mereka sudah dapat untuk jaga mereka dengan baik.

Kedua, ada berlakunya sebelum ini kalau kita tidak mengemaskinikan maklumat penerima ini, ada berlakunya wang yang dimasukkan kepada bank tiap-tiap bulan itu sampai kepada penerima itu sudah meninggal dunia pun kita tidak dapat tahu. Juga ada kemungkinan salah guna kuasa dan wang itu dimasukkan kepada orang yang lain tetapi bukan kepada penerima yang berkenaan.

■1040

Kita mengakui ada cabaran dan juga ada masalah dengan warga emas bila mereka terima surat itu. Mungkin mereka tidak faham apakah makna yang berada dalam surat itu tetapi saya rasa kita juga perlukan sokongan komuniti. Ini bermakna, pemimpin-pemimpin setempat, Yang Berhormat-Yang Berhormat setempat dan juga ketua kampung dan juga jiran, mereka juga boleh beri pertolongan kepada mereka supaya tiap-tiap selepas sembilan bulan, biasanya tiga bulan sebelum tempoh ditamatkan, kita akan hantar surat dan masa itulah mereka perlu isi balik borang itu supaya kita dapat mengemas kini. Ini soalan pertama.

Kedua, mengenai bantuan untuk dinaikkan. Saya hendak beri satu maklumat kepada Yang Berhormat. Kadar bantuan skim kita ini telah pun dikaji dari semasa ke semasa sejak tahun 1994 hingga kini. Telah pun sepuluh kali kita naikkan bagi skim yang tertentu. Ini bermakna, walaupun bukan semua skim dapat dinaikkan tetapi kita memang akan kaji dan kita akan menaikkan sekiranya ada keperluan. Selain daripada itu, skim yang baru juga akan diwujudkan sekiranya ada keperluan. Sekian, terima kasih.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu kemiskinan. Kalau kita tengok daripada segi isu kemiskinan, kemiskinan itu satu isu yang senang untuk kita *recognize* tetapi susah untuk kita *define* apa itu kemiskinan. Kalau kita tengok di Malaysia ini, kita menggunakan pendekatan pendapatan garis kemiskinan ataupun *poverty income line*.

Bila kita menggunakan *poverty income line* ataupun PGK, timbul dua soalan. *What is the choice of the poverty line* dan juga *what is the choice of poverty measure*. Akan tetapi memandangkan *inflation* dan sebagainya, soalan saya kepada kerajaan, selain daripada PGK, sama ada kita akan menggunakan pendekatan *Gini coefficient*. Ini kerana kalau kita tengok banyak negara telah pindah ke *Gini coefficient* kerana *Gini coefficient* lebih *aculeate* kerana ia juga selain dari *poverty*, ia juga *measure differences in income distribution* dan juga *differences in income equality*. So, soalan saya ialah saya rasa, ini cadangan saya. Saya rasa lebih- saya bukan cakap tidak boleh pakai PGK tetapi kita *backup* PGK dengan menggunakan *Gini coefficient*. Terima kasih.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, sekarang kita telah pun guna PGK yang ditetapkan oleh EPU pada tahun 2014. Kalau kita ikut untuk Semenanjung Malaysia, kita telah pun naikkan dari RM830 kepada RM930 dan Sarawak daripada RM920 kepada RM990, manakala untuk Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan dari RM1,090 kepada RM1,170.

Untuk menangani kemiskinan ini, ia bukan hanya di bawah tanggungjawab JKM. Sebenarnya, beberapa kementerian yang lain juga memainkan peranan untuk meringankan beban kehidupan rakyat kita. Oleh itu, kalau kita tengok apa yang telah pun diumumkan dan dilaksanakan oleh Perdana Menteri dan juga kementerian yang lain, memang kita telah pun ada kategori B40 dan selain itu.

Dengan itu, ikut golongan-golongan yang tertentu, kerajaan melalui kementerian yang berlainan telah pun menyediakan bantuan dan sokongan kepada mereka. Sekian, terima kasih.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: *Sorry*, Tuan Yang di-Pertua. Ini tidak jawab soalan saya. Soalan saya spesifik. Itu pasal saya cakap, saya tidak cerita pasal *choice of poverty line*. RM930, RM1,170 di Sabah dan isunya. Bukan isu *choice of poverty line* dan saya cakap bukan isu *choice of poverty measure* pun kerana kalau kita tengok PGK, *I think componentnya* ada lima komponen dalam PGK. *Food, rental* dan sebagainya.

Cadangan saya kepada kerajaan, sama ada selain dari PGK, kerajaan akan *consider* menggunakan *approach Gini coefficient*, di mana kita juga akan ukur *differences in income equality*. Kalau tidak boleh jawab sekarang, *no problem*. Cuma, cadangan saya kepada kerajaan untuk *consider* menggunakan *approach of using Gini coefficient*. Banyak negara telah pindah ke *Gini coefficient*. Terima kasih.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Terima kasih Yang Berhormat. Cadangan Yang Berhormat ini saya rasa ia adalah di bawah tanggungjawab EPU dan kita ambil maklum. Sekian, terima kasih.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Yang Berhormat Senator Datin Paduka Chew Mei Fun. Jawab dengan paling baik dan saya minta kerjasama. Hari ini saya sangat sukacita. Warga saya di Dewan ini aktif. Bagus. Fokus. Orang perjuangan. Bagus. Jadi, saya minta tolong soalan-soalan itu kalau boleh bunga-bunga itu ringkas. Soalan. Dia punya bunga itu ringkas dan terus kepada soalan supaya lebih ramai yang boleh bercakap. Terima kasih banyak. Kalau boleh macam Datuk Abbas kitakah. Itu kita senang.

3. Datuk Yoo Wei How minta Menteri Kewangan menyatakan, apa rancangan kementerian dan Bank Negara untuk mewujudkan ekosistem pembiayaan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang komprehensif dan mengembangkan pencapaian PKS ke dalam ekonomi dan kewangan negara.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Othman bin Aziz]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini, pada masa ini satu ekosistem pembiayaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang komprehensif telah pun tersedia ada. Kewujudan ekosistem ini adalah sejajar dengan kedudukan akses pembiayaan sebagai salah satu tunjang utama pembangunan PKS seperti yang digariskan dalam Pelan Induk PKS ataupun *SME Master Plan*. Ekosistem ini bukan sahaja memastikan akses kepada pembiayaan tetapi juga memberi penekanan terhadap infrastruktur kewangan yang kukuh, saluran khidmat nasihat dan maklumat serta juga penyelesaian dan pengurusan pembiayaan serta program jangkauan dan kesedaran. Ekosistem pembiayaan PKS terdiri daripada komponen utama seperti berikut.

Pertama, industri kewangan yang merangkumi institusi perbankan dan juga institusi kewangan pembangunan terus menunjukkan komitmen yang tinggi dalam membantu PKS, di mana 96.9 peratus daripada keperluan PKS disalurkan melalui industri ini. Kadar kelulusan adalah sekitar 80 peratus.

Jumlah pembiayaan terkumpul sehingga September 2016 adalah sebanyak RM290.4 bilion dengan peningkatan tahunan sebanyak 8.2 peratus. Banyak tabung yang diwujudkan melalui Bank Negara bagi meningkatkan akses kepada pembiayaan. Antaranya, bank-bank yang berkaitan seperti SME Bank dan sebagainya. Selain daripada itu, sumber-sumber pembiayaan alternatif juga ada seperti *equity crowd funding*, pembiayaan *peer to peer* dan juga *investments account platform*.

Jaminan kredit juga disediakan kepada usahawan yang ingin mendapatkan pembiayaan institusi kewangan tetapi tidak mempunyai cagaran ataupun rekod prestasi seperti CGC dan sebagainya. Kemudian untuk usahawan-usahawan mikro, kita ada tabung-tabung yang diberikan melalui TEKUN dan juga Amanah Ikhtiar. Bagi usahawan yang mengalami masalah pembayaran, boleh ada penjadualan semula dan penyusunan ataupun *rescheduling* ataupun *restructuring*. Jika tidak ada penyelesaian, mereka boleh meminta bantuan melalui Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil oleh Bank Negara.

■1050

Jadi banyakkah ekosistem yang telah diwujudkan termasuk khidmat-khidmat nasihat dan juga kesedaran seperti *train the trainers* yang dibuat melalui kerjasama BNM, SME Corp dan persatuan-persatuan perniagaan. Program ini telah memberi banyak manfaat kepada ahli-ahli mereka dan untuk makluman Dewan ini juga, kerajaan telah mengisytiharkan tahun 2017 sebagai tahun *start up*, dan juga *SME Year Promotion* di mana kerajaan mensasarkan *by 2020*,

dengan izin, kita hendak supaya PKS akan menyumbang lebih tidak kurang daripada 40 peratus kepada KDNK negara.

Dan selain daripada itu, baru-baru ini di Dewan Rakyat juga telah pun meluluskan contoh untuk menggalakkan lagi PKS ini di mana SME Bank, kerajaan telah pun meluluskan pinjaman kerajaan dalam SME Bank menjadi ekuiti sebanyak RM500 juta menjadikan *paid up capital SME Bank* RM1.85 bilion, membolehkan bank ini meningkatkan lagi peruntukan tambahan meminjam sebanyak RM3 bilion. Sekian, terima kasih.

Datuk Yoo Wei How: Terima kasih diucapkan kepada Timbalan Menteri kita yang telah berikan satu jawapan yang cukup komprehensif tetapi daripada satu hasil tinjauan daripada satu laporan PKS 2015-2016, kita mendapati bahawa dari 48 peratus daripada responden daripada PKS telah menyatakan bahawa mereka mempunyai masalah dalam aliran tunai ataupun *liquidity*, dengan izin. Akan tetapi di sebaliknya kita mendapati bahawa permohonan pinjaman bank tuju kepada institut kewangan kita pun semakin kurang. Soalan tambahan saya, adakah kementerian mengenal pasti apakah punca-punca ini dan adakah cara-cara untuk menangani masalah ini. Sekian, sahaja. Terima kasih.

Dato' Othman bin Aziz: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Berkaitan dengan soalan tambahan merujuk kepada laporan yang dibuat oleh satu *survey* di mana 48 persen ataupun 800 orang responden menyatakan masalah aliran tunai dan *liquidity*. Kita menyedari bahawa ini adalah merupakan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh PKS ataupun orang-orang yang berniaga. Mungkin ada juga yang sebut bank-bank pun mungkin lebih ketat daripada segi meluluskan pinjaman dan sebagainya.

Jadi, kerajaan telah pun meningkatkan pelbagai ikhtiar dan usaha untuk memudahkan lagi bantuan kepada mereka yang memohon tetapi kita kena sedarlah mana-mana pun tak kira sama ada secara individu, syarikat dan sebagainya, sudah tentulah pihak-pihak bank yang hendak beri pinjaman ini seperti yang kita sedar, mempunyai kriteria-kriteria tertentu. Saya yakin kalau mereka memenuhi kriteria tersebut, maka sudah tentu pinjaman mereka akan dipertimbangkan dan diluluskan. Jadi bagi pihak kerajaan ini, kita telah pun menyediakan pelbagai macam peruntukan contohnya dalam bajet yang baru-baru ini diumumkan di mana di bawah menyediakan Program Pelan Induk PKS ini, kita sediakan RM75 juta.

Kemudian dia ada Skim Jaminan Pembiayaan Kerajaan untuk perniagaan seperti yang saya sebutkan tadi, kemudian ada rebat dua peratus kepada peminjam yang berorientasikan eksport. Kemudian dia ada dana Skim Jaminan Modal Kerja untuk *start up* sehingga RM200 juta. Kemudian ada program-program lain yang meningkat untuk memberikan ruang untuk pemberi pinjaman. Cumanya saya ingat sudah tentulah dalam keadaan suasana ekonomi hari

ini memerlukan para pengusaha untuk lebih berdisiplin dan pergi merujuk kepada bank supaya mereka dapat mencari jalan dan ruang untuk mendapatkan tabung-tabung yang disediakan ini daripada semasa ke semasa. Terima kasih.

Datuk Rabiyah binti Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan ketiga saya iaitu bagaimana kerajaan merancang secara teliti dan menganjurkan program meningkatkan pendapatan peserta Felda dalam pasaran ekonomi digital dan selaras pembangunan ekonomi di setiap koridor ekonomi agar nilai pendapatan semasa peneroka tidak berada dalam kelompok miskin tegar dan memastikan daya saing mereka setara dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan semua rakyat mempunyai pendapatan tinggi. Terima kasih.

Dato' Othman bin Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya ingat soalan ini pun tak berapa kena sangat jadi saya hendak jawab pun tak berapa kena, jadi saya nanti bincanglah dengan Yang Berhormat lepas ini ya. Terima kasih.

Datuk Haji Abidullah bin Salleh: Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Yang Berhormat Menteri. Kita terima kasihlah kepada kerajaan Malaysia ini di bawah pimpinan Barisan Nasional telah membantu terutama kepada graduan-graduanlah atau pemegang-pemegang ijazah yang tidak bekerja mengadakan atau memulakan perniagaan dalam perusahaan kecil dan sederhana. Jadi, kita pun tak payah berbunga macam Tuan Yang di-Pertua cakap.

Soalan saya, apa langkah-langkah oleh kementerian, ataupun apa langkah kementerian, yang sudah berniaga dalam perusahaan kecil dan sederhana? Hal ini terutama kepada graduan yang *graduation*, mungkin mereka mengambil bidang yang lain tetapi apabila sudah berniaga satu tahun dan membuat pinjaman daripada agensi kewangan terutama macam TEKUN ataupun PUNB, selepas itu perniagaannya merosot dengan belum habis lagi berhutang. Dan soalan saya, apakah langkah-langkah oleh kementerian untuk memastikan perniagaan mereka terus berjaya di masa akan datang? Sekian, terima kasih.

Dato' Othman bin Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan. Dalam program menggalakkan anak-anak muda ini terlibat dalam perniagaan, kerajaan telah pun mewujudkan pelbagai insentif. Kita ada Program Agropreneur Muda, kita ada Program Mobilepreneur dan sebagainya kemudian sepertimana yang disebut tadi, tabung-tabung tertentu untuk usahawan-usahawan mula ini macam TEKUN dan sebagainya. Kemudian kita juga ada Agrobank dan sebagainya, banyak sebenarnya tabung-tabung yang boleh dicari, diminta oleh anak-anak muda terutama yang baru keluar universiti dan sebagainya.

Cumanya seperti yang kita sering tahu juga, untuk menjadi seorang usahawan ini sebenarnya bukanlah mudah. Dia mempunyai ciri-ciri tertentu, kalau orang lain contohnya macam Yang Berhormat Senator katakan tadi dia mungkin mempunyai latar belakang yang berbeza tetapi oleh sebab mungkin tidak ada kerja, dia hendak menceburi bidang-bidang keusahawanan ini sebab dia tidak boleh hendak masuk bidang keusahawanan ini kerana hendak tiru, kerana terpaksa sebab dia kena ada ciri-ciri tertentu yang membolehkan dia menjadi seorang usahawan yang berjaya. Antaranya sudah tentulah minat dan kesungguhan, *passion*. Kemudian ada sedikit ilmu yang faham tentang pemasaran, tentang *accounting*, tentang kewangan, tentang pengurusan dan sebagainya.

Jadi kadang-kadang ada juga di kalangan mereka ini yang menceburi bidang keusahawanan, gagal separuh jalan. Mungkin juga ada terhutang ataupun mempunyai komitmen hutang kerana menceburi bidang tersebut. Jadi pihak kerajaan akan cuba membantu. Membantu ini bukan hanya sekadar daripada segi hendak menyelesaikan hutang tersebut tetapi juga kita membantu daripada segi pemilihan usahawan-usahawan daripada awal kemudian diberikan latihan kemudian diberikan pakej-pakej tertentu sehingga mereka boleh memasarkan barangan dan keluaran mereka tetapi sekiranya mereka mempunyai masalah-masalah sebegitu, hutang-hutang apa semua ini, mereka terpaksa juga menyelesaikan.

Ada juga sesetengah hutang itu tidak ada penjamin, ada sesetengah hutang itu yang memerlukan jaminan dan sebagainya. Maka sudah tentu mereka perlu membuat satu keputusan yang tepat supaya jangan terjerumus dengan masalah hutang ini kerana kesilapan memilih cabang perniagaan yang mungkin mereka tidak berapa pandai dalam bidang tersebut. Terima kasih.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Tuan Yang di-Pertua, boleh satu lagi tak?

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, sekejap langkah sekejap.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Terima kasih, jasamu dikenang. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri ada menjawab, ada menyebut soal Amanah Ikhtiar. Boleh ataupun tidak saya hendak tanya pasal Amanah Ikhtiar sebab ini melibatkan orang-orang kampung, orang-orang kawasan.

■1100

Amanah Ikhtiar ini yang saya difahamkan, di setiap kawasan itu ada *group*-nya, 20 orang, 15 orang. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, adakah benar Amanah Ikhtiar ini dalam *group* itu apabila masuk *group* terpaksa meminjam. Tidak kiralah RM3,000, RM5,000. Adakah benar apa yang diperkatakan di luar sana *interest* yang

dikenakan sebanyak *10 percent*. Ini orang bercakap dekat luar sana. Rakyat datang jumpa saya. Jadi saya kena ajukan soalan ini. Kita kena kasihan kerana mereka yang menyertai Amanah Ikhtiar ini mak cik-mak cik, orang-orang tua, orang kampung, orang yang tidak berdaya, orang tidak ada duit.

Akan tetapi kerana dia hendak bercampur, dia bukan ada *business*. Dia pinjam RM3000, setiap minggu dia kena bayar. Jadi saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi masa kepada saya sedikit.

Dato' Othman bin Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas. Amanah Ikhtiar ini sebenarnya telah membuktikan bahawa salah satu skim tabungan pinjaman yang berjaya sehingga kini di negara kita ini Amanah Ikhtiar. Mereka ini memang diberikan macam kumpulan mungkin 10 orang hingga 15 orang yang meminjam tetapi pinjaman mereka ini dijamin oleh anggota dalam kumpulan tersebut.

Sekiranya seorang peminjam yang meminjam mungkin RM3,000, RM5,000 tetapi tidak membayar atas apa jua sebab maka ahli kumpulan itu kena kutip di kalangan mereka untuk menjelaskan hutang kawan mereka. Jadi kalau hutang tidak diselesaikan dalam kumpulan itu, maka hutang baru tidak dapat diwujudkan. Sehingga kini, kita menerima laporan bahawa mereka ini merupakan kumpulan yang berjaya daripada segi disiplin membayar hutang dan juga dapat mengembangkan perniagaan walaupun kecil-kecilan di kampung-kampung.

Daripada segi soalan yang ditanya oleh Senator tentang *interest* kadar pinjaman sampai 10 peratus itu, saya tidak pasti. Saya hendak kena memberi jawapan bertulis kepada Yang Berhormat. Mungkin hanya diberikan caj atau pengenaan sekitar yang begitu minimum iaitu wang pengurusan dalam kumpulan tersebut. Jadi yang ini saya kena jawab secara bertulis dan *insya-Allah* saya akan kembalikan segera. Terima kasih.

4. Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan minta Perdana Menteri menyatakan, adakah kerajaan melihat peranan wakaf yang boleh dimaksimumkan dalam langkah penyelesaian kemiskinan bandar melalui campur tangan dalam industri hartanah kediaman di bandar.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan atas soalan yang dikemukakan.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, wakaf termasuk dalam senarai bidang kuasa negeri mengikut butiran 1, senarai 2, senarai negeri Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) selaku pemegang amanah tunggal bagi semua tanah wakaf di negeri-negeri masing-masing adalah bertanggungjawab untuk memastikan hartanah wakaf diuruskan dengan sebaiknya.

Dalam konteks ini, kerajaan menerusi Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) bersama MAIN sentiasa bekerjasama untuk memajukan tanah-tanah wakaf bagi memantapkan ekonomi orang Islam di seluruh negara. Bagi membangun dan memajukan tanah-tanah wakaf milik Majlis-majlis Agama Islam Negeri, kerajaan melaksanakannya melalui peruntukan bajet pembangunan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan Rancangan Malaysia Kesepuluh di mana JAWHAR dengan kerjasama MAIN telah membangunkan projek-projek hartanah wakaf merangkumi program pembangunan ekonomi, penyediaan perumahan, pendidikan, kesihatan, sosial dan premis perniagaan dalam fokus untuk meningkatkan taraf sosioekonomi umat Islam.

Ini telah memberi impak berganda yang amat positif kepada masyarakat Islam secara khususnya selain daripada mampu menjana hasil berterusan kepada para *awqaf* MAIN yang berkenaan.

Selain itu, pembangunan tanah wakaf milik MAIN juga telah dimajukan menerusi kaedah pendanaan alternatif melalui Strategi Lautan Biru (NBOS) di mana JAWHAR, Majlis-majlis Agama Islam Negeri-negeri, syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan pihak swasta di beberapa buah negeri seperti Pulau Pinang, Selangor dan Perak. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab soalan. Soalan tambahan saya berbunyi begini. Bagaimana Kerajaan Pusat melihat kelemahan pentadbiran pemegang amanah dalam kes ini merujuk kepada Majlis Agama Islam Negeri yang gagal membangunkan tanah wakaf demi kepentingan umat Islam di mana banyak tanah yang masih terbiar. Didakwa kurang sesuai untuk pembangunan termasuk pelbagai kerendah birokrasi lain. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana saya sebutkan tadi kuasa berkenaan dengan wakaf ini terletak secara terus di bawah kerajaan negeri dan Majlis Agama Islam Negeri-negeri. Walau bagaimanapun seperti mana yang saya sebutkan, melalui Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) ini kerajaan telah melaksanakan pelbagai program dan inisiatif-inisiatif untuk bersama-sama dengan MAIN terutamanya dalam hendak meningkatkan lagi segala usaha untuk kita membangunkan apa sahaja agenda yang

berkaitan dengan wakaf tetapi akhirnya ia tertakluk kepada kuasa Majlis Agama Islam Negeri-negeri.

Sebenarnya buat masa ini untuk pengetahuan Yang Berhormat, keluasan tanah wakaf yang telah dimajukan berjumlah 23.771 hektar. Ini tidak termasuk lain-lain tanah yang dibangunkan oleh MAIN negeri masing-masing. Ini projek-projek hartanah wakaf yang dilakukan secara usaha sama antara JAWHAR dan Majlis Agama Islam Negeri-negeri yang merangkumi program-program seperti mana yang saya sebutkan tadi, pembangunan ekonomi, pembangunan penyediaan perumahan, pendidikan, kesihatan, sosial dan premis-premis perniagaan.

Maknanya walaupun kita tidak mempunyai kuasa dalam konteks tanah-tanah wakaf ini tetapi kita cuba bersama-sama dengan Majlis Agama Islam Negeri-negeri untuk melaksanakan program-program secara Strategi Lautan Biru seperti mana yang saya sebutkan. Terima kasih.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Terima kasih. Kali ini saya dapat peluang Tuan Yang di-Pertua. Berbunga sedikit tetapi *insya-Allah* sedap. Saya ingin bertanya, kenapa kita melihat wakaf ini dalam satu skop yang sangat sempit, hanya soal tanah. Saya hendak menyatakan bahawa dua bulan lalu, negeri Johor telah melancarkan Saham Wakaf Johor di mana RM14.5 juta telah dapat dikutip bukan sahaja daripada orang ramai malah ada yang membuat potongan gaji. Begitu juga daripada anak syarikat negeri dan syarikat-syarikat biasa yang hendak menginfakkan wang mereka dalam bentuk wakaf.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok daripada segi sejarah Turki. Wakaf yang sebegini telah dilaksanakan beratus-ratus tahun dahulu. Kalau kita lihat, ia beli hotel sampai 7 Bintang hasil daripada saham wakaf. Begitu juga hospital, pasar raya. Jadi yang saya hendak soal di sini ialah boleh atau tidak Kerajaan Pusat mengambil satu inisiatif seperti pendekatan ini di mana sudah tentu daripada saham wakaf yang diinfakkan oleh orang ramai dapat kita manfaatkan seperti dalam pemilikan hotel, pasar raya, hospital. Misalnya sekolah TVET, seperti yang disebut oleh Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan bahawa peruntukan terhad. Akan tetapi kita melalui saham wakaf ini dapat membantu kerajaan mencapai cita-cita untuk kemakmuran Malaysia.

■1110

Tuan Yang di-Pertua, cuba bayangkan kita dapat menyelesaikan soal fardu kifayah kita. Kemudian daripada saham wakaf ini, kalau kita buat dan tadbir secara baik ia dapat menyelesaikan banyak masalah, peluang pekerjaan, ruang perniagaan, peluang perniagaan, memberikan perkhidmatan yang lebih baik dan juga memberi banyak manfaat kepada masyarakat Malaysia. Terima kasih.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Ya terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Senator Dato' Adam atas pandangan yang amat bernas dan juga pertanyaan dan persoalan berkenaan dengan bagaimana kita hendak mengoptimumkan sistem wakaf ini. Saya setuju dan sebab itulah kerajaan bukan sahaja melihat perkara ini sebagai suatu inisiatif yang penting untuk umat Islam tetapi juga untuk negara. Bahkan untuk pengetahuan, kerajaan menerusi JAWHAR telah menubuhkan Yayasan Wakaf Malaysia bagi membangunkan pelbagai inisiatif wakaf. Yayasan Wakaf Malaysia ini bekerjasama dengan majlis agama Islam negeri-negeri.

Seperti mana Yang Berhormat menyebut, wakaf bukan hanya dalam bentuk hartanah. Kita sudah mulakan pelbagai bentuk wakaf seperti mana yang dilakukan oleh sebahagian daripada majlis agama Islam negeri-negeri seperti mana Majlis Agama Islam Negeri Johor memperkenalkan sijil wakaf, wakaf korporat, wakaf tunai dan ini merupakan khazanah sistem ekonomi Islam yang sepatutnya kita terokai. Kalau kita mengambil modul seperti mana Yang Berhormat sebutkan Tuan Yang di-Pertua, Turki di dalam Kerajaan Uthmaniah telah mencipta ataupun menerajui sistem wakaf tunai yang hari ini mula kita melihatnya sebagai salah satu inisiatif yang penting.

Ia kerana Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sebagai pelopor dan peneraju sistem ekonomi Islam dan kita selalu melihat ekonomi Islam ini hanya dalam konteks perbankan dan kewangan Islam. Akan tetapi sebenarnya sistem ekonomi Islam ini terbahagi kepada dua sektor utama. Yang pertama sektor 'Tijari', *commercial sector* dengan izin. Yang kedua ialah sektor Ijtima'i ataupun sektor sosial. Sektor sosial inilah sebenarnya yang mempunyai komponen-komponen seperti wakaf, sedekah, baitulmal yang seharusnya kita mengoptimumkan.

Kita mudah-mudahan dengan usaha yang kita telah mula lakarkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dengan menubuhkan Yayasan Wakaf Malaysia dan kerjasama yang erat antara Yayasan Wakaf Malaysia dengan majlis agama Islam negeri-negeri, kita mengharapkan supaya secara berperingkat-peringkat kita dapat mengoptimumkan penggunaan dan memanfaatkan wakaf ini. Bahkan Kementerian Pengajian Tinggi pun sudah mula memperkenalkan skim wakaf ini di universiti-universiti. Kalau kita lihat di seluruh dunia terutamanya negara-negara Islam, universiti-universiti yang besar kebanyakannya bergantung pada wakaf, ia tidak bergantung pada kerajaan.

Begitu juga dengan sistem hospital, sistem pendidikan di beberapa buah negara termasuk negara Turki Yang Berhormat sebutkan tadi. Jadi sebab itulah inilah aspek yang harus kita gembeng, usaha kita, pemikiran, keupayaan kita dan kerjasama semua pihak demi

kita memartabatkan institusi wakaf demi kesejahteraan negara secara berkesinambungan ataupun *sustainable*. Terima kasih.

Tuan Isa bin Ab. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan saya, adakah usaha dan langkah daripada pihak kerajaan dalam memberi insentif dan mengurangkan rebat dalam pembayaran cukai pendapatan bagi menggalakkan masyarakat kita di Malaysia berwakaf? Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Buat masa ini kita tidak ada insentif tertentu kerana seperti mana saya sebutkan tadi, aspek wakaf ini adalah di bawah kuasa majlis agama Islam negeri-negeri. Akan tetapi saya percaya dengan adanya inisiatif penubuhan Yayasan Wakaf Malaysia ini, seperti mana saya sebutkan tadi secara berperingkat-peringkat kita dapat memaksimumkan dan mengoptimumkan dengan memanfaatkan sistem wakaf ini.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, sekarang ini tahap kesedaran masyarakat berkenaan wakaf semakin meningkat walaupun masih pada tahap yang amat minimum sekali.

Ramai orang yang nak bersedekah tetapi bersedekah secara *one off* tetapi dia lupa bahawa sebenarnya Islam menyediakan satu peluang untuk dia bersedekah yang mana pahalanya akan berterusan sehingga hari kiamat walaupun jasadnya mati. Seperti mana, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, hadis Nabi SAW yang menyebutkan... [*Menyebut hadis Nabi SAW*] "*Apabila matinya anak Adam, akan terputus segala amalannya kecuali tiga perkara*" Dan salah satu perkara yang disebutkan oleh Nabi ialah *sadaqatun jariah*. Dalam konteks ini ialah sedekah yang bersifat berterusan pahalanya.

Dalam hal wakaf ini memang kita mewakafkan apa juga aset kita, pahalanya akan berterusan sehingga hari kiamat walaupun jasad kita mati. Inilah tahap kesedaran yang harus kita gembeng dan harus kita tingkatkan demi kita mengoptimumkan, memanfaatkan wakaf supaya ia boleh menjadi satu instrumens penting untuk kesejahteraan umat secara keseluruhannya. Bukan sahaja orang Islam tetapi juga orang bukan Islam. Sekian, terima kasih.

Tuan Khairul Azwan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, satu soalan minta mencelah, sedikit sahaja, minta penjelasan sedikit dengan izin. Boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak ucap tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri.

Soal wakaf ini baru-baru ini semasa Forum Antarabangsa Belia, *Kuala Lumpur International Youth Discourse*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, telah dibangkitkan, muncul beberapa kumpulan yang menggunakan atas nama wakaf ini sebenarnya adalah untuk mengumpul dana-dana bagi disalurkan kepada kempen keganasan.

Soalan saya dua sahaja, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, pertama sejauh mana pihak kementerian ataupun KDN walaupun KDN tiada di sini mengenal pasti dana-dana yang

dikumpulkan atas nama wakaf ini sebenarnya disalurkan untuk tujuan keganasan terutama untuk membiayai rakyat Malaysia yang keluar untuk berjuang di sana.

Kedua, adakah langkah sedia ada terhadap perkara ini untuk mengawasi ataupun menangani perkara ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak-banyak kepada sahabat saya. Saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Khairul Azwan atas pelantikannya sebagai Senator yang baru, sebab itu dia bersemangat untuk bertanya soalan berkenaan dengan ini.

Walau bagaimanapun, sebenarnya ia di luar bidang kuasa saya untuk menjawab berkenaan dengan bagaimana usaha kita untuk menanganinya. Akan tetapi saya percaya sebab bukan sahaja wakaf kerana isu berkenaan dengan penyaluran dana untuk mendanai apa juga bentuk keganasan, ini di bawah Kementerian Dalam Negeri. Dalam konteks wakaf, bukan mudah sebenarnya kalau hendak menggunakan konsep wakaf ini untuk mendanai sesuatu aktiviti keganasan kerana wakaf ini ada syarat-syarat tertentu yang mesti mempunyai sandaran aset kekal.

Ini memerlukan modus operandi yang tidak mudah dan amat mudah untuk kita kesan kalau ia digunakan untuk perkara-perkara yang selain daripada perkara-perkara yang memberikan manfaat kepada umat secara keseluruhannya kerana ia bukan macam konsep '*Hiwalah*' yang sentiasa digunakan dalam penyaluran dana-dana atas nama instrumen kewangan Islam, menggunakan konsep untuk menyalurkan dana kepada aktiviti yang tidak memberikan manfaat seperti keganasan dan sebagainya. Akan tetapi saya percaya dalam konteks wakaf, dengan adanya prosedur-prosedur yang ketat sebenarnya di bawah majlis agama Islam negeri-negeri, hal-hal yang berkaitan dengan penyaluran dana kepada perkara-perkara yang tidak berfaedah ini sudah tentu boleh ditangani dengan berkesan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki. Nampak begitu aktif keluarga saya. Jadi untuk memanjangkan tadi yang berduit itu, dipanjangkan sedekah jariah bak kata orang-orang tua, "*Jauhari jua yang mengenal Manikam.*" Sekarang saya pergi kepada soalan nombor 5, Puan Hajah Khairiah binti Mohamed.

5. Puan Hajah Khairiah binti Mohamed minta Menteri Pengangkutan menyatakan, apa punca penerbangan AirAsia dari Kota Bharu tergelincir daripada landasan pada 1 November 2016 yang lepas.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, pada 1 November 2016 yang lalu, penerbangan AirAsia nombor penerbangan AK6443 telah terbabas daripada landasan di Lapangan Terbang Kota Bharu sekitar jam 10.03 malam.

■1120

Insiden ini berlaku apabila pesawat melakukan satu *maneuver*, dengan izin, bagi memusingkan pesawat kepada 180 darjah bagi persediaan untuk pelepasan. Walau bagaimanapun, pesawat gagal melakukan pusingan penuh apabila bahagian tayar kiri dan hadapan pesawat terkeluar dari kawasan kiri landasan. Kapten pesawat terpaksa mematikan enjin pesawat dan menurunkan kesemua penumpang daripada pesawat untuk dipindahkan ke terminal.

Untuk makluman, antara faktor yang mengakibatkan insiden ini adalah kerana kapten pesawat tidak menggunakan *landing lights* dari pesawat bagi membantu penglihatan dan mendapat penglihatan yang tepat bagi menjalankan *maneuver* berkenaan. Seterusnya teknik pusingan yang diguna pakai oleh kapten pesawat tidak berlandaskan kepada *standard operating procedure* atau SOP sedia ada. Di mana, kapten pesawat sepatutnya menggunakan *full tiller input*, dengan izin, bagi mengecilkan radius pusingan. Walau bagaimanapun, kapten hanya menggunakan 50 hingga 75 peratus *full tiller input* berkenaan.

Syarikat AirAsia telah mengeluarkan surat amaran ke atas kecuaiian terhadap krew yang terlibat dan seterusnya pihak Jabatan Penerbangan Awam telah turut mengenakan penggantungan sementara lesen juruterbang-juruterbang tersebut. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sila.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya yakin syarikat-syarikat penerbangan mempunyai perlindungan-perlindungan insurans seperti mana juga kereta yang ada insurans, skim-skim insurans.

Namun saya ingin merujuk kepada kes MH370 di mana sehingga kini terdapat 116 tuntutan saman yang telah difailkan di mahkamah-mahkamah di enam buah negara iaitu termasuk China, Amerika Syarikat, Perancis, Malaysia, New Zealand dan Australia bagi menuntut taksiran ganti rugi atau pampasan yang mana ia termasuklah ganti rugi am, ganti rugi khusus, teladan ataupun punitif.

Soalan saya, bagi kemalangan-kemalangan seperti MH370, adakah syarikat penerbangan dilindungi oleh mana-mana syarikat insurans? Jika ada, apakah syarikat perlindungan insurans tersebut? Jika tiada, adakah syarikat-syarikat penerbangan ini

dikehendaki mengadakan peruntukan khas khusus bagi membayar pampasan-pampasan ataupun tuntutan-tuntutan ganti rugi yang berkait dengan kemalangan sebegini? Sekian, terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sudah terkeluar daripada soalan asal. Walau bagaimanapun, saya cuba menjawab sedikit atau memberi penjelasan.

Memang pihak syarikat penerbangan dilindungi oleh insurans dan perkara ini apabila 116 saman dikemukakan, maka insurans atau pampasan ini akan ditentukan oleh pihak mahkamah. Terima kasih.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, terima kasih. Ya, sila.

Dato' Sri Khairudin Samad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekejap ya, bagi presiden sekejap. Bagi pengerusi Presiden sekejap.

Dato' Sri Khairudin Samad: Boleh? Saya dulu.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Tidak apalah, bagi *chief* dulu.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Dato' Sri Khairudin Samad: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah juga. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Saya, bila cerita fasal terbabas di landasan ini, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, yang pertama pengalaman saya dalam penerbangan ini. Kita tahu bahawa kita ini *being governed*, dengan izin, *being governed by CAA*. CAA kelulusan daripada British dan selalunya yang British ini lebih baik daripada FAA, yang Amerika punya. Akan tetapi saya nampak apa yang berlaku dengan AirAsia ini dia berlainan sedikit. Dia dapat banyak kemudahan, kelonggaran. Orang tengah naik, penumpang tengah naik pesawat, dia boleh isi minyak. Itu sebenarnya tidak boleh dibenarkan.

Pagi ini kalau Yang Berhormat Menteri ada maklumat, saya hendak tahu pagi ini saya difahamkan tayar meletup di landasan di KLIA. Apakah sebabnya? Adakah tayar kapal terbang tidak ada bunga pun boleh jalan? Dia kalau tidak ada bunga, cabutlah bunga raya, bunga apa tolong lekatkan dekat tayar kapal terbang. Ini pagi ini lagi satu, itu kalau Yang Berhormat Menteri sudah dapat maklumatlah. Saya minta Yang Berhormat Menteri, tolong jelaskan apa sebabnya yang berlaku? Ini di banyak tempat. Ini kerana kita tidak boleh bagi kelonggaran, tidak boleh kompromi dalam soal keselamatan terutama keselamatan rakyat negara ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, memang benarlah pagi ini berlaku insiden pecah tayar Syarikat Penerbangan AirAsia. Syarikat Penerbangan AirAsia ini daripada Madras jam 5.30 pagi ini dan kedua-dua tayar utama itu pecah semasa *landing*-lah. Walau bagaimanapun, pihak juruterbang sempat memberhentikan pesawat, maka tidak ada berlaku kejadian yang tidak diinginkan. Pihak AirAsia pun sempat memindahkan krew dan *passenger* ke terminal dan landasan *runaway* itu pun kena tutuplah. Sehingga hari ini, landasan ini masih ditutup akibat pecah tayar ini. Jadi itulah lebih kurang situasi pada hari ini dan kita jangka *runaway* ketiga dapat dibuka selepas selesai pembaikan tayar yang pecah ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Saya minta kita punya Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim, sila.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya bercakap mengenai kapal terbang ini dulu saya takut kapal terbang. Saya dulu masa kerja dulu kalau Yang Berhormat Menteri bagi tiket *flight*, saya balik naik kereta saya takut. Akan tetapi sekarang ini saya berani sudah.

Tadi- apabila akhir-akhir ini [*Disampuk*] Takut balik itu tidaklah, sebab saya naik Firefly dan Malindo Air sahaja. Tidak naik AirAsia ini. Akan tetapi AirAsia ini saya minta kementerian MOT kena *concern* sikitlah sebab, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, sebab kalau kerap berlaku kerosakan, kecuaihan, ini bukan soal AirAsia ini, ini soal penumpang. Saya tengok AirAsia ni *robust* sikit, depan turun belakang naik. Jadi tidak ada *rest* langsung ini.

Kalau MAS setengah jam, itu wajib. Kalau sampai pukul 11, 11.30 baru bertolak, tetapi kalau AirAsia ini depan turun belakang naik. Jadi saya minta MOT ini, Kementerian Pengangkutan ini pandang serius sikit, ini soal keselamatan. Kita tak nak bila berlaku, barulah kita hendak *check* semua sekali. Jadi saya tak nak. Ini bukan soal cerun jalan raya, ini soal penerbangan ini dia tarik tali apa. Kalau jatuh, jatuh macam buah kelapa jatuh. Jadi, minta MOT ambil perhatian serius. Jangan berlaku baru hendak ambil tindakan, hendak siasat itu, siasat ini tidak guna lagi, siasat sekarang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, mengenai amalan-amalan di peringkat pesawat-pesawat di dalam negara ini adalah di bawah kawalan pengurusan Jabatan Penerbangan Awam. Sehingga hari ini boleh dikatakan semua syarikat penerbangan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak DCA.

■1130

Salah satu yang ditetapkan oleh pihak DCA ialah peraturan sekurang-kurangnya apabila dia transit kena berhenti 20 minit. Dia tidak boleh berhenti lima minit, dia naik *passenger*, satu

lalu depan, satu lalu belakang. Ini saya rasa mungkin kurang tepat. Jadi, kalau ada berlaku bolehlah laporkan kepada pihak kerajaan kepada kementerian untuk kita menyiasat sekiranya berlaku pelanggaran transit yang mengenakan sekurang-kurangnya 20 minit untuk...

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Ya.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Hendak tanya sedikit.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Ya.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Saya, kapal terbang ini kita minat sedikit. Tidak jadi *pilot* pun tidak apalah. Sebab dahulu saya memang berulang alik dengan AirAsia.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Tidak- walaupun tidak saya katakan depan turun belakang naik pun saya tanya kenapa lima minit, sepuluh minit berhenti. Dia kata kalau *parking* lama kena bayar mahal sewa. Jadi, AirAsia ini dia *think for the profit*, bukan fikir soal servis. Saya tanya kenapa cepat, "*Oh, kalau parking lama kena bayar mahal pada MAHB?*". Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Yalah ini memang dari sudut perniagaan memang dia punya *philosophy* ini, setiap pesawat ini kata orang, dengan izin, *aircraft always on the air*-lah. Kalau dia *grounded*, dia tidak ada *income*. Jadi, memang dia dalam proses yang kata orang itu kecekapan dan ketepatan. Jadi, walau bagaimanapun seperti saya nyatakan pihak DCA telah membuat prosedur-prosedur keselamatan untuk tidak berlaku perkara-perkara yang boleh menjejaskan keselamatan. Sehingga kini, tidak ada laporan ada pesawat yang melanggar peraturan yang dikenakan oleh pihak DCA. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan kita selalu ingatlah bak kata orang tua-tua tadi, tiap-tiap satu peristiwa yang ku jadikan itu ada hikmahnya dan Ahli Yang Berhormat mengizinkan sekejap saya hendak maklumkan, saya hendak sampaikan bahawa saya lupa hendak beritahu bahawa saya dahulu pada 2 hari bulan Disember, dijemput oleh pihak Presiden sebagai pemerhati oleh *Central Election Commission of the Republic of Uzbekistan* untuk mewakili Dewan Negara sebagai pemerhati pilihan raya Presiden Uzbekistan II. Negara ini yang rata-rata *95 percent Muslim* orangnya dan saya telah pergi ke sana membawa kita punya mantan iaitu Yang Berhormat Senator Boon pun pergi dan juga Datuk Salim pun pergi rasa saya. Dua orang kita bawa pergi sana dan saya dapati bahawa pertandingan amat baik.

Saya dapati bahawa mereka menjalankan pilihan raya yang cukup baik dan licin, telus dan *friendly* saya nampak tadi. Saya berjumpa peguam, berjumpa dengan hormat kepada

Deputy Chairman of the Senate tadi, dengan izin, dan juga berkenaan kunjungan hormat saya kepada *Speaker of the Chamber of the Parliament* itu- akhirnya, saya dapati bahawa 80 percent mengundi kepada Presiden yang baru Shavkat Mirziyoyev- saya rasa menang dia. Saya ingat banyak kita belajar daripada segi pilihan raya itu. Agak tidak kecoh dan *friendly*. Iitu yang saya nampak baiknya. Sekian, terima kasih ya.

Sekarang saya hendak pergi kepada Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal.

6. Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal minta Perdana Menteri menyatakan, apakah langkah-langkah yang dirancang secara holistik dalam usaha membantu kaum India mempertingkatkan pegangan ekuiti yang jelas ketinggalan berbanding dengan kaum-kaum lain dan nyatakan kadar kemiskinan mengikut kaum bagi tempoh sepuluh tahun.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Devamany A/L S. Krishnasamy]: Tuan Yang di-Pertua terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal kerana mengutarakan soalan ekuiti dan kemiskinan kaum India.

Untuk maklumat Yang Berhormat, jumlah ekuiti masyarakat India sehingga kini 1.3 peratus. Kerajaan sentiasa menitik beratkan usaha-usaha untuk meningkatkan ekuiti milik kaum India melalui sekretariat khas diwujudkan di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk memperkasakan usahawan India. Kerajaan sedang merancang untuk mengadakan beberapa program untuk meningkatkan tahap ekuiti masyarakat India.

Pada tahun- dua cara Tuan Yang di-Pertua, satu satu cara jangka pendek. Satu cara jangka panjang. Untuk jangka pendek, usaha pertama telah dilakukan pada tahun 2010 di bawah OPP2, dengan izin ,sebanyak RM2 bilion telah disalurkan khas untuk penyertaan ekuiti masyarakat India melalui Amanah Saham 1Malaysia yang telah habis jual. Dalam proses sama, kita dapati bahawa cabaran ekuiti masyarakat India pengagihan masyarakat itu tidak serata. Kalau ekuiti itu dipegang oleh beberapa orang usahawan paling kaya, ia tidak menunjukkan pengagihan itu adalah adil kepada seluruh masyarakat India.

Untuk itu, pendekatan baru yang telah diambil adalah untuk usaha jangka panjang. Maka ini ada tiga pendekatan yang digunakan:

- (i) fasilitasi dana;
- (ii) bina upaya masyarakat sendiri untuk menjana pendapatan ke arah peningkatan ekuiti; dan

- (iii) kepentingan strategik yang dibuat yang saya kata tadi supaya pengagihan kekayaan ekuiti itu disebarikan seluruh masyarakat bukan dimiliki oleh beberapa orang tertentu sahaja dalam *equity market*.

Maka, untuk itu sekretariat ini khas diwujudkan, satu SEDIC, satu SEED diwujudkan khas selain daripada program-program lain, yang telah disalurkan di Rancangan Malaysia Ke-10 dan Ke-11 dan ada program-program 2017 yang ada banyak program lain bersama masyarakat yang lain. Ini khas untuk masyarakat India.

Pertama, melalui SEED di Jabatan Perdana Menteri telah mengagihkan dana pinjaman perniagaan sebanyak RM1.182 bilion dari tahun 2010 sampai sekarang kepada 28,442 orang usahawan India dari tempoh empat tahun sahaja iaitu 2012 hingga 2016. Bagi dana pinjaman perniagaan mikro disalurkan melalui TEKUN Nasional dan Amanah Ikhtiar Malaysia.

Untuk usahawan India Malaysia pada tahap perusahaan kecil dan sederhana (PKS), agensi yang digunakan SME Bank Malaysia, *Malaysian Industrial Development Finance Berhad* (MIDF), *Credit Guarantee Corporation* (CGC) di bawah Bank Negara Malaysia dan *SME Corporation*.

Dana pinjaman yang diagihkan untuk usahawan mikro ialah 29.8 peratus daripada keseluruhan dana yang tersedia dan 70.2 peratus adalah untuk usahawan tahap PKS. Manakala daripada segi bilangan usahawan, 95.3 peratus penerima usahawan mikro. Saya ulangi, mikro dan 4.7 peratus syarikat-syarikat PKS. Saya balik kepada konsep tadi, *strategic planning*. Di mana kalau adanya pinjaman-pinjaman kecil yang diberi maka per *capacity building* dia, dengan izin, kurang. Maka kita kena, migrasikan kekayaan itu daripada segi ekuiti daripada usahawan kecil kepada usahawan besar PKS. Itulah usaha kita.

Maka, selain daripada pinjaman perniagaan- telah menjalankan program pembangunan kapasiti. Ini kerana masyarakat India pada mulanya daripada golongan-golongan petani. Lepas itu menjadi pekerja-pekerja kilang. Sekarang kita hendak jadi mereka usahawan. Maka kita kena perlu *capacity building*. Itu yang sedang dilakukan dan industri-industri fokus telah diberikan kursus seperti halal, *franchise*, logistik, runcit dan juga perniagaan-perniagaan digital. Kitalah menjadi fokus.

Selain daripada itu, untuk makluman Yang Berhormat SEDIC diwujudkan untuk membina kapasiti dan memperkasakan kemahiran masyarakat India khususnya belia. Untuk menjana pendapatan untuk ekuiti belia. Okey, dengan izin, pada tahun 2014, sebanyak RM68 juta telah di peruntukan pembangunan sosial ekonomi masyarakat India.

■1140

Pada tahun 2015, sebanyak RM100 juta telah diperuntukkan untuk pembangunan-pembangunan sosio, program pembangunan sosioekonomi masyarakat India untuk golongan B40 sebanyak RM82.4 juta telah disalurkan bagi 379 program Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan sebanyak RM6.4 juta bagi tujuh buah pusat latihan kemahiran swasta IKS. Pada tahun ini, 2016, sebanyak RM52.6 juta untuk pembangunan sosioekonomi masyarakat India bagi golongan B40 dan juga peruntukan untuk 167 program Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan 22 buah pusat latihan kemahiran swasta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil dan impak program yang dilaksanakan hanya diukur dan sekurang-kurangnya tiga tahun digunakan untuk pelaksanaan. Kita buat ukuran setiap tiga tahun dengan harapan bahawa segala ini akan memberi impak kepada ekuiti keseluruhan dan mengatasi masalah kemiskinan masyarakat India.

Akhir sekali Yang Berhormat dan minta maaf Tuan Yang di-Pertua kerana banyak kali soalan telah diajukan. Maka saya memberi dengan begitu terperinci jawapan. Langkah-langkah yang akan terus diambil pada tahun ini, tahun hadapan adalah melalui satu *blueprint* yang sedang dirangka untuk sepuluh tahun masyarakat India untuk dua juta orang masyarakat India, mengambil kira demografi, tahap kemiskinan, T20 orang paling kaya, *middle 40 (M40)* dan juga B40 dan apakah strategi untuk *plug in* dan juga untuk yang baru, untuk dibuat untuk merangka pembangunan mereka sehingga 2020. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri menjawab.

Soalan tambahan saya, adakah langkah-langkah ini dapat benar-benar dicapai bagi mengisi jurang perbezaan yang jelas jauh ketinggalan, mekanisme yang konkrit serta sebuah jabatan di bawah seliaan Perdana Menteri mampu membantu meningkatkan kedudukan ekonomi kaum India di negara ini dengan segera bagi kekal relevan menuju ambang negara maju dan berpendapatan tinggi? Apakah komitmen dan tindakan kerajaan dalam usaha diharap ini dan apakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu buah jabatan yang dikhususkan untuk kaum India di bawah seliaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi benar-benar memperkasakan kedudukan ekonomi dan pegangan ekuiti kaum minoriti ini dapat dibela? Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Devamany A/L S. Krishnasamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan pertama, adakah boleh diukur pencapaian, setakat mana ukuran itu? Sebagai satu contoh kerana kalau kita hendak ukurkan semua, saya tidak dapat jawab di sini kerana mengambil masa. Maka saya bagi satu sahaja contoh. Contohnya, dari tahun 2008 hingga bulan Oktober

2016, melalui sekretariat yang kita sedia wujudkan di Jabatan Perdana Menteri, kita ada 28,116 orang yang telah menerima dana untuk perniagaan. Ini boleh kita pergi secara jitu seperti berikut.

Sumber Dana	Bilangan Penerima
TEKUN	17,748
Amanah Ikhtiar Malaysia	9,041
SME	172
MIDF	89
CGC	908
SME Corp.	158

Ini ialah ukuran yang kita buat sekarang. Maka kita boleh mengukur dengan jelas sekali, dengan jitu siapa penerima dan apa kejayaan mereka.

Itulah tetapi saya balik kepada soalan ini, bolehkah satu buah jabatan khas diwujudkan untuk memantau. Baik, sekarang dari mulanya saya dahulu di Jabatan Perdana Menteri pada tahun 2008 sehingga tahun 2013, masa itu kita mengadakan program-program satu dua macam itu.

Sekarang sudah nampak SEED, SEDIC, Jawatankuasa Transformasi Sekolah-sekolah Tamil dan ada *Special Implementation Task Force (SITF)* di bawah Yang Berhormat Datuk Seri Dr. S. Subramaniam dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjadi pengerusi kepada Jawatankuasa Kabinet untuk masyarakat India. Sudah ada dan saya dalam *blueprint*, saya pun setuju dan jawatankuasa sedang memberi syor supaya satu buah jabatan diwujudkan. Kalau boleh, untuk memantau segala-galanya supaya pengagihan kekayaan menjadi denyutan dasar pembangunan negara dapat disalurkan kepada semua termasuk masyarakat India. Terima kasih.

Dato' Goonasakaren A/L Raman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, orang Pahang. Saya pun orang Pahang. Di bawah kepimpinan beliau kaum India menerima berjuta-juta Ringgit di bawah Sekretariat SEED, SEDIC lah dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, saya masih kurang berkeyakinan walaupun berjuta-juta Ringgit disalurkan kepada kumpulan-kumpulan NGOs ataupun belia-belia yang sedang berniaga dan kepada wanita di bawah peruntukan RM30 juta seperti Bajet 2015 melalui Amanah Ikhtiar. Nampaknya ini semua tidak boleh meningkatkan ekuiti kaum India. Ini adalah untuk membantu kaum India secara jangka masa pendek. Kerajaan perlu meningkatkan, harus membantu

syarikat-syarikat berdaya saing tinggi milik kaum India ke arah menjadi *public listed company*, dengan izin dan secara langsung dapat membantu mempertingkatkan ekuiti kaum India.

Pada tahun 2009, kerajaan melalui PNB telah mewujudkan Amanah Saham Nasional dan Amanah Saham Wawasan 2020 seperti juga Amanah Saham 1Malaysia untuk membantu masyarakat India melabur dan pada masa yang sama, menaikkan ekuiti. Perlu wujud skim seperti itu untuk membantu kaum India kumpulan M40 dan juga kumpulan B40. Apakah kerajaan berniat untuk mewujudkan skim seperti ini pada masa-masa akan datang untuk meningkatkan ekuiti kaum India? Terima kasih.

Dato' Sri Devamany A/L S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Goonasakaren kerana mengajukan soalan ini.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kita mengakui bahawa dalam kita merangka program dan pelaksanaan ini mesti ada masalah-masalah dan dalam proses semasa kita kena jernihkan, kita dalam proses menjernihkan supaya kumpulan sasaran dan implementasi program diperkasakan betul-betul memberi pencapaian yang boleh dibanggakan.

Kedua, adakah cadangan untuk mewujudkan balik atau menawarkan balik program seperti Amanah Saham 1Malaysia yang telah ditawarkan pada 2009-2010?

■1150

Dalam cadangan kita dalam *blueprint*, tahun depan kita cadangkan kepada Perdana Menteri supaya, untuk makluman Yang Berhormat, memberi satu skim yang sama untuk mempercepatkan supaya sasaran tiga peratus itu dapat dicapai- ekuiti masyarakat India.

Untuk itu, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya cerita sedikit dalam bahasa Inggeris. *We have to look at demography; the target group; the mechanism of scheme; dan juga communication plan; plus distribution network.* Lima elemen ini kita akan jaga supaya penerimaan dan juga pengagihan itu adalah betul-betul kukuh dan membawa impak yang betul.

Seterusnya, kita sedang bincang mekanisme untuk bawa syarikat-syarikat ini ke dalam bursa saham, katakan, untuk meningkatkan tahap keupayaan mereka. Kita melihat mekanisme yang digunakan oleh TERAJU dan Ekuinas sebagai satu kaedah yang boleh digunakan oleh masyarakat India. Kita kerjasama dengan TERAJU juga untuk dapat maklum balas bagaimana pengalaman mereka dengan bumiputera dan bagaimana ini boleh digunakan sebagai *sampling* atau modal ataupun model untuk masyarakat India. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

7. Dato' Dr. Johari bin Mat minta Menteri Kewangan menyatakan, sejauh manakah sambutan terhadap Skim Simpanan Persaraan 1Malaysia dan Skim Persaraan Swasta sejak ia dilancarkan.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Othman bin Aziz]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat, rakan-rakan Ahli Yang Berhormat.

Merujuk kepada soalan nombor 7, Skim Simpanan Persaraan 1Malaysia (SSP1M) dan juga Skim Persaraan Swasta (PRS) merupakan inisiatif kerajaan untuk mewujudkan budaya penyimpanan untuk persaraan bagi golongan muda dan golongan yang bekerja sendiri serta tiada pendapatan tetap.

SSP1M dilancarkan pada tahun 2010 dan dikendalikan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ataupun EPF manakala PRS pula dilancarkan pada tahun 2012 dan *Private Pension Administrator Malaysia* (PPA) iaitu sebuah badan yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti di bawah seksyen 139C Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 bertindak sebagai pusat pentadbir skim ini.

Kedua-dua skim ini mendapat sambutan yang menggalakkan dan berjaya meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap budaya penyimpanan untuk persaraan. Sehingga bulan November 2016, seramai 85,577 orang telah mencarum dan menyertai SSP1M dengan jumlah caruman melebihi RM462.2 juta. Daripada jumlah tersebut, seramai 11,086 orang layak menerima sumbangan dividen tambahan, *additional dividend*, maksimum RM120 setahun daripada kerajaan bagi separuh pertama tahun 2016.

Manakala bagi PRS, sehingga November 2016, seramai 212,000 orang pencarum telah mencarum melalui lapan buah institusi kewangan yang terlibat dengan nilai aset bersih sebanyak RM1.379 bilion. Terima kasih.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Menteri yang telah memberi jawapan yang jelas kepada kita berhubung dengan dua-dua skim yang telah ditawarkan kepada masyarakat pekerja khususnya yang tidak bekerja dengan kerajaan.

Saya ingin tahu bentuk caruman yang telah dibentuk untuk mereka ini mencarum dan bilakah mereka akan dapat? Adakah bentuk caruman yang dipotong mengikut sistem KWSP yang ada sekarang dan apabila mereka bersara nanti mereka akan- bilakah mereka akan menerima pencen mereka itu? Terima kasih.

Dato' Othman bin Aziz: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat.

Dalam konteks SSP1M, mereka boleh membuat pendaftaran dan mencarum mengikut kemampuan, seterusnya mereka juga akan menerima dividen sama dengan pencarum biasa, EPF. *Withdrawal* atau boleh mengeluarkan duit mereka apabila mereka sampai umur 50 sebanyak

30 peratus. Kemudian *the balance* atau bakinya 70 peratus hanya boleh dikeluarkan pada umur 55. Ini pun sama dengan EPF. Mereka juga mendapat *relief* dari Lembaga Hasil, percukaian sebanyak RM6,000 seperti juga yang mana dinikmati oleh pencarum biasa.

Bagi PRS pula, mereka boleh membuat caruman pun seperti mana mereka perlukan atau mereka hendak buat mereka ada kemampuan sama ada setiap bulan, sebulan dua kali dan sebagainya, mereka boleh buat. Cumanya, kita kena ingat ini bukan satu caruman mandatori ataupun ikut statutori tapi adalah ikut *voluntary*. Maka dia ada sedikit macam bila ada kemampuan boleh buat lebih, maka boleh simpan lebih.

Kemudian, pulangan dividen kepada PRS ini berbeza sedikit sebab ia adalah atas urusan pengurusan yang dibuat. Bagaimana dana ataupun tabungan yang dibuat itu diuruskan oleh mereka yang menguruskan dana ini, secara umumnya boleh dikatakan pulangannya antara 4 ke-8 peratus setahun bergantung kepada tabungan. Tabungan ini macam contoh, ada jenis tabungan yang agak konservatif, ada juga yang jenis tabungan *growth*.

Contohnya untuk tabungan *growth* ini, 80 peratus dalam bentuk ekuiti manakala 20 peratus dicarumkan atau dilaburkan dalam *money market*. Maka, ia juga mempunyai pulangan yang agak tinggi tapi risikonya juga agak tinggi. Sudah tentulah kita mengharapkan apabila skim ini dapat dibuka dan diberi ruang kepada rakyat untuk menyertai, ia akan ada juga simpanan untuk hari tua pada masa depan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih banyak Yang Berhormat. Sekarang saya pergi kepada Yang Berhormat Senator Dato' Indera Hoh Khai Mun. Dia tidak hadir tapi diwakilkan kepada Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin. Silakan.

8. Datuk Ng Chiang Chin [Di Bawah Peraturan Mesyuarat 23(2)] minta Menteri Pendidikan menyatakan, apa garis panduan yang akan digunakan sekiranya Kementerian ingin menjalankan hukuman gantung persekolahan selama setahun terhadap pembuli sekolah.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan ketibaan ketua-ketua MIC Bahagian Parlimen Hulu Selangor ke Dewan yang mulia ini yang dipimpin oleh Ketua Bahagian, Encik Balasundram. Terima kasih.

Ahli Yang Berhormat Senator yang saya hormati, Kementerian Pendidikan Malaysia sedang meneliti dan memperhalusi cadangan pelaksanaan hukuman gantung selama setahun ke atas pembuli. Belum diamalkan, hanya dalam proses penelitian dan kita memperhalusi cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Sehingga kini, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia masih mengekalkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 8 Tahun 2010 dalam menghukum murid-murid yang didapati bersalah bagi kes buli di sekolah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ng Chiang Chin: Soalan tambahan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah beri jawapan begitu jelas. Saya ada sikit soalan tambahan.

Pelaksana tindakan gantung persekolahan berkemungkinan bersifat tidak rasional dan tidak berkesan membasmi masalah buli di kalangan pelajar. Sekiranya pembuli digantung sekolah, mereka mungkin terdedah dengan gejala negatif sosial. Sekurang-sekurang kalau di sekolah, guru-guru dapat mencegah pembuli daripada perbuatan mereka.

Justeru, saya ingin minta pihak kementerian, sama ada mereka pernah mempertimbangkan kaedah lain dalam mengatasi masalah buli dalam kalangan pelajar? Terima kasih.

■1200

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator- sahabat yang begitu prihatin atas isu-isu masalah buli.

Untuk makluman Yang Berhormat, kita tidak sekali-kali ingin mencadangkan bahawa pelajar itu dikeluarkan daripada sistem persekolahan walaupun cadangannya masih dalam penelitian. Kita ingin membantu pelajar-pelajar ini supaya dapat pergi sekolah dan kita juga cuba mewujudkan program-program intervensi yang akan dilaksanakan yang mempunyai elemen-elemen berbentuk hukuman, pemulihan dan penginsafan. Paling penting dalam konteks ini Yang Berhormat ialah, pemulihan dan penginsafan. Murid yang dihukum gantung mesti mengikut intervensi yang ditetapkan seperti berikut. Ini cadangan-cadangan kita:

- (i) mengikut modul pembangunan nilai-nilai murni;
- (ii) mengikut pendidikan kesedaran bersama PDRM, Jabatan Penjara Malaysia dan Jabatan Kebajikan Masyarakat;
- (iii) melaksanakan khidmat masyarakat melibatkan ibu bapa dan komuniti setempat;
- (iv) mengikut perkhidmatan kaunseling dan konsultasi ibu bapa; dan
- (v) mengikut modul akademik.

Maka pelajar ini sekiranya diambil tindakan seumpama ini, kita akan memastikan akademik pelajar ini tidak terganggu dan pada masa yang sama pelajar ini dapat melalui program-program intervensi semata-mata untuk memulihkan dan memberi penginsafan kepada

pelajar tersebut. Itulah matlamat Kementerian Pendidikan Malaysia. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi soalan? Sila.

Dato' Goonasakaren A/L Raman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Masalah disiplin dan buli perlu ditangani secara berkesan.

Kebelakangan ini kes disiplin dan buli banyak kita dengar. Kita baca di surat khabar melalui *facebook*, *whatsapp* dan sebagainya. Bukan sahaja di kalangan lelaki, malah lebih hebat di kalangan perempuan. Hakikatnya kes disiplin bukan sahaja membawa impak negatif kepada mangsa dan pelaku, tetapi juga menjejaskan nama baik sekolah serta guru. Soalan saya, bagi menangani masalah disiplin dan kes buli, setakat manakah kementerian memberi kuasa kepada jawatankuasa disiplin di peringkat sekolah untuk mengambil tindakan? Ketika ini guru disiplin hanya berperanan membawa kes dan bukti ke peringkat pentadbiran sekolah, kemudian diserahkan ke Pejabat Pendidikan Daerah yang mana kebiasaannya proses penyelesaiannya mengambil masa yang agak lama.

Soalan kedua, pada 27 Mac 2016, dalam satu ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, menyatakan bahawa kes buli di sekolah di seluruh negara berkurangan kepada 3,000 kes berbanding 4,000 kes yang tercatat pada tahun 2014. Soalan saya, mohon Yang Berhormat Datuk menyatakan angka kes disiplin termasuk kes buli sehingga hari ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana sudi menjemput ketua-ketua MIC daripada Parlimen Hulu Selangor ke Dewan yang mulia ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua... [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Terima Kasih.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Goonasakaren atas soalan tersebut.

Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia kita ini, kita telah pun memberi kuasa bukan sahaja kepada PPD tetapi juga pihak pengurusan sekolah. Pada jenayah-jenayah tertentu ataupun kes-kes buli yang tertentu, pihak pengurusan sekolah sendiri boleh mengambil tindakan yang sewajarnya dan tiada kekangan sama sekali. KPM, JPN ataupun PPD tidak akan menyekat kuasa guru disiplin atau pengetua, guru besar untuk mengambil tindakan yang sewajarnya. Kes akan dirujuk kepada PPD dan JPN hanya sekiranya ia tidak dapat dikawal atau di luar bidang kuasa mereka. Contoh kalau ada kes buli yang menyebabkan kecederaan, kemalangan, maka mungkin akan

dirujuk kepada PPD untuk mendapat nasihat dan kita akan membuat siasatan dengan kerjasama pihak pengurusan sekolah.

Seperi mana yang saya maklumkan dalam bulan Mac 2016 untuk maklumat Yang Berhormat, berdasarkan rekod Kementerian Pendidikan Malaysia, sebanyak 0.08 peratus kes buli melibatkan murid sekolah berlaku pada tahun 2012 dan 2013. Peratusan kes buli menurun kepada 0.06 peratus pada tahun 2014 dan 2015 dan bagi tahun 2016 Yang Berhormat, peratusan murid sekolah rendah yang terlibat dalam gejala buli ialah 0.03 peratus, manakala murid sekolah menengah pula pada kadar 0.11 peratus.

Maklumat terperinci lebih dari ini mungkin saya dapat berkongsi dengan Yang Berhormat kemudian. Akan tetapi Yang Berhormat, walaupun angka ini menurun, Kementerian Pendidikan Malaysia tidak berdiam. Hasrat kita, *we want to have zero bullying cases*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Kita hendak *zero bullying cases* dalam sekolah dan kita hendak mengambil semua tindakan yang boleh di bidang kuasa kita. Kita dapat melaksanakan ini sekiranya kita juga mendapat sokongan dan kerjasama ibu bapa, komuniti. Jangan buat tidak peduli sekiranya ada kes buli. Ibu bapa juga harus ambil maklum sekiranya kes buli ini tidak dilaporkan, maka kita tidak dapat mengambil tindakan. Sekiranya dilaporkan, tindakan pasti diambil.

Oleh itulah Yang Berhormat Menteri Pendidikan sendiri telah cuba mencari pelbagai kaedah untuk mengatasi. Seperti mana yang saya katakan tadi kepada Senator Ng Chiang Chin sebentar tadi, hasrat kita bukan untuk menghukum, hasrat kita bukan untuk menidakkan masa depan pelajar ini, hasrat kita ialah untuk memulihkan pelajar ini, menginsafkan pelajar ini supaya dia dapat melaksanakan akademik dia tanpa sebarang masalah dan mewujudkan satu keadaan yang cukup selesa untuk semua pelajar termasuk ibu bapa masing-masing untuk menghantar anak mereka ke sekolah. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Dato' Suhaimi.

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya hendak menarik kepada satu laporan pada 29 Oktober 2016, berlaku di Singapura. Seramai tujuh orang murid telah dibuang sekolah dan di antaranya telah pun dirotan kerana mereka ini mempunyai video menggunakan *smart phone* ambil gambar guru-guru yang pakai skirt, *female*. Kemudian dia *viral*-kan dan didapati tujuh orang pelajar yang terlibat. Ini di Singapura yang kita rasa sistemnya kadang-kadang begitu *tally* sekali dengan *human right* dan sebagainya. Mereka buang sekolah dan mereka rotan. Kadang-kadang Yang Berhormat Menteri, *punishment* yang begini menjadi pengajaran kepada seluruh pelajar di

Singapura itu dan hasil daripada laporan ini dikatakan bahawa selepas itu tidak ada lagi yang membuat perkara ini.

Jadi saya nak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, setahun ini cukupkah untuk kementerian hendak mengajar anak-anak yang bukan Singapura ini, Malaysia ini yang kita *border* dengan Thailand, *border* Indonesia yang banyak Indonesia dalam negara kita. Saya nak tanya Yang Berhormat, adakah kajian mendalam dibuat? Apakah perlu kita mengikut negara jiran kita yang begitu sensitif dengan perkara-perkara sebegini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Suhaimi, terima kasih juga kepada Tuan Yang di-Pertua.

Ya, kajian telah dibuat. Saya setuju apa yang dikatakan Yang Berhormat Senator sebentar tadi, kadang-kadang kalau budak ini sudah nakal, setahun pun tidak cukup untuk menginsafkan dia. Akan tetapi apa yang boleh kita buat ialah setakat mencuba dan berdoa agar pelajar ini insaf. Ini kerana apabila masalah buli ini wujud, ia bukan hanya wujud kepada seorang pelajar. *The entire environment is involved when the student gets into a bullying case*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Akan tetapi, kita di Kementerian Pendidikan Malaysia mengambil kira semua ini. Mungkin apa yang boleh dilaksanakan di Singapura, mungkin tidak boleh dilaksanakan di Malaysia. Bukan kerana kita tidak mahu, tetapi kita kena lihat budaya dan juga tradisi dan latar belakang negara kita. Kita tidak mahu menghukum dan menghancurkan masa depan anak kita. Itu sahaja harapan kita ialah untuk memulihkan dan menginsafkan. Ayat ini saya gunakan sentiasa kerana itulah harapan kita.

■1210

Kita hendak membantu, *we don't want the bully to be a bully forever*, dengan izin, tetapi kita hendak cuba kaedah-kaedah yang terbaik. Walaupun hasrat kita tahu tetapi dalam Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*] dan juga Akta Kanak-kanak 2001, ia tidak memberi ruang untuk kita melaksanakan hukuman gantung satu tahun tetapi dibenarkan enam bulan. Dalam masa enam bulan ini kita harus melaksanakan apa yang patut, yang terbaik, tanpa menjejaskan masa depan anak kita supaya dia insaf, itu harapan kita.

Seperti mana yang saya katakan tadi, saya ingin menegaskan lagi, kes buli ini kita boleh menghapuskan, kita boleh melaksanakan satu program untuk tidak ada lagi kes buli tetapi ia hanya boleh berkesan sekiranya kita mendapat kerjasama sepenuhnya dari semua komuniti. Bekerjasamalah dengan Kementerian Pendidikan Malaysia, bekerjasamalah dengan

sekolah-sekolah tersebut untuk kita mengawal dan mensifarkan kes buli di kalangan sekolah kita. Apa yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Senator, saya juga ambil maklum, kita ambil maklum. Kita tengok mana yang berpatutan dan mana yang boleh kita laksanakan di negara kita, sudah pasti kita akan laksanakan untuk kebaikan kita semua bersama. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab bagi pihak kementerian. Ini masalah yang serius dan saya berharap pandangan dan cadangan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Suhaimi ini diambil berat kerana harap tidak ada kes yang lain yang membabitkan buli-buli ini, kementerian pula datang ke Parlimen, Dewan yang mulia ini dengan jawapan yang sama pada hari kelak. Sekarang kita alih kepada Datuk Koh Chin Han.

9. Datuk Koh Chin Han minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan adakah peruntukan masih disalurkan kepada pemberian *anti-dengue home kits* kepada penduduk di kawasan senarai hitam kes denggi dan Zika serta *dengue test kit* kepada klinik. Apa statistik pemberian kedua-dua inisiatif yang telah dilaksanakan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana sentiasa melihat saya, saya tunggu berhari-hari untuk menjawab soalan. Selalunya berada di kaca *borderline*.

Tuan Yang di-Pertua: [Ketawa] Ya, ya.

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Pertama kali saya ingin mengalu-alukan kedatangan Parlimen Belia Malaysia ke Dewan Negara dan diharap lawatan ini akan memberi manfaat kepada tetamu yang hadir pada hari ini [Tepuk] Selamat datang ke Dewan Negara. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Koh Chin Han kerana menanya soalan ini, kerana memberi peluang kepada saya untuk menerangkan apakah sumbangan pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dalam menangani kes denggi ini.

Sebenarnya, soalan daripada Senator berkenaan dengan kes denggi ini adalah di bawah program dikata Program Komuniti Bebas Denggi yang telah dilaksanakan pada tahun 2015 oleh Inno Biologics Sdn. Bhd. ataupun InnoBio iaitu sebuah agensi di bawah kawal selia Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Sebenarnya, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi ini tugasnya membiayai penyelidikan. Salah satu daripada kes penyelidikan yang telah dilakukan bersama dengan sebuah universiti tempatan melalui *TechnoFund* yang mana telah melibatkan penyelidikan

trypsin modulating oostatic factor ataupun TMOF dan bakteria *bacillus*, panjang nama dia ini, *bacillus thuringiensis sorovar israelensis (Bti)* ke atas sekam padi yang akan memberhentikan penghadaman protein pada nyamuk aedes. Jadi, kita telah membiayai penyelidikan ini melalui TechnoFund dengan universiti tempatan masa kita hasilkan satu buah produk yang boleh mengawal denggi.

Oleh sebab kita selalu kata bila kita membiayai sesuatu produk tetapi kita tidak menggunakannya, oleh itu Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi melalui Program *Flagship* telah melibatkan penyerahan 100,000 kit denggi yang mengandungi 30 kali satu gram *sachet MOSTI side* benda yang kita nama komersialkan, 500 mililiter *dengue guard insert repellent* dan cakera padat yang berisi tiga episod kesedaran mengenai bahaya denggi, buku cerita kanak-kanak, *ovitraps* iaitu satu set perangkap jejentik nyamuk aedes pada buku panduan penggunaan ini.

Jadi, kita gunakan itu, kita bagi *free* kepada masyarakat. Ini hasil penyelidikan kita dan kita berharap dalam proses pengkomersialan, bila kita guna balik hasil penyelidikan, kita berharap produk ini akan dapat dijual pada satu ketika nanti. Jadi, pelaksanaan program ini telah melibatkan 30 buah kawasan di tiga buah negeri iaitu di Johor, Selangor, Melaka dan Kuala Lumpur yang telah melibatkan penyerahan 10,000 kit telah dibuat yang melibatkan 21,000 buah rumah dan 79 orang individu dan kita juga telah mengenal pasti 13 titik panas untuk program ini.

Jadi, pelaksanaan program ini telah pun berakhir dan tiada peruntukan baru yang disediakan. Oleh itu, pemberian *anti-dengue home kits* pada masa ini tidak lagi diteruskan kerana kita kena berhenti setakat mana dan berharap produk ini boleh dikomersialkan dan boleh dibeli secara komersial. Terima kasih.

Datuk Koh Chin Han: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan, soalan asal saya ini sebenarnya ditujukan kepada Kementerian Kesihatan tetapi nampaknya kini telah dialih kepada Kementerian MOSTI. Walau bagaimanapun, saya terima jugalah sebab saya nampak ada hubung kaitnya antara MOSTI dengan kes-kes denggi dalam peruntukan dan juga pencarian inilah.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum Malaysia kini mempunyai kes denggi yang tinggi dan menyebabkan Malaysia berisiko tinggi kepada penyebaran kes *Zika virus*. Keadaan semakin membimbangkan apabila kes *Zika virus* kelapan telah disahkan pada tiga hari yang lepas.

Dengan itu, soalan tambahan saya ialah adakah kementerian telah mengadakan perbincangan dengan negara jiran yang juga mempunyai kes *Zika virus* yang tinggi seperti

Thailand, begitu juga dengan pihak farmaseutikal swasta dan juga luar negara mahupun Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu? Sekiranya ada, apakah hasil perbincangannya? Terima kasih.

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya betul, soalan itu sebenarnya ditanya kepada Kementerian Kesihatan. Akan tetapi oleh sebab sebenarnya untuk denggi ini adalah *contribution* MOSTI, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, itu fasal saya menjawab.

Walau bagaimanapun, sebenarnya Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi memang banyak terlibat secara langsung dalam program ini. Kalau kita lihat antara yang telah dilakukan, *contribution* daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi ialah kita telah membuat kajian lapangan dan keberkesanan produk yang kita panggil MOSTI *side* ini dan produk ini telah terbukti secara saintifik berjaya membunuh larva dan nyamuk aedes.

This is kita sumbang ke arah itu, walaupun jawapan ini perlu dijawab Kementerian Kesihatan. Pendidikan dan pendedahan kepada masyarakat mengenai bahaya denggi dan kaedah-kaedah pencegahan, ini juga sumbangan MOSTI melalui Program Komuniti Bebas Denggi dan pengagihan kit yang ditanya tadi, perlindungan rumah lengkap bagi denggi sebanyak 100,000 telah pun diagih di kawasan-kawasan lokaliti. Ini *contribution* MOSTI ke arah perkara itu.

Akan tetapi sebenarnya pembiayaan untuk program ini adalah di bawah projek pengkomersialan produk yang diselidiki di Malaysia dan kita harap benda ini boleh menyumbang ke arah pengurangan kes denggi pada masa akan datang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan terakhir, kalau tidak kita habiskan sesi tahun ini tanpa mendengar suara Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan ini susah... *[Dewan ketawa]* *[Tepuk]* Datuk Chin Su Phin.

10. Datuk Chin Su Phin minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, bila skim *Rent to Own* bagi golongan muda memiliki rumah akan dapat dilaksanakan sepenuhnya bagi kesemua projek perumahan rakyat yang dilaksanakan kerajaan.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun kalau tidak dapat bercakap pada hari ini, mendengar suara Tuan Yang di-Pertua, maka mengigau lah saya malam ini.

Tuan Yang di-Pertua: *[Ketawa]*

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *thank you very much Sir*. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin atas soalan yang telah pun dikemukakan berkaitan dengan skim *Rent to Own* bagi golongan muda memiliki rumah.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin, kementerian telah pun mula melaksanakan pembinaan rumah kos rendah. Dulu dipanggil kos rendah, sekarang sudah tidak ada panggil kos rendah lagi Tuan Yang di-Pertua. Kita panggil rumah mampu milik bagi keluarga berpendapatan RM3,000 ke bawah. Itu sekarang, sudah tidak ada lagi panggil rumah kos rendah dan sebagainya.

Di bawah Program PPR atau Program Perumahan Rakyat semenjak tahun 1998 lagi Tuan Yang di-Pertua. Bagi kementerian menyediakan kemudahan perumahan yang mampu dimiliki, disewa dan berkualiti bagi golongan-golongan berpendapatan rendah dan juga penempatan semula setingan di sesuatu kawasan bandar. Terdapat dua kategori PPR Tuan Yang di-Pertua, yang dilaksanakan oleh Kementerian KPKT. Pertama ialah PPR disewa dan yang kedua ialah PPR dimiliki. PPR disewa ini kerajaan tetapkan kadar sewa pada RM124 sebulan perlu dibayar oleh penghuni dan hasil kutipan daripada sewa itu kita akan gunakan untuk menyelenggarakan rumah-rumah PPR berkenaan seperti lif, sampah dan sebagainya.

■1220

Saya bagikan maklumat ini sedikit kepada Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin supaya Yang Berhormat Datuk tahu ya ada dua jenis PPR yang dibina oleh Kementerian KPKT. Manakala PPR dimiliki ini Tuan Yang di-Pertua, maknanya kita jual dijual pada harga RM35,000 seunit di Semenanjung dan RM42,000 seunit di Sabah dan Sarawak selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 27 Februari 2007. Di mana kos seunit bagi rumah yang dimiliki ini Tuan Yang di-Pertua ialah di antara RM120,000 hingga RM160,000. Tuan Yang di-Pertua, bermula pada tahun akan datang tahun 2017 kementerian akan melaksanakan skim *Rent to Own* atau sewa beli untuk tapak PPR dimiliki.

Program *Rent to Own* ini Tuan Yang di-Pertua adalah bagi memenuhi permintaan memiliki rumah kepada mereka yang memenuhi syarat permohonan kementerian tetapi tidak dapat memenuhi syarat meminjam daripada institusi kewangan yang akhirnya menyebabkan ramai di antara mereka gagal mendapat pembiayaan ataupun *unbankable*, dengan izin, disebabkan oleh yang pertama tiada slip gaji dan tidak ada bukti pendapatan yang disyaratkan oleh bank atau institusi kewangan. Kedua dianggap peminjam berisiko kerana institusi pembiaya menganggap mereka ini tidak mempunyai keupayaan daripada segi kewangan untuk membayar balik pinjaman.

Maka kerana itu Tuan Yang di-Pertua pihak kementerian berpandangan bahawa memang sudah sampai masanya untuk kita perkenalkan skim *Rent to Own* ini untuk membantu kumpulan sasar kementerian yang terdiri daripada golongan B40 untuk memiliki rumah.

Maka kerana itu Tuan Yang di-Pertua, mesyuarat Jemaah Menteri yang bersidang pada 3 Ogos 2016 telah pun bersetuju dengan cadangan pelaksanaan kaedah sewa untuk beli ataupun *Rent to Own* bagi Program Perumahan Rakyat (PPR) dimiliki. Kaedah khusus ini bagi pemohon atau bakal pembeli yang tidak layak untuk mendapat pinjaman dan melalui institusi kewangan dan buat permulaan kaedah ini akan dilaksanakan Tuan Yang di-Pertua di PPR Gua Musang, di PPR Kampung Hassan, di PPR Lembah Subang 2, di PPR Ladang Seliau dan juga lain-lain projek yang akan difikirkan oleh kementerian yang akan diangkat kepada Kabinet untuk membuat keputusan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan soalan tambahan Yang Berhormat.

Datuk Chin Su Phin: Terima kasih atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri dengan begitu terperinci dan baik. Soalan tambahan saya ialah berapakah jumlah penyewa di PPR yang telah pun diberikan tawaran untuk membeli unit kediaman mereka dan berapakah daripada mereka yang menolak tawaran tersebut. Jika mereka menolak tawaran tersebut apakah kementerian bercadang untuk membuka tawaran itu kepada golongan muda yang belum memiliki sebarang rumah. Sekian, terima kasih.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Chin. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah merupakan satu program baru yang akan kita laksanakan pada tahun 2017 dan maka kerana itu ada beberapa perkara yang akan dimaklumkan kepada bakal-bakal pembeli seperti contoh kita akan mengenal pasti pembeli-pembeli yang layak untuk membeli rumah PPR dimiliki yang telah pun saya sebutkan pada peringkat awal perancangan ini di empat PPR yang telah pun saya nyatakan tadi. Kita akan jemput semua pembeli ini Yang Berhormat Datuk untuk datang, berjumpa untuk menghadiri sesi taklimat skim sewa beli, penyerahan surat tawaran, penyewaan dan sebagainya.

Jadi pada peringkat awal Tuan Yang di-Pertua, rumah selepas dikenal pasti bakal-bakal pembeli ini kita akan bagi tempoh seperti tempoh *probation*, tempoh untuk memberikan peluang kepada penyewa-penyewa bakal pembeli rumah-rumah yang dimiliki ini untuk akhirnya membeli rumah melalui skim *Rent to Own* ini. So, jadi pada peringkat awal ini Tuan Yang di-Pertua, kaedah yang akan digunakan ialah kadar faedah yang rendah yang akan kita berikan dan dalam tempoh pinjaman antara 10 hingga 25 tahun kemudian kepada mereka yang telah pun dikenal pasti berjaya melalui syarat-syarat yang telah pun kita letakkan.

Mereka akan diberikan tempoh untuk menjalani tempoh penyewaan selama dua tahun. Kalau dalam tempoh dua tahun ini Tuan Yang di-Pertua, mereka dapat membayar sewaan mengikut kepada perancangan yang telah pun dinyatakan dan sebagainya dan mereka dapat mematuhi kepada syarat-syarat yang telah pun dikenakan dan diletakkan oleh Jabatan Perumahan Negara maka selepas dua tahun itu mereka akan masuk dalam skim sebenar *Rent to Own* itu.

Sewaan untuk tempoh dua tahun itu Tuan Yang di-Pertua akan dijadikan sebagai sewaan membayar kepada Program *Rent to Own* yang telah pun dikenal pasti kepada empat rancangan yang ada. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua rumah-rumah PPR unit *Rent to Own* yang kita tawarkan ini Yang Berhormat Senator Datuk Chin dia terbuka kepada rakyat Malaysia warganegara Malaysia sudah tentu berumur antara 18 tahun sehingga ke atas.

Maknanya 18 tahun itu ialah generasi muda yang layak berpendapatan isi rumah tidak melebihi daripada RM2,500 sebulan kita akan angkat kepada Kabinet untuk diletakkan pada harga pendapatan keluarga pada harga RM3,000 sebulan dan belum mempunyai rumah. Jadi ini antara perkara-perkara yang akan dijadikan syarat maknanya program perumahan *Rent to Own* ini dia terbuka bukan sahaja kepada keluarga-keluarga yang belum lagi memiliki rumah pertama tetapi juga kepada generasi muda yang ada. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat duduk tiada soalan tambahan lagi ini kerana soalan yang seterusnya adalah dari Yang Berhormat Dato' Hajah Norahan yang sentiasa ada di dalam Dewan. So, saya izinkan satu lagi soalan yang terakhir. Silakan Yang Berhormat.

11. Dato' Hajah Norahan binti Abu Bakar minta Menteri Kesihatan menyatakan, mengenai Klinik 1 Malaysia yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia semasa Bajet 2010:

- (a) berapakah jumlah bilangan Klinik 1Malaysia khususnya di Negeri Pahang? Apakah ia mendapat sambutan dan bilangan pesakit yang datang mendapat rawatan di Klinik 1Malaysia; dan
- (b) adakah cadangan menambah baik perkhidmatan Klinik 1Malaysia selain perkhidmatan yang tersedia sekarang?

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Hajah Norahan. Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah berkaitan dengan Klinik 1Malaysia. Beliau telah pun bertanya tentang Klinik 1Malaysia dan fokus ke Pahang Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: So, saya jawab semua sekali lah.

Tuan Yang di-Pertua terdapat Klinik 1Malaysia semua sekali ada 356 Klinik 1Malaysia di seluruh Malaysia. Untuk Pahang ada semua sekali ada 21 buah. Okey, nama-nama ada pada saya yang penting Tuan Yang di-Pertua ini ialah idea daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah pun bersetuju untuk diadakan Klinik 1Malaysia dalam kawasan bandar, *urban area* dan juga kawasan-kawasan di pinggir bandar. Ini tapak pembinaan ialah kita lihat keperluan dia, keperluan mendesak maka kita adakan Klinik 1Malaysia. Setakat ini Klinik 1Malaysia ada 356 semuanya yang saya sebutkan tadi yang ada doktor MO, ada 100.

Yang lain semua dikendalikan oleh *medical assistant* (MA) Tuan Yang di-Pertua. Kalau hendak adakan dihantar kepada doktor sekurang-kurangnya 60 orang pesakit sehari dan kita hantar seorang doktor di situ. Jikalau kurang kita kekalkan dengan MA sahaja. Jikalau ada keperluan mendesak kita akan tambahlah tempatkan doktor di situ. Bila tempatkan doktor maknanya kena tambah lagi kakitangan dan juga tambah makmal supaya doktor boleh buat *investigation* di situ Tuan Yang di-Pertua.

Setakat ini Tuan Yang di-Pertua di Pahang sehingga saya sebut sekali lagi sehingga 24 November 2016 terdapat 21 buah Klinik 1Malaysia. Rakyat negeri Pahang menerima baik perkhidmatan yang disediakan di Klinik 1Malaysia. Ini berdasarkan pertambahan 2.3 peratus kedatangan pesakit bagi tempoh 10 bulan pertama tahun ini berbanding dengan tempoh yang sama tahun lepas.

Pada Januari hingga Oktober 2016 sejumlah 295,182 orang pesakit telah menerima rawatan di Klinik 1Malaysia seluruh negeri Pahang berbanding dengan 288,613 orang pesakit pada Januari hingga Oktober 2015. Ini untuk Pahang sahaja Tuan Yang di-Pertua. Pihak Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha untuk menambahbaikkan perkhidmatan yang diberikan di Klinik 1Malaysia. Di Klinik 1Malaysia menyediakan perkhidmatan asas iaitu rawatan pesakit ringan, penyakit ringan, perkhidmatan rawatan tidak berjangkit ataupun NCD dan Klinik 1Malaysia juga telah pun ditempatkan dengan pegawai perubatan yang saya sebutkan tadi.

Untuk negeri Pahang sebanyak tiga buah Klinik 1Malaysia telah menyediakan perkhidmatan rawatan pesakit tidak berjangkit ataupun NCD Tuan Yang di-Pertua dan lima buah Klinik 1Malaysia telah ditempatkan dengan pegawai perubatan ini untuk Pahang ya. Peluasan perkhidmatan tambahan ini akan diperluaskan secara berperingkat ke semua Klinik 1Malaysia seluruh negara tertakluk kepada keupayaan sumber kewangan Tuan Yang di-Pertua.

■1230

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ada soalan tambahan? Yang Berhormat.

Dato' Hajah Norahan binti Abu Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana Yang Berhormat Menteri dapat menjawab dengan tepat dan kita rasa memang Klinik 1Malaysia ini memang memberi faedah kepada orang ramai dan cadangan saya supaya pihak kementerian agar dapat menambah lagi Klinik 1Malaysia khususnya di kawasan Parlimen Kuala Krau yang mana kita di kawasan parlimen terdiri daripada masyarakat luar bandar yang amat memerlukan perkhidmatan Klinik 1Malaysia ini. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, asas penubuhan Klinik 1Malaysia seperti yang saya sebut tadi untuk kawasan *urban*, kawasan bandar dan kawasan pinggir bandar. Di kawasan luar bandar sudah ada KD iaitu Klinik Desa dan juga Klinik Ibu dan Anak (Antenatal) sudah ada dan klinik kesihatan (KK) pun sudah ada.

Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, untuk tahun ini sudah ada tambahan tetapi tahun depan setakat ini belum ada tambahan- belum ada cadangan untuk tambah Klinik 1Malaysia di mana-mana di seluruh negara. Cuma satu sahaja yang *special request* dari Sarawak, tambah satu di kawasan di bawah Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian, beliau meminta satu iaitu beliau kata *special* dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah setuju. *Special* untuk beliau satu sahaja. Lain tidak ada Tuan Yang di-Pertua. *Insyallah* pada masa akan datang kalau ada keperluan kita tambah lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat kini selesailah pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat.]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PIHAK BERKUASA PENERBANGAN
AWAM MALAYSIA 2016****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****12.32 tgh.**

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk menubuhkan dan memperbadankan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia untuk mengadakan peruntukan bagi fungsi dan kuasanya dan perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, bagi memperkemas dan memperkukuhkan industri penerbangan negara terdapat keperluan untuk melaksanakan penstrukturan semula Jabatan Penerbangan Awam- selepas ini dirujuk sebagai DCA, iaitu daripada sebuah jabatan di bawah Kerajaan Persekutuan kepada sebuah badan berkanun dengan nama Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia- selepas ini dirujuk sebagai Pihak Berkuasa.

Pihak Berkuasa akan mengekalkan fungsi sedia ada DCA iaitu sebagai badan kawal selia penerbangan negara berhubung aspek perihal selamat, dengan izin, *safety* dan keselamatan, dengan izin, *security*. Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa, dengan izin, *International Civil Aviation Organization* atau ICAO iaitu sebuah agensi di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, dengan izin, *United Nations* telah ditubuhkan melalui Konvensyen Penerbangan Awam Antarabangsa ataupun dikenali sebagai Konvensyen Chicago dengan fungsi utamanya untuk menetapkan standard, dasar, peraturan dan piawaian keselamatan antarabangsa berhubung dengan penerbangan awam.

Malaysia sebagai sebuah negara pejanji kepada Konvensyen Chicago adalah tertakluk kepada standard-standard yang ditetapkan oleh ICAO. ICAO menyarankan supaya negara pejanji kepada Konvensyen Chicago untuk menubuhkan sebuah pihak berkuasa penerbangan yang berautonomi untuk memastikan perihal selamat, dengan izin, *safety* dan keselamatan, dengan izin, *security* penerbangan awam diurus dengan cekap. Bagi Malaysia, pihak ICAO telah menjalankan pemeriksaan audit yang dikenali sebagai, dengan izin, *Universal Safety Oversight Audit Programme* pada 2 hingga 12 Mei 2016. Antara dapatan pihak ICAO,

kekurangan pegawai teknikal yang berkelayakan, dengan izin, *qualified technical personnel* di DCA.

Oleh itu, terdapat keperluan yang mendesak bagi menubuhkan Pihak Berkuasa sebagai badan berkanun. Pihak Berkuasa mempunyai kuasa autonomi daripada segi pentadbiran dan sistem saraan. Dalam hal ini Pihak Berkuasa mempunyai fleksibiliti untuk menarik dan mengekalkan pegawai teknikal yang berkelayakan dalam perkara berhubung dengan penerbangan awam. Pegawai teknikal yang kelayakan ini adalah amat penting untuk memastikan bahawa obligasi Malaysia di peringkat antarabangsa dan kebangsaan yang berhubung dengan penerbangan awam dapat dijalankan dan standard dan kehendak perihal selamat, dengan izin, *safety* dan keselamatan, dengan izin, *security* dalam penerbangan awam dapat dikuatkuasakan, dipatuhi dan diselenggarakan dengan baik.

Penubuhan Pihak Berkuasa ini akan memberi manfaat kepada industri penerbangan negara antara lain termasuklah dapat menjalankan fungsinya dalam aspek kawal selia perihal selamat dan keselamatan dengan lebih berkesan dengan sokongan tenaga kerja pakar dan sumber manusia yang mencukupi, berkelayakan dan berkompeten. Pihak Berkuasa adalah bebas dalam menjalankan fungsi dan kuasanya serta mempunyai sumber kewangannya yang tersendiri untuk membiayai kos operasinya melalui hasil seperti kutipan fi pelesenan dan fi-fi yang lain. Tadbir urus yang baik, dengan izin, *good governance* asas utama Pihak Berkuasa. Dalam hal ini penubuhan dan pelaksanaan fungsi dan kuasa Pihak Berkuasa ini adalah berlandaskan prinsip kebebasan dan ketelusan.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mempunyai tujuh Bahagian merangkumi 45 fasal termasuk satu jadual. Bahagian I, fasal 1 dan fasal 2, mengandungi tajuk ringkas permulaan kuat kuasa dan tafsiran. Akta ini akan mula berkuat kuasa pada suatu tarikh yang ditetapkan oleh Menteri.

Bahagian II, fasal 3 hingga fasal 15, mengandungi peruntukan berhubung penubuhan Pihak Berkuasa. Pihak Berkuasa akan terdiri daripada anggota-anggota seperti yang berikut:

- (a) seorang pengerusi yang dilantik oleh Menteri dan hendaklah orang yang layak dan sesuai dalam kalangan orang yang mempunyai pengalaman atau kepakaran dan profesionalisme dalam bidang penerbangan awam, pentadbiran, undang-undang, atau bidang-bidang lain yang relevan dalam pelaksanaan fungsi pihak berkuasa;
- (b) seorang wakil daripada Kementerian Pengangkutan;
- (c) seorang wakil daripada Kementerian Kewangan;

- (d) tidak kurang daripada empat tetapi tidak lebih daripada enam orang anggota lain yang dilantik oleh Menteri dan hendaklah orang yang layak dan sesuai dalam kalangan orang yang mempunyai pengalaman atau kepakaran dan profesionalisme dalam penerbangan awam, pentadbiran, undang-undang atau bidang-bidang lain yang relevan dalam pelaksanaan fungsi pihak berkuasa; dan
- (e) seorang Ketua Pegawai Eksekutif.

Berhubung wakil kerajaan, Menteri hendaklah melantik anggota silih ganti dengan izin, *alternate member* untuk menghadiri mesyuarat Pihak Berkuasa sebagai wakil ganti sekiranya anggota itu tidak boleh menghadiri mesyuarat. Anggota silih ganti tersebut akan dianggap sebagai anggota pihak berkuasa.

■1240

Untuk memastikan anggota pihak berkuasa adalah bebas dan tidak mempunyai kepentingan dalam pelaksanaan tugas sebagai anggota pihak berkuasa. Mana-mana orang tidak boleh dilantik sebagai anggota pihak berkuasa sekiranya dia:

- (a) memegang jawatan atau pekerjaan dalam atau yang berhubungan dengan penerbangan (kehendak ini tidak terpakai kepada anggota wakil daripada Kementerian Pengangkutan);
- (b) terlibat dalam apa-apa perniagaan atau aktiviti lain yang dijalankan bagi maksud keuntungan dalam atau yang berhubungan dengan penerbangan; dan
- (c) terlibat atau menjadi terlibat dalam apa-apa aktiviti yang boleh menjejaskan kebebasannya dalam menunaikan kewajipannya.

Mana-mana anggota pihak berkuasa selain daripada dua orang anggota wakil Kerajaan Persekutuan, tidak boleh selama ia menjadi anggota pihak berkuasa memegang apa-apa jawatan atau pekerjaan sama ada yang dibayar saraan atau tidak tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis Menteri.

Tempoh pelantikan anggota pihak berkuasa tidak boleh melebihi tiga tahun iaitu satu penggal dan layak untuk dilantik semula untuk tempoh maksimum satu penggal. Namun demikian, mana-mana anggota pihak berkuasa yang telah tamat tempoh pelantikan semulanya tidak boleh dilantik semula dalam tempoh tiga tahun daripada tamat pelantikan semulanya.

Pihak berkuasa boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk membantu melaksanakan fungsinya dan boleh melantik mana-mana orang untuk anggota mana-mana jawatankuasa. Anggota-anggota pihak berkuasa dan anggota-

anggota jawatankuasa adalah tertakluk kepada kod kelakuan dan apa-apa pelanggaran kod kelakuan tersebut akan dirujuk kepada panel tatatertib.

Bagi prosiding tatatertib terhadap mana-mana anggota pihak berkuasa, panel tatatertib akan terdiri daripada tiga orang anggota yang akan dilantik oleh Menteri. Manakala bagi prosiding tatatertib terhadap mana-mana anggota jawatankuasa panel tatatertib akan terdiri daripada tiga orang anggota yang akan dilantik oleh Pengerusi.

Bahagian III iaitu fasal 16 hingga 20 memperuntukkan berhubung fungsi dan kuasa pihak berkuasa. Fungsi-fungsi pihak berkuasa antara lain adalah seperti berikut:

- (i) untuk memastikan peruntukan dalam akta ini, Akta Penerbangan Awam 1969 [*Akta 3*] dan mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta 3 adalah ditadbirkan, dikuatkuasakan, diberi kuat kuasa, dijalankan dan dipatuhi;
- (ii) untuk mengawal selia perihal selamat, dengan izin, *safety* dan keselamatan, dengan izin, *security* penerbangan awam termasuk mewujudkan standard dan menguatkuasakannya;
- (iii) untuk melindungi penerbangan awam daripada apa-apa tindakan gangguan yang menyalahi undang-undang, dengan izin, *any acts of unlawful interference*;
- (iv) untuk menjalankan pengawasan pengawalseliaan perihal selamat, dengan izin, *safety regulatory oversight* di dalam dan di luar Malaysia;
- (v) untuk mengawal selia pengendalian aerodrom dan penyediaan perkhidmatan dan kemudahan aerodrom di Malaysia;
- (vi) untuk menyediakan perkhidmatan pengemudian udara, dengan izin, *air navigation services*, di dalam wilayah maklumat penerbangan Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu atau mana-mana kawasan lain yang dibenarkan oleh Menteri;
- (vii) untuk menyediakan atau menyelaraskan kepada perkhidmatan mencari dan menyelamatkan kapal udara dalam *distress* di wilayah mencari dan menyelamatkan Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu atau mana-mana kawasan lain yang dibenarkan oleh Menteri;
- (viii) untuk bekerjasama dengan mana-mana pihak berkuasa yang bertanggungjawab bagi penyiasatan kemalangan dan insiden serius kapal udara;

- (ix) untuk menggalakkan, memajukan, memudahkan dan membantu dalam pembangunan dan penambahbaikan kemampuan, kemahiran dan perkhidmatan penerbangan awam di Malaysia;
- (x) untuk mengadakan perkhidmatan teknikal dan perundingan yang berhubungan dengan penerbangan awam;
- (xi) untuk mewakili Kerajaan Malaysia di peringkat antarabangsa berkenaan dengan perkara yang berhubungan dengan penerbangan awam;
- (xii) untuk menunaikan atau memudahkan penunaian obligasi antarabangsa Kerajaan Malaysia berkenaan dengan penerbangan awam;
- (xiii) untuk memajukan pendidikan dan latihan berkenaan dengan mana-mana perkara yang berhubungan dengan penerbangan awam;
- (xiv) untuk menasihati Kerajaan Malaysia tentang semua perkara yang berhubungan dengan penerbangan awam;
- (xv) untuk menggalakkan pemahaman tentang program dan polisi penerbangan awam;
- (xvi) untuk menggalakkan penyelidikan dan pembangunan dalam mana-mana perkara yang berhubungan dengan penerbangan awam;
- (xvii) untuk menggalakkan pembangunan laluan udara, dengan izin, *airways*, *aerodrome* dan kemudahan pengemudian udara bagi penerbangan awam; dan
- (xviii) untuk menjalankan apa-apa fungsi dan kewajipan lain sebagaimana diberikan atau dikenakan ke atas pihak berkuasa di bawah akta ini, Akta 3, dan mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta 3.

Bagi maksud kuasa pihak berkuasa secara umumnya, pihak berkuasa mempunyai kuasa untuk melakukan segala perkara yang perlu atau suai manfaat bagi atau berkaitan dengan pelaksanaan fungsi-fungsinya di bawah akta ini. Kuasa tersebut termasuklah mengenakan fi atau caj bagi perkhidmatan yang disediakan oleh pihak berkuasa.

Selain itu, Menteri boleh memberi arahan yang bersifat umum kepada pihak berkuasa selaras dengan peruntukan undang-undang penerbangan awam yang berhubungan dengan pelaksanaan fungsi dan perjalanan kuasa pihak berkuasa. Pihak berkuasa mempunyai kuasa untuk mewakilkan kuasanya yang hanya terhad dengan perkara pentadbiran sahaja kepada mana-mana anggota pihak berkuasa atau jawatankuasa pihak berkuasa.

Bahagian IV iaitu fasal 21 hingga 25 peruntukan berhubung fungsi dan kuasa Ketua Pegawai Eksekutif dan pekerja pihak berkuasa iaitu pelantikan pekerja, syarat perkhidmatan

pekerja, tatatertib, surcaj dan pengurusan faedah persaraan. Ketua Pegawai Eksekutif adalah dilantik oleh Menteri atas syor pihak berkuasa dan hendaklah terdiri daripada orang yang mempunyai kemahiran atau kepakaran dalam perkara penerbangan awam.

Bahagian V iaitu fasal 26 hingga 36, melibatkan peruntukan berhubung kewangan. Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia yang ditadbir dan dikawal oleh pihak berkuasa akan ditubuhkan yang digunakan bagi tujuan pembiayaan, pentadbiran dan operasi pihak berkuasa.

■1250

Antara sumber kewangan kumpulan wang ini termasuklah pendapatan daripada fi lesen atau fi lain, kos, penalti kewangan dan caj lain yang dikenakan oleh pihak berkuasa. Bagi memastikan ketelusan perbelanjaan daripada kumpulan wang ini, penyata akaun dan laporan kumpulan wang yang telah diaudit akan dibentangkan di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen selepas berakhirnya setiap tahun kewangan.

Bahagian VI, fasal 37 hingga 44, ialah peruntukan-peruntukan am, antara lain seperti status pekerja pihak berkuasa iaitu sebagai pekhidmat awam bagi maksud Kanun Keseksaan di bawah Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948, obligasi kerahsiaan, perlindungan daripada liabiliti persendirian, perlindungan daripada guaman dan prosiding undang-undang, perwakilan dalam prosiding sivil dan kuasa untuk meminda jadual.

Akhir sekali Bahagian VII, fasal 45 bertujuan mengadakan peruntukan berhubung peletakhakan kepada pihak berkuasa semua harta, hak kepentingan, obligasi dan liabiliti Kerajaan Malaysia yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri dalam perintah yang disiarkan dalam warta tanpa apa-apa pemindahhakan, penyerahhakan atau pemindahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ada yang menyokong?

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk menubuhkan dan memperbadankan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia untuk mengadakan peruntukan bagi fungsi dan kuasanya dan bagi perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita ada seramai 12 orang. Jadi kalau ahli Yang Berhormat yang berbahas telah kemukakan soalan yang sama, tidak payahlah kita membuang masa. Saya memanggil Yang Berhormat Datin Rahimah binti Haji Mahamad. Ada dalam Dewan? Silakan.

12.53 tgh.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: *Bismillaahi Rahmaani Rahiim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas kebenaran yang telah diberikan untuk saya membahaskan Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia 2016.

Saya mengambil kesempatan di sini mengucapkan tahniah pada Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, pengurusan dan kakitangan Kementerian Pengangkutan dan DCA kerana dengan jayanya membentangkan rang undang-undang ini. Sesungguhnya dengan transformasi kerangka perundangan penerbangan awam di Malaysia akan meningkatkan kecekapan dan kebolehpercayaan awam dan antarabangsa terhadap kerajaan Malaysia dalam kawalan dan keseliaan penguatkuasaan komprehensif perkhidmatan udara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam fasal 16(3)(c), perkhidmatan kawalan trafik udara atau pengemudian udara amat signifikan bagi memastikan keselamatan ruang udara Malaysia dan pesawat yang menggunakan laluan penerbangan dalam wilayah penerbangan Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu.

Dalam tragedi MH370, masyarakat dunia mempersoalkan keupayaan kawalan trafik udara Malaysia terutama yang melibatkan sistem-sistem kawalan trafik di negeri-negeri terutama Kota Bharu yang mana trafik udara Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra amat sibuk dengan jumlah kendalian penumpang mencecah 1.5 juta orang.

Oleh itu saya dapati dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, sejumlah besar peruntukan diberikan bagi kerja-kerja naik taraf stesen radar dan sistem kawalan trafik udara yang akan dinaik taraf bagi menyesuaikan pertumbuhan industri *aviation* negara dan memantapkan perkhidmatan kawalan dan khidmat nasihat *aeronautical*. Justeru, saya mohon kementerian memberi perincian mengenai dasar dan hala tuju serta senarai-senarai stesen kawalan trafik udara yang bakal dinaik taraf dan bilakah pakej kerja naik taraf ini akan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, keselamatan penumpang dan operasi penerbangan merupakan komponen penting yang tiada kompromi dalam industri *aviation* ini. Justeru, pemeriksaan lebih ketat dan kerangka kerja bagi memantau serta membuat penilaian risiko profil penumpang berbahaya amat penting dilakukan melalui sistem *screening* yang bersepadu.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah Kementerian Pengangkutan dan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia akan menyediakan sebuah kerangka sistem pemantauan bersepadu bagi mengesan individu *terrorist* atau penjenayah yang akan memberi

risiko terhadap penerbangan? Saya mohon perincian bagaimana Kementerian Pengangkutan dan KDN memastikan sistem *Advance Passenger Screening System (APSS)* boleh diintegrasikan dengan semua penyedia perkhidmatan pengangkutan udara bermula daripada proses *booking ticket* sehinggalah proses *check in, boarding* bagi penerbangan di seluruh lapangan terbang di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, di kesempatan ini sekali lagi mengucapkan tahniah kepada DCA kerana berjaya menangani tragedi MH17 dan MH370. Berdasarkan penemuan terkini dan status kerja-kerja persediaan prosiding pendakwaan ke atas pihak bertanggungjawab bagi tragedi MH17 dan bagaimanakah komitmen kerajaan untuk mencari MH370 yang mendapat petunjuk baru semalam.

Akhir kata, saya mengharapkan agar dengan lulusnya rang undang-undang ini, pertumbuhan industri *aviation* negara akan lebih pesat dan bermakna. Saya juga mendoakan agar kerangka kerja perundangan ini bakal meningkatkan prestasi baru bagi masyarakat tempatan dan antarabangsa terhadap mutu dan akauntabiliti pihak berkuasa dalam mengawal kelola industri perkhidmatan udara. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim. Silakan.

12.58 tgh.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahi Rahmaani Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam sehati sejiwa.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah mengalu-alukan langkah kerajaan khususnya Kementerian Pengangkutan menubuhkan dan memperkenalkan rang undang-undang bagi menubuhkan dan memperbadankan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia bagi menggantikan DCA. Langkah kerajaan ini adalah tepat pada masanya dan selari dengan saranan seperti mana yang disebut tadi ialah Pertubuhan Penerbangan Antarabangsa (ICAO) yang menyarankan supaya pihak berkuasa penerbangan yang berautonomi dalam bidang penerbangan khususnya bagi memastikan daripada segi keselamatan penerbangan awam diuruskan dengan lebih cekap lagi.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin menyentuh Bahagian II khususnya seksyen 5(1), keanggotaan pihak berkuasa yang terdiri daripada Pengerusi yang dilantik oleh Yang Berhormat Menteri, seorang wakil Kementerian Pengangkutan, seorang wakil Kementerian Kewangan tidak kurang 4 tetapi tidak lebih 6 orang anggota lain dan seorang

Ketua Pegawai Eksekutif atau CEO. Manakala seksyen 5(2) menjelaskan kriteria anggota di bawah perenggan 1(a) dan (d) hendaklah orang yang layak dan sesuai, bukan sahaja berpengalaman dan profesionalisme dalam bidang penerbangan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, berhenti dulu Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, jam sudah pukul 1 tengah hari. Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 pada hari ini juga. Terima kasih.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengahari]

■1430

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam sehati sejiwa. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sambung pagi ini, tengah hari ini ya. Kita sambung kita punya soal jawab perbahasan kita. Jadi, teruskan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin, dipersilakan.

2.33 ptg.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warrahmatullaahi wabarakaatuh*.

Seterusnya, saya ingin menyentuh Bahagian 2, khususnya seksyen 5(1) keanggotaan pihak berkuasa yang terdiri daripada pengerusi yang dilantik oleh Menteri, seorang wakil daripada Kementerian Pengangkutan, seorang wakil daripada Kementerian Kewangan dan tidak kurang empat tetapi tidak lebih enam orang anggota dan seorang CEO atau Ketua Pegawai Eksekutif.

Manakala, seksyen 5(2) menjelaskan kriteria anggota di bawah perenggan 1(a) dan (d) hendaklah orang yang layak dan sesuai, bukan sahaja berpengalaman dan profesionalisme dalam bidang penerbangan.

Namun, dalam hubungan ini saya berharap anggota yang dilantik ini tidak mempunyai apa jua kepentingan dalam industri penerbangan. Saya ingin mendapatkan penjelasan dan jaminan kerajaan agar anggota yang dilantik ini tidak mempunyai konflik kepentingan ataupun *self interest*, dengan izin, dan jaminan kerajaan agar konflik kepentingan ini bagi memastikan hanya orang-orang yang benar-benar berkelayakan dan berwibawa untuk menerajui Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia ini. Dalam erti kata lain, mereka ini adalah orang yang bebas dan telus dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab ini. Saya nampak dalam seksyen ini, Menteri Pengangkutan khususnya ataupun

kerajaan mempunyai kuasa yang besar dalam melantik ataupun memberi kuasa kepada mereka yang dilantik ini.

Seterusnya, saya ingin menyentuh Bahagian III berhubung dengan fungsi dan kuasa pihak berkuasa di bawah seksyen 16(1) menyatakan fungsi pihak berkuasa dari (a) hingga (s) dan saya dapati ia berhubung dengan mengawal selia perihal keselamatan dan keselamatan penerbangan awam. Saya ingin mendapatkan penjelasan. Adakah pihak berkuasa penerbangan awam ini juga diberikan kuasa daripada segi pengeluaran lesen sahaja ataupun pengeluaran lesen syarikat-syarikat penerbangan dan kawal selia syarikat penerbangan.

Saya ingin mendapatkan penjelasan berhubung dengan kedudukan syarikat penerbangan Rayani Air yang termasuk daripada segi tambang penumpang yang telah dibayar tetapi tidak dapat meneruskan penerbangan, operasinya. Adakah pihak berkuasa penerbangan Malaysia ini mempunyai bidang kuasa untuk menetapkan dan menyelia harga tiket-tiket penerbangan bagi memastikan tidak terdapat fi atau harga yang membebankan penumpang atau fi tersembunyi yang kita dapati, terutamanya penerbangan-penerbangan yang *low cost* ini, dengan izin, terdapat fi tersembunyi yang membebankan penumpang yang dilihat tidak adil daripada promo ataupun promosi yang dibuat itu nampaknya cantik tetapi hakikatnya membebankan penumpang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan isu konflik antara AirAsia dan Malaysia Airports Berhad ataupun Pihak Berkuasa Lapangan Terbang berhubung dengan KLIA2. Saya berharap kerajaan dapat bertindak tegas terhadap syarikat penerbangan AirAsia ini yang sering kali menimbulkan konflik dengan Malaysia Airports Berhad.

Saya ingin mendapatkan penjelasan jumlah tunggakan *airport charge* AirAsia kepada MAB setakat ini dan apakah langkah-langkah kerajaan bagi memastikan syarikat AirAsia ini menjelaskan semua tunggakannya? Dia mari *dok* berbalah sahaja dengan MAB ini, hutang tak bayar. Jadi, yang ruginya ialah kerajaan. Saya juga mahu mohon penjelasan sedikit sebanyak sebaik mungkin daripada kerajaan berhubung dengan pelan pemulihan MAS yang dibuat beberapa tahun yang lalu ataupun pada tahun lepas. Adakah pelan ini nampak hasilnya berjaya dengan pertukaran CEO, dengan pemberhentian pekerja seramai 6,000 orang, apakah nasib *Malaysia Airlines* ini? Ini syarikat penerbangan kebanggaan negara dan apakah pelan pemulihan dibuat ini betul-betul berjaya ataupun tercapai *target*-nya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap penubuhan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam ini akan memberi manfaat kepada industri penerbangan negara setanding dengan negara-negara lain dan khususnya daripada segi kawal selia selamat dan keselamatan dan Pihak Berkuasa Penerbangan ini dapat diuruskan dengan baik dan cekap oleh orang-orang yang betul-betul berpengalaman dan berwibawa. Sekian, terima kasih dan saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin, terima kasih banyak. Saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi bin Haji Suhaili. Sila.

■1440

2.40 ptg.

Dr. Zaiedi bin Haji Suhaili: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Menteri yang telah membentangkan rang undang-undang yang berkaitan dengan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia 2016. Terlebih dahulu saya juga mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana memperkenalkan rang undang-undang ini yang saya rasa tepat pada masanya untuk kita melihat atau untuk kita mengemaskinikan dan memperkuat lagi ruang lingkup penerbangan awam di negara kita yang kita perlu lihat secara menyeluruh lebih-lebih lagi selepas negara kita berhadapan dengan peristiwa MH370 dan juga MH17.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan kita mengadakan rang undang-undang ini adalah untuk menambah baik ataupun meningkatkan *efficiency* dan keberkesanan industri ini. Jadi saya ingin hendak membawa satu kisah lama yang mungkin anak-anak kita, pegawai-pegawai mungkin tidak ingat bahawa dalam tahun 90-an, waktu saya berkhidmat dengan seorang Menteri Persekutuan, satu insiden telah berlaku di negara kita mengenai kebakaran di menara kawalan Lapangan Terbang Subang, itu dalam tahun 1990-an.

Mengikut Menteri yang saya berkhidmat itu, dia kata begitu susah sekali untuk kita mengadakan pelepasan dan juga pendaratan hingga kita terpaksa mendapat bantuan dari Lapangan Terbang Changi di Singapura ataupun di Lapangan Terbang Madras untuk penerbangan keluar dan masuk. Kalau waktu itu, kadang-kadang kita sudah disuruh *boarding* di dalam pesawat akan tetapi kita kena tunggu empat jam begitu untuk dibenarkan pelepasan dan sebagainya.

Jadi saya hendak melihat apakah kemampuan menara kawalan kita yang ada pada masa ini. Sekiranya berlaku sesuatu di satu buah menara kawalan, apakah menara kawalan lain boleh mengemudikan pesawat kita untuk mendarat? Dalam tahun 90-an, kita dibantu oleh *Changi Airport*, kita dibantu oleh *Madras Airport* untuk mengemudikan pesawat-pesawat kita untuk mendarat dan berlepas. Saya harap ini menjadi satu pengajaran kepada kita untuk melihat sejauh manakah kekuatan yang ada pada menara kawalan kita.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, pada saya, rang undang-undang ini ialah satu rang undang-undang yang berertinya kita menukarkan status Jabatan Penerbangan Awam kepada satu entiti baru yang kita panggil sebagai perbadanan ataupun mungkin satu hari akan menjadi sebuah GLC. Jadi selalunya bila perkara sebegini berlaku, ia akan mencari sumber kewangannya

sendiri untuk membiayai operasi *aviation* kita. Jadi, saya selaku wakil dari Sarawak ini ingin menyatakan kalau *airports* di Sarawak yang kecil seperti Lapangan Terbang Marudi, Bario, Lawas, Mukah, Tanjung Manis, kalau kita mengharap *airports* ini untuk mencari sumber kewangannya sendiri, sudah tentu mereka tidak boleh membiayai operasi pengendalian *aviation* nya.

Jadi apakah nasib kepada lapangan terbang kecil seperti ini ataupun di Sarawak dipanggil sebagai *rural air services*? Adakah ia diteruskan ataupun ia dibantu oleh kerajaan daripada segi kewangan. Maka ini yang perlu kita perhalusi dan perlu diterangkan kepada rakyat supaya tidak menimbulkan kekeliruan bila kita meluluskan rang undang-undang ini nanti kerana ia seolah-olah kita hendak memperbadankan jabatan ini. Ini kerana kita fikir ini bukanlah sesuatu yang *economical* dan juga kita fikir sesuatu yang memakan perbelanjaan yang besar. Tidak cukup *airport* seperti yang saya katakan tadi untuk membiayai perbelanjaan untuk kita mengemudi ataupun segala *aviation services* yang ada pada kita.

Satu lagi perkara yang saya hendak sentuh di sini, saya mohon maaf sedikit kerana kurang sihat tapi saya hendak juga mengetengahkan beberapa perkara semata-mata sebagai tuntutan saya untuk menyokong rang undang-undang ini. Saya kurang jelas apa yang dimaksudkan sebagai Wilayah Maklumat Penerbangan Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu. Nanti kalau saya balik ke Sarawak, orang tanya apa tidak dimasukkan sekali Wilayah Penerbangan Kuching-Kuala Lumpur dan sebagainya. Jadi, ini perlu diperjelaskan juga sebagai mengelak kekeliruan daripada masyarakat setempat.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat tentang kebebasan ataupun keselamatan penerbangan kita di Laut China Selatan. Kalau kita melihat *area* kita seperti Kuala Lumpur, Kota Kinabalu dan sebagainya ia merentasi Laut China Selatan. Saya ingin hendak melihat sama ada, ada satu kolaborasi di kalangan agensi-agensi kerajaan sama ada penerbangan awam, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Luar dan juga Kementerian Perdagangan.

Saya terbaca dalam satu laporan akhbar beberapa bulan yang lepas, terdapat satu laporan di mana satu penerbangan dari Malaysia yang melalui udara yang berdekatan dengan Kepulauan Natuna, Indonesia telah ditanya dan dipantau oleh pesawat dari Indonesia yang mana secara kebetulan pada masa itu Kerajaan Indonesia sedang mempertingkatkan penghantaran aset-aset tenteranya di Pulau Natuna. Bahkan Presiden Jokowi sendiri membawa rombongan kabinetnya di Pulau Natuna, mereka bermesyuarat di atas kapal perang Indonesia.

Jadi, saya rasa ini satu ancaman yang secara senyap tetapi kita harus melihat bahawa kita mahu Laut China Selatan bebas, kita katakan *freedom of navigation* dan *freedom over*

flight, dengan izin. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah mahu bercakap panjang tetapi saya rasakan bahawa perbadanan ini harus dijelaskan sama ada bila pihak berkuasa ini memberi *air aviation services*, adakah ia akan mengenakan caj dan kalau caj itu ada, di mana sumber kewangan bagi pihak berkuasa ini untuk membiayainya.

Adakah dari kerajaan, daripada sumber-sumber kewangan yang lain ataupun dikenakan kepada penumpang. Kita takut nanti bila berkuat kuasanya rang undang-undang ini, *air charges*, *airport charges*, harga tiket dan sebagainya akan bertambah kerana kita terpaksa membayar *aviation charges* kerana ia diperbadankan. Ini perlu kita perjelaskan bagi mengurangkan kekeliruan di kalangan rakyat.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah hendak bercakap panjang kerana saya pun kurang sihat tetapi walau bagaimanapun, saya mohon menyokong rang undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dr. Zaiedi bin Haji Suhaili.

■1450

Terima kasih banyak. Ahli-ahli Yang Berhormat, tadi saya keluar tadi, ada orang tanya saya. Dia beritahu saya nampak gayanya, dia kata Dewan Negara ini tenang sahaja. Macam tidak ada kecoh-kecoh. Saya senyum sahaja, "*Kenapa begitu, Datuk?*" Saya kata sebab dia nampak uban saya itu. Nampak uban saya itu. Mungkin dia segan. Bak kata orang tua-tua tadi.

*Bukan sotong sebarang sotong,
Sotong datang dari Tanjung Sepat,
Bulat air kerana pembedung,
Bulat manusia kerana muafakat.*

Itu dia. Nampak kita muafakat. Itulah dia. Bulat manusia kerana muafakat. Sekian, terima kasih. Saya pergi kepada Yang Berhormat Senator Tuan Aknan A/L Ehtook. Dipersilakan.

2.51 ptg.

Tuan Aknan A/L Ehtook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia 2016. Sebelum saya terus kepada rang undang-undang ini, saya ingin menyatakan terima kasih saya, saya ingin menjunjung kasih Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan juga merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana memberi kepercayaan kepada saya untuk dilantik sebagai Senator mewakili masyarakat Siam di seluruh negara.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada mantan Senator yang mewakili masyarakat Siam, Datuk Boon Som A/L Inong yang telah menyokong pencalonan saya bagi menyambung perjuangan beliau dalam membangunkan masyarakat Siam di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya membahaskan rang undang-undang ini, saya ingin menarik perhatian kementerian-kementerian di seluruh negara dan juga agensi-agensinya di bawahnya untuk melaksanakan Strategi Lautan Biru dengan izin, *Blue Ocean Strategy* bersama wat-wat Siam di seluruh negara. Kita gunakan perkataan "wat". Ada yang gunakan perkataan "kuil", ada yang menggunakan "*temple*". Akan tetapi saya ingin menyatakan di sini bahawa untuk selaraskan, untuk mengelakkan kekeliruan, wat ialah tempat sembahyang kaum Siam beragama Buddha di Malaysia.

Masyarakat Siam ada lebih daripada 70 buah wat di seluruh negara dan kira-kira 60 daripadanya berada di kampung-kampung di luar bandar. Jadi wat-wat ini mempunyai laman yang luas, dewan serba guna dan juga kemudahan tandas yang mencukupi untuk kegunaan ramai. Jadi kemudahan-kemudahan ini boleh digunakan oleh agensi kerajaan untuk melaksanakan fungsi masing-masing. Contohnya, RISDA, LGM ataupun MPOB dan Jabatan Pertanian sebagai contoh boleh membuat pameran dan mengadakan kursus-kursus dan taklimat kepada pekebun dan petani. Jabatan lain juga boleh turut serta. Kita pernah ada Jabatan Pendaftaran, SPR yang telah masuk untuk menjalankan fungsi mereka di wat-wat. Kita sediakan tempat.

Pusat kesihatan dan pusat derma darah juga boleh mengadakan aktiviti mereka untuk memberi taklimat dan juga membuat kempen derma darah. Kita telah mulakan di beberapa buah tempat di Kelantan dan juga di Kedah dan kita dapati bahawa bilangan agensi yang tampil masih lagi sedikit dan saya menyarankan agar agensi dan juga kementerian mengambil peluang ini untuk tampil dan mengambil bahagian dalam perkongsian kemudahan secara strategik ini.

Pihak pentadbiran wat pula boleh mengoptimumkan strategi ini untuk mengimarahkan wat-wat dengan menarik minat para belia ke wat melalui aktiviti sukan dan rekreasi. Jadi seminar, motivasi atau kempen membanteras jenayah dan dadah boleh diadakan di situ. Macam-macam boleh dibuat sama ada untuk belia ataupun orang Siam sendiri termasuk berkaitan dengan agama Buddha yang dianuti oleh orang-orang Siam.

Sebut pasal agama, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian dan minta kerjasama Kementerian Dalam Negeri untuk menyemak penjualan sebuah buku yang saya lihat boleh mengundang kontroversi. Saya tidak berhasrat untuk menyebut tajuk buku tersebut untuk mengelakkan ia mendapat publisiti murahan tetapi pihak KDN boleh jumpa saya untuk

dapatkan tajuk tersebut. Tajuk buku ini, jika dibaca dari bawah, ia memberi gambaran bahawa agama Islam berasal daripada agama-agama lain. Sudah tentu Yang Berhormat rakan-rakan Muslim saya yang lain akan merasa kecewa dan mungkin marah kerana dilihat sebagai cuba mempersendakan agama Islam.

Jika dibaca dari atas, ia bermaksud agama-agama lain berasal dari Islam. Ini juga mengundang persoalan daripada penganut-penganut agama lain kerana mereka akan mempertikaikan daripada aspek fakta dan tarikh sejarah. Saya diberitahu ada beberapa buah persatuan agama telah menyatakan bantahan mereka melalui laporan polis. Saya berpandangan, buku sebegini tidak harus, tidak wajar dan tidak sesuai serta patut dihentikan daripada diterbitkan, diedarkan di negara kita kerana ia menimbulkan masalah. Itu mesej saya yang di luar rang undang-undang.

Sekarang saya masuk kepada yang berkaitan rang undang-undang. Saya hendak menyentuh satu perkara sahaja iaitu perkara fasal 23 di mana dalam fasal ini membenarkan pihak berkuasa untuk melantik dan mengambil bilangan pekerja sebagaimana yang difikirkan sesuai dan perlu. Akan tetapi berdasarkan pengalaman yang lepas, lazimnya pihak berkuasa sebegini agak sukar untuk dapat melantik jumlah yang mereka betul-betul perlu. Pelbagai kekangan terutamanya daripada segi mewujudkan perjawatan oleh JPA. Walaupun sudah ada perjawatan, mungkin pihak Kementerian Kewangan tidak ada peruntukan untuk membayar gaji. Jadi ini menjadi kekangan kepada pihak berkuasa untuk menjalankan tugas mereka terutama jawatan-jawatan yang kritikal.

Jadi saya hendak tanya Kementerian Pengangkutan apakah tindakan yang bakal diambil ataupun yang telah disediakan untuk menangani isu ini supaya mereka dapat melantik jumlah bilangan pegawai kritikal terutama daripada segi teknikal pada jumlah dan juga berdasarkan kualiti yang diperlukan. Mungkin kalau mereka ada cara yang terbaik, mungkin langkah-langkah mereka ini boleh diguna pakai oleh pihak-pihak berkuasa yang lain untuk mendapatkan jumlah pekerja ataupun pakar di agensi masing-masing. Rasa saya itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Dengan ini juga saya ingin memohon untuk menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook. Saya minta disambung pula oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Hanafi bin Haji Mamat. Dipersilakan.

2.58 ptg.

Datuk Haji Hanafi bin Haji Mamat: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh.* Salam 1Malaysia dan salam sejahtera.

Yang dihormati Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin turut membahaskan Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia 2016. Tujuan rang undang-undang ini ialah untuk memperbadankan Jabatan Penerbangan Awam Malaysia (DCA) dengan fungsi utamanya untuk mengawal selia hal-hal berkaitan selamat dan keselamatan penerbangan awam di Malaysia.

Dengan menjadikan DCA sebagai satu buah badan berkanun, ia akan mempunyai autonomi dan dengan itu dapat membuat keputusan dengan cepat dan efisien selaras dengan kehendak dan keperluan Konvensyen Pertubuhan Penerbangan Antarabangsa dan dengan itu tidak terikat dengan peraturan-peraturan birokrasi yang biasa. Akta ini mempunyai beberapa fasal tetapi ada beberapa perkara yang agak berbeza dengan kebanyakan akta badan berkanun yang lain.

Salah satunya ialah saya ingin menyentuh fasal 5 iaitu mengenai keanggotaan pihak berkuasa. Kita tahu komposisi maksimumnya ialah 10 orang dan ada sedikit halangan yang tidak sesuai dimasukkan sebagai syarat untuk menjadi anggota Pihak Berkuasa di mana seksyen 4A dan 4B meletakkan syarat-syarat yang jarang didapati dalam akta lain iaitu berbunyi begini, "*Seorang pun tidak boleh menjadi anggota Pihak Berkuasa jika dia sedang memegang jawatan yang berhubungan dengan penerbangan*". Seksyen 4B, "*Mana-mana orang yang terlibat dengan apa-apa perniagaan berhubungan dengan penerbangan*".

■1500

Pada kebiasaannya, sesuatu badan berkanun yang mengawal selia aktiviti komersial dan industri akan meletakkan seorang wakil bagi mewakili industri tersebut dengan meletakkan syarat seperti fasal 5(4)(a) dan (b). Ini bermakna badan berkanun ini tidak diwakili industri yang dikawal selianya. Maka kebimbangan saya ia tidak menjadikan badan berkanun ini sebagai *inclusive* kerana tidak dapat mendengar masalah industri melalui representasi industri tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, akta ini juga memberi kuasa yang sangat luas dan merangkumi segala aspek berkaitan penerbangan dalam negara. Ia dilihat sebagai satu undang-undang yang, dengan izin, *forward looking* ataupun berpandangan jauh dengan terdapat penambahbaikan yang sangat ketara.

Saya juga ingin memohon kerajaan lebih teliti dalam meluluskan lesen perkhidmatan penerbangan ataupun *air service license* kepada mana-mana syarikat yang berminat untuk

menyertai dalam bidang penerbangan. Tahun lalu, kita tahu kerajaan telah menggantung sebuah syarikat penerbangan yang bernama *Rayani Air* setelah hanya beroperasi beberapa bulan sahaja. Ini telah merugikan kerajaan dan mendedahkan pengguna kepada risiko keselamatan. Nasib baik pihak kerajaan telah bertindak pantas untuk mengelakkan kemungkinan terjadi masalah yang lebih besar kepada pengguna. Jadi saya ingin tahu, apakah masalah yang sebenarnya yang menyebabkan kerajaan menggantung perkhidmatan *Rayani Air* tersebut?

Saya lebih suka dan berpendapat kerajaan menggalakkan lebih ramai pemain-pemain dalam industri penerbangan. Ini dapat mengelakkan monopoli sesebuah syarikat penerbangan. Jika berlaku monopoli, ia tidak baik untuk pengguna dan tidak baik juga untuk kerajaan kerana sering kali berlaku apa yang dipanggil *holding the government at ransom* ataupun menekan kerajaan ataupun memeras ugut kerajaan untuk memudahkan mereka beroperasi kerana kerajaan akan bimbang dan takut menerima kerugian.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian mengenai *gadget* baru dalam industri penerbangan iaitu minat terhadap *unman aerial vehicle* (UAV) ataupun *drone*. Penggunaan UAV tidak terhad kepada penggunaan ketenteraan dan pertahanan sahaja tetapi buat masa ini ia menjadi satu hobi yang telah melebar luas penggunaannya untuk aktiviti komersial dan juga profesional seperti membuat penggambaran udara oleh agensi-agensi kerajaan dan orang perseorangan serta digunakan untuk kajian-kajian saintifik dan juga pemetaan. Ia telah banyak membantu, memudahkan dan mempercepatkan aktiviti pemantauan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, tidak kurang juga ia membawa isu-isu keselamatan awam dan juga gangguan privasi ataupun kerja-kerja intipan yang sering berlaku oleh sesetengah pihak.

Jadi, setakat ini tidak ada satu undang-undang yang jelas. Setakat ini di negara kita, *private pilot license* (PPL) bagi pengendali UAV tidak diperlukan jika dron itu atau UAV itu badannya tidak melebihi berat 20 kilogram dan penerbangannya tidak melebihi 400 kaki. Jadi, oleh sebab minat orang ramai terhadap UAV meningkat, kerajaan perlu mengkaji dengan lebih mendalam mengenai peraturan-peraturan dan mengeluarkan dasar-dasar yang lebih jelas tentang penggunaannya. Peraturan-peraturan yang sedia ada tidak begitu jelas dan spesifik. Kita juga minta kerajaan menjelaskan istilah-istilah seperti *control air space*, *uncontrolled air space* dan sebagainya dan ini perlu penjelasan yang lebih untuk rakyat ataupun peminat-peminat UAV memahaminya.

Di sesetengah negara, peraturan mengenai UAV sangat ketat seperti di Singapura, Thailand. Di Paris, Kerajaan Perancis tidak membenarkan langsung UAV digunakan di persekitaran 10 kilometer keliling ibu negara Perancis itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja yang saya ingin maklumkan dalam Dewan ini. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada pihak kementerian dan juga kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya terlibat dalam ucapan ini. Oleh itu, saya dengan ini menyokong rang undang-undang tersebut. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Hanafi bin Haji Mamat. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Puan Hajah Azizah binti Harun. Silakan.

3.06 ptg.

Puan Hajah Azizah binti Harun: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam 2016.

Pertama sekali, saya ucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan di atas segala usaha untuk memantapkan perundangan berkaitan dengan penerbangan awam Malaysia. Saya selaku wakil dari Selangor dan Sepang amat berbangga kerana KLIA dan KLIA2 berada dalam kawasan saya. Oleh itu, limpahan perkembangan ekonomi di koridor pembangunan Sepang telah menunjukkan pertumbuhan yang amat pesat dan memberi banyak peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.

Dalam rang undang-undang ini, saya ingin menyentuh mengenai fasal 32 rang undang-undang yang memberi kuasa kepada pihak berkuasa mengenai hak membuat pelaburan dan seksyen 33 mengenai tatacara kewangan dan kuasa untuk menubuhkan syarikat.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia ini, apabila sebuah agensi atau badan berkanun ditubuhkan bagi sesuatu tujuan, komponen paling penting untuk kita semak dan perincian adalah berhubung dengan pelaburan dan tatacara pengurusan kewangan yang dikanunkan dalam peruntukan akta yang bakal diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam fasal 33 mengenai tatacara kewangan, saya mohon perincian yang lebih sempurna oleh kerajaan apabila menangani dan mengurus aset DCA yang akan diberi peletakan hak pada fasal 45 rang undang-undang ini. Oleh itu, demi menjadi integriti dan proses peletakan hak ini berjalan dengan sempurna dan tidak merugikan Kerajaan

Persekutuan, saya mohon agar kementerian mewujudkan sebuah jawatankuasa khas yang dianggotai oleh wakil Kementerian Kewangan dan Jabatan Audit Negara bagi memastikan kaedah dan proses transisi aset atau harta serta liabiliti semasa yang ada dengan DCA diurus dengan bijaksana dan dengan penuh integriti.

Justeru, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kementerian, sehingga kini apakah proses audit dan aset *tagging* telah selesai dijalankan untuk memastikan proses imigrasi dan aspek perundangan semasa pemindahan hak berlaku apabila rang undang-undang ini diluluskan?

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan integriti penubuhan syarikat di bawah fasal 36 dan pelaburan yang dibuat dalam seksyen 32, saya mohon agar semakan dibuat di bawah peruntukan fasal 32(1) agar semua jawatankuasa pelaburan dan pembangunan ditubuhkan dan keahlian atau keanggotaan ini diwartakan dalam rang undang-undang ini agar tata kelola dan tata maklumat amalan terbaik diguna pakai dalam memastikan integriti dan autonomi Pihak Berkuasa Penerbangan Malaysia terpelihara dan mengelakkan krisis kepercayaan. Oleh itu, saya berharap dengan lulusnya rang undang-undang ini, agensi penguatkuasaan akan lebih dinamik dan pertumbuhan integriti negara akan terus berkembang maju.

■1510

Saya mohon menyokong rang undang-undang ini saya sekali lagi saya ucapkan syabas dan terima kasih kepada warga kementerian atas usaha menjayakan pembentangan rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Nampaknya makin ramai yang hendak bercakap. Sila kalau ada lagi saya terima. Kita bagi peluang. Ini hari akhir kita. Dijemput pula Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin Samad.

3.12 ptg.

Dato' Sri Khairudin Samad: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim...* [Berucap dalam bahasa Arab] *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam sehati sejiwa, salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian untuk menyampaikan sedikit sahaja pandangan saya.

Saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Harun dari Sepang ini. Beliau berhujah *complete*, lengkap tadi sebab kapal terbang lalu tepi tingkap beliau sahaja. Beliau datang dari Sepang. Jadi kapal terbang lalu tepi tingkap. Jadi dia tahu apa masalah sebenar.

Cuma saya melihat kita ada masalah sedikit dengan rakyat ini. Saya bimbang sangat Tuan Yang di-Pertua, saya merasa bimbang kerana apabila kerajaan membuat sebuah badan baru dalam pentadbiran ini, ada badan baru perbadanan ini, perbadanan ini. Apabila diberi pula kuasa autonomi, saya bimbang perbadanan ini akan juga mengenakan *fee* yang berlebihan.

Apabila dikenakan *fee* yang berlebihan, jadi matlamat penubuhan ini akan menjadi satu matlamat untuk hendak cari duit. Apabila cari duit, soal keselamatan nanti akan dikompromi kerana hendak cari duit lebih. Apabila hendak cari duit lebih, akhirnya yang akan kena ialah rakyat. Ini kerana tambang akan dinaikkan. Apabila pesawat-pesawat ini minta laluan udara dan sebagainya dan dikenakan *fee*, maka tambang akan naik seperti kita kena surcaj minyak contohnya. Maka tambang naik.

Ini kalau ada- saya difahamkan daripada industri penerbangan saya difahamkan Yang Berhormat Menteri tolong bercerita sedikit. Saya difahamkan kita akan kenakan *fee* mengikut mereka ini- saya tidak tahulah kalau mereka ini sahaja buat cerita. *Fee* akan dikenakan 1,000 peratus lebih daripada apa yang kena sekarang. Sudah tentulah ini akan balik kepada rakyat dan rakyat yang kena bayar. Akhirnya kita kena buat MRT 1Malaysia untuk hendak kurangkan perbelanjaan naik kapal terbang. Ini menjadi masalah. Jadi kalau boleh, kita kena kawal selia. Kerajaan kena perhati supaya perbadanan ini tidak menaikkan *fee* sewenang-wenangnya.

Sudah tentulah segala peraturan yang ada sekarang ini untuk menjaga keselamatan penumpang kapal terbang yang hendak berangkat dan kembali mestilah juga dipastikan keselamatannya. Tidak seperti yang berlaku dalam jawab lisan tadi- berlaku kecelakaan terhadap penumpang oleh sebab kompromi terhadap AirAsia contohnya.

Jadi ini semua kita harus beri perhatian dengan adanya perbadanan yang baru ini, perkara-perkara ini jangan langsung diketepikan. Ia mestilah diberi perhatian dan kerajaan mestilah menggunakan sebuah badan untuk melihat supaya mereka ini tidak sewenang-wenangnya naikkan harga dan sebagainya dan dicaj lagi *fee* entah apa-apa *fee* nanti dikenakan lagi. Itu sahaja yang saya hendak sampaikan.

Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua dan saya mohon Yang Berhormat Menteri tolong sampaikan kalau ada betul khabar-khabar angin yang saya dengar ini yang 1,000 peratus ini yang akan dinaikkan. Sekian, saya turut menyokong Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia 2016. Sekian, terima kasih. *Wabillahi taufiq walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad. Saya jemput pula sekarang ini Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah.

3.16 ptg.

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih dan mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana satu lagi transformasi yang akan dibuat terhadap rang undang-undang ini.

Saya hendak pendekkan sahaja kerana saya tidak ada di dalam Dewan ini. Mungkin soalan-soalan yang hendak saya bangkit ini telah pun ditimbulkan oleh rakan-rakan. Jadi saya pendekkan kepada soalan-soalan. Apabila kita diperbadankan- tadi saya dengar Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin pun bercakap benda yang sama.

Cuma saya hendak bertanya, sekiranya ini berlaku dari manakah entiti ini akan mendapat modal? Adakah terdapat sumbangan kerajaan dalam bentuk geran atau pelaburan dari KWSP atau sebagainya? Kita bimbang kerana apabila diperbadankan ini maklumlah ia boleh berniaga, boleh ada anak syarikat dan sebagainya.

Jadi saya bersetuju dengan Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin tadi kalau dinaikkan *fees* kita bimbang kemungkinan akan *effect*, dengan izin, pelancong-pelancong kita ke dalam negara kita dan juga orang-orang tempatan.

Kedua, saya ingin bertanya apakah akan dilakukan kepada kakitangan yang tidak mahu diserapkan. Mungkin ada rakan-rakan yang lain yang telah bertanya dan saya terbaca dalam surat khabar semasa Yang Berhormat menjawab di Dewan Rakyat dikatakan bahawa kerajaan akan *absorb* sekiranya ada kakitangan-kakitangan yang tidak mahu meninggalkan kerajaan dan masuk ke perbadanan ini. Jadi katanya akan di-*transfer* ke dalam MOT atau *Ministry of Transport*. Adakah *space*, dengan izin, ataupun ada ruang dalam MOT ini?

Kita tidak mahu jadi seperti MAS yang terpaksa memberhentikan pekerja sebanyak 6,000 orang semasa kita membuat *exercise* dahulu. Jadi kita hendak bertanya juga, apa akan jadi kepada mereka ini yang baru masuk dalam perbadanan ini, adakah mereka mendapat pencen ataupun cuti yang sama seperti mana dalam kerajaan ataupun dalam perbadanan ini.

Dahulu semasa kita berbahas rang undang-undang berhubung dengan Malaysia Airlines, kita boleh dikatakan semua dalam Dewan ini tidak bersetuju dan minta supaya kerajaan mengkaji semula *appointment* yang dibuat pada ketika itu kalau tidak salah saya **Christoph** Mueller yang memulihkan Lufthansa. Pada ketika itu kita tidak mahu. Kita minta supaya kalau boleh biarlah kakitangan *CEO level* ini diambil dari Malaysia kerana orang Malaysia juga mempunyai *talent* yang terbaik.

Kadang-kadang kalau kita tengok, saya baru-baru ini anak cucu saya kena penyakit sawan. Balik tengok atuk dia di England, di Cornwall tiba-tiba kena sawan. Apabila saya

menelefon anak saya di sana supaya pergi ke hospital, saya telefon *ambassador* kita di London dan rupanya *ambassador* beritahu Pengarah Hospital Cornwall itu adalah orang Malaysia.

Ini yang saya katakan bahawa jangan kita gundah gulana sangat dengan orang Malaysia ini. Cuma kita kadang-kadang kita terpanggil sangat untuk melihat mungkin depa ini *handsome* sedikit daripada kita, maka kita ambil mereka ini. Kita tengok sendiri Christoph Mueller pun tidak tara mana pun. Selepas itu dia pun... [Disampuk] Mula sahaja. Selepas itu tidak ada akhirnya. Jadi selepas itu diganti pula dengan seorang lagi.

■1520

Saya pun tidak ingat namanya dan kita pun tidak tahu apa yang akan jadi selepas ini Tuan Yang di-Pertua. Trend mengambil Orang Putih ini yang dulu kita tidak begitu minat sangat, dulu kita perang dengan mereka, sekarang ini kita ambil mereka balik. Baru-baru ini saya dengar TPC Kuala Lumpur ini, KLGCC ini pun ambil juga orang putih yang kita tengok, *members* kelab tengok pun ia perkara yang terbaik yang dia buat setakat ini. Pisahkan orang yang hisap rokok dari dalam dewan ke luar dewan. Itu yang kita tengok pun, *had* lain tidak ada apa padahal nak menjalankan padang golf ini orang kita pun boleh buat.

Kemudian Telekom pun saya dengar kata ada juga ambil Orang Putih. Jadi pakat-pakat mengikut, dah jadi trend dah. Tinggi-tinggi itu ambil orang putih ini tidak faham, mereka ini pun tidak faham politik sebenarnya. Kita *dok* perang-perang bagi projek pada bumiputera apa semua, dia tidak faham apa bumiputera ini. *Last* sekali terlepas juga bumiputera. Jadi kita mintalah kalau boleh CEO perbadanan ini hendaklah ambil orang Melayu atau Menteri yang pencen pun tidak apalah.

Kemudian soalan saya seterusnya Yang Berhormat Menteri, apa kriteria nanti kita hendak lantik orang baru ini, apakah kriteria pemilihan CEO penerbangan awam nanti? Tadi pagi pun saya tanya soalan kepada Menteri, bab *civil aviation* tadi pun saya kata di *Dubai* pun *three quarter of civil aviation in Dubai* pun kita tengok orang-orang Malaysia. Saya sempat juga buat perbandingan *civil aviation UK*, *civil aviation US*, *civil aviation Singapore* dan *civil aviation Malaysia* yang hendak ditubuhkan ini, saya rasa tidak ada perbezaan satu pun. Cuma yang membimbangkan tadi Yang Berhormat Menteri kata kalau kapal terbang hilang sekali lagi, adakah perbadanan ini juga akan mencari dan wang untuk nak mencari contoh MH370 ini amat banyak sekali.

Jadi akhir sekali, saya ingin bertanya juga apakah bentuk latihan yang akan diberikan kepada kakitangan dan apakah penerbangan awam akan meminjam kakitangan daripada sektor lain atau menggaji pekerja dari syarikat kawalan keselamatan. Jadi Yang Berhormat Menteri, saya hendak tumpang bertanya jugalah, mungkin tidak termasuk dalam bidang kuasa

rang undang-undang ini tetapi mungkin termasuk dalam bidang kuasa Menteri selaku Menteri Pengangkutan.

Saya kasihan tengok kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, saya pernah nampak sekali di Pulau Pinang bila kita hendak masuk, nak *check-in* itu. Selepas kita *check-in*, kita hendak masuk ke dalam nak tunggu kapal terbang itu kita melalui proses *check-up* yang begitu *detail* tetapi tidak sama juga. Kadang-kadang *airport* Kuala Lumpur, *airport* Penang, *airport* Kota Bharu lain. Saya hari itu kena waktu saya nampak peristiwa ini di *airport* Kuala Lumpur tidak ada apa pun, dia lepas masuk. Di Penang cukup *detail*, dia suruh kita buang tali pinggang. Saya tengok seorang Yang Berhormat itu buang tali pinggang, terlondeh seluar dia.

Saya tengok eh, kalau katalah kita mintalah kepada Yang Berhormat Menteri, bolehkah kalau kita tunjuk kad kita itu. Kita pakai kad kita, tak payahlah banyak sangat *check*, malu pada rakyat juga bila buang-buang tali pinggang, terus seluar jatuh. Jadi, agak memalukan jugalah. Kita tidak minta *extra lane*, tetapi kita minta supaya dilonggarkan sedikit...

Dato' Sri Khairudin Samad: Yang Berhormat, saya minta laluan.

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Boleh.

Dato' Sri Khairudin Samad: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan. Saya hendak sambung yang ini sebab saya pernah tanya, ini mungkin berlainan dengan rang undang-undang ini tetapi saya hendak sebut. Saya tanya pada sekuriti Yang Berhormat Menteri, saya tanya pada dia, "*Kenapakah you suruh saya buka tali pinggang? Apakah logiknya?*". Saya lalu dengan *scan*, dia kata sebab ada orang seludup pisau. Saya tanya pisau kalau hendak seludup dalam tali pinggang ini, berapa besar pisau itu yang kita boleh bawa. Macam jarum hendak jahit guni saja paling besar. Apakah yang kita boleh buat dengan pisau itu? Saya tanya, "*You pernah naik kapal terbang tak?*". Dia kata tak pernah. Sepatutnya *you* ikut saya naik dan kebetulan saya naik di *Business Class*. Dalam *Business Class* pisau pun dapat, garpu pun dapat. Jangan kata tikam perut kapten nak rampas kapal terbang. Saya jadikan kapten macam Kassim Selamat pun boleh, jolok dengan garpu kat mata itu. Betul tak Yang Berhormat?

Jadi, tidak guna ada benda-benda ini. Kadang-kadang kita jangan ditipu. Orang yang takut mati ini orang Amerika, dia yang takut mati. Jadi dia perbodohkan satu dunia. Kita pula *pi* ikut. Bukan saya suruh kompromi dalam soal keselamatan tetapi dalam soal ini, tak payahlah sampai terlondeh seluar.

Apa yang paling mustahak apabila dia suruh isteri kita, ambil masa sedikit Yang Berhormat Dato' Suhaimi. Dia suruh isteri kita pun buka tali pinggang. Selepas itu tidak ada ruang untuk isteri kita buka tali pinggang. Tali pinggang ini kalau isteri hendak buka, dia kena selak baju. Orang yang hendak tanggung dosanya si suami sebab isteri selak baju nampak

perut. Perut pula dah beranak enam, faham-fahamlah Tuan Yang di-Pertua. Faham-fahamlah lebih kurang macam perut kita juga yang dah sembilan tahun ini, boroi. Jadi tidak bolehlah.

Janganlah sampai kita ini ikut sangat Amerika ini sampai tak logik. Betul kata Dato' Suhaimi, di *airport* ini ada undang-undang lain, di *airport* sana undang-undang lain. Ini tidak masuk akal. Apakah pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Saya tidak ada pandangan, cuma saya hendak masukkan dalam Hansard saya selaku ucapan tambahan. Cuma bab dosa tadi itu saya ingat ia balik kepada Menteri juga *kot*. Bila isteri kita angkat itu, kita terima dosa, kita jawab *kat* Tuhan esok, *had* ini Menteri bagi arahan. Jadi, Menteri jugalah. Jadi kita minta supaya Menteri dapat buat sesuatu, janganlah *strict* sangat. Tengok orang jugalah katanya.

Kemudian saya melihat kepada KLIA2 ini, sekali lagi bukan bawah rang undang-undang ini. Akan tetapi saya tengok sekarang ini KLIA2 ini semakin kosong, semakin tutup kedai-kedai di situ. Jadi dulu saya pernah bercakap dalam Dewan ini kerana ada rakan-rakan kata KLIA2 ini terlalu mahal dan sistem yang dibuat di situ terlalu kuku besi. Jadi saya minta kalau dapat mungkin kementerian dapat mengkaji sesuatu supaya dapat diberi kelonggaran sedikit kepada peniaga-peniaga di situ. *Had* nasi kandar apa semua tutup habis dah, tinggal orang kata yang *francais* McDonald's dan sebagainya. Akan tetapi kadang-kadang bila orang keluar, dia masuk. Masuk itu dia buka tiga bulan, dia keluar juga. Jadi, kasihan kepada peniaga-peniaga.

Kemudian Yang Berhormat Menteri, saya hendak masuk sedikitlah soal *Rayani Air* yang hari itu *the only*, kita pun seronok dengar dalam surat khabar kata, "*The first halal airline.*" Jadi pramugari, pramugara semua pakai tudung, pakai kopiah, cantik segak semua, makanan *sure* halal apa semua, tidak sampai tiga bulan tutup. Kita pun malu. Sebagai orang Islam kita malu. Jadi perkara-perkara ini kita minta supaya *civil aviation* atau perbadanan yang baru ini supaya tengok balikkah kalau hendak menjalankan penerbangan.

Kemudian, saya rasa setakat itu Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mengambil kesempatan ini untuk hendak mengucapkan ribuan terima kasih kepada Timbalan-timbalan Menteri yang sanggup datang menjawab. Semalam Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid datang, Dato' Seri Hishammuddin datang, Yang Berhormat KJ datang, semua pakat puji semualah, Menteri-Menteri penuh datang.

Ada seorang Timbalan Menteri dia jumpa saya di kafeteria, dia kata kami ini hari-hari mai, tidak ada siapa puji pun. Bila Dato' Seri Zahid, Yang Berhormat KJ *mai, depa* angkat bukan main. Jadi saya pun nak angkat jugalah Timbalan-timbalan Menteri ini. Satu tepukanlah kita bagi kepada mereka... [*Tepuk*] Kepada yang bukan Islam, saya mengucapkan *Merry Christmas, Happy New Year. Thank you Sir.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tadi saya nampak semua keluarga saya bercakap tadi, Timbalan Menteri kita berkaitan, Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi, tulis saya nampak ya. Ada belakang itu, dia fokus nampak, *Alhamdulillah*. Lain-lain Menterilah yang ada dalam Dewan ini. Saya pergi sekarang kepada Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd. Yusoff. Sila. Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa ada?

■1530

3.30 ptg.

Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Tuan Yang di-Pertua, saya ingat saya sudah minta untuk cakap *last* sekali tetapi sudah tersebut sekarang ini, saya pun sebut jugalah.

Pertamanya, saya mengambil kesempatan ini ucapkan terima kasih dan tahniah kepada kementerian atas pembentangan rang undang-undang ini. Saya menyokong rang undang-undang yang dibentangkan tadi oleh Yang Berhormat Menteri di dalam Dewan yang mulia ini. Saya tidak ada apa yang saya hendak disampaikan sangat, cuma saya menyokong satu, dua perkara yang dibangkitkan oleh kawan-kawan. Saya hendak tambah sikit kepada Yang Berhormat Menteri, adakah dengan perbadanan ini boleh meningkatkan prestasi kakitangannya, lapangan terbang dan juga syarikat MAS? Oleh sebab apa, banyak masalah dari dahulu, apabila berubah pun adakah ia sama ataupun memang ada peningkatan?

Lain-lain, saya tidak ada hendak komen sebab saya cuma hendak tanya satu, dua perkara lagi berkaitan semalam saya terima Kad Senator, dekat di situ tulis, tambang kereta api percuma. Saya hendak tanya dengan pihak kementerian, adakah tidak Ahli Parlimen sama ada Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara ini ada *special discount* apabila naik kapal terbang? Bukan berurusan semasa dengan kerja-kerja Senator, ada apa-apa diskaun yang telah ditetapkan kah ataupun tidak ada? Kalau tidak ada, saya mohonlah kita ini hendak pergi sana-sini, maklumlah jemputan-jemputan tidak semestinya rasmi. Kalau yang tidak rasmi ini hendak terbang sana, *at least* dapatlah separuh harga.

Semua kapal terbang yang ada dalam *business* dalam- berkaitan Malaysia ini. Minta dapat kepada kita dan juga di luar negara pun. Kalau hendak pergi mana pun diskaunkan, bukan hendak *free*, hendak diskaun. Oleh sebabnya, kita memang kalau dalam bab ini, sebab kita yang terlibat ini bukannya akan berurusan mengikut apa yang telah diarahkan tetapi untuk mempercepatkan apa sahaja. Jadi, saya sampaikan ini selepas mendapat pandangan kawan-kawan. Saya ini ibarat lilin untuk menerangkan kawan-kawan ini- ibarat lilin, sebab itu tidak berapa terang sangat, sebab selalu jadi lilin.

Jadi, saya tidak ada apa cuma saya hendak ucapkan tahniahlah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kita, dari pagi tadi sampai sekarang duduk dekat sini. Saya tengok Yang Berhormat Suhaimi pun sudah kata ucapannya baik apa semua, jadi saya pun haraplah perkara ini, pandangan ini, pertanyaan ini dapat dijawab petang ini juga. Ini kerana kita hendak tahu sama ada, ada atau tidak ada tentang kemudahan-kemudahan itu. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dato' Fahariyah binti Md Nordin.

3.33 ptg.

Dato' Fahariyah binti Md Nordin: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kerana memberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan berkenaan Akta Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam 2016.

Tuan Yang di-Pertua, industri penerbangan awam merupakan antara industri yang paling tinggi tahap regulasinya di dunia ketika ini. Malah boleh dikatakan, dengan izin, *there is no any mode of transportations is as scrutinized, investigated and monitored as commercial aviation*. Walau bagaimanapun, negara telah digemparkan dengan tragedi MH370 dan MH17 yang telah menarik perhatian seluruh dunia. Ini kerana tragedi-tragedi ini merupakan sesuatu yang berlaku di luar jangkaan di sebalik rekod Malaysia Airlines sebagai salah sebuah syarikat penerbangan yang paling selamat di dunia ketika itu.

Rentetan daripada kejadian ini, kerajaan selaras dengan kehendak badan *International Civil Aviation Organization* (ICAO), di mana Malaysia ialah ahli, menyarankan agar Malaysia mempunyai badan penerbangan awam yang bebas, telus serta profesional bagi memastikan industri penerbangan awam Malaysia menurut piawaian dan ketetapan. Sesungguhnya, usaha kerajaan ini patut dilihat sebagai satu anjakan paradigma dalam sistem tadbir urus salah satu buah jabatan di Kementerian Pengangkutan yang sekarang ini dikenali sebagai Jabatan Penerbangan Awam.

Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri atas usaha membentangkan akta ini. Tuan Yang di-Pertua, jika diteliti dengan rapi, undang-undang ini digubal dengan semangat supaya struktur Jabatan Penerbangan Awam yang sebelum ini tertakluk dengan pelbagai kekangan-kekangan jabatan kerajaan, diberi kuasa sebagai badan berkanun.

Walaupun bagaimanapun, saya tertarik dengan Bahagian III, perenggan ke-16 mengenai fungsi bidang berkuasa. Saya ingin mohon penjelasan daripada pihak kementerian, sejauh

mana pihak kerajaan melihat badan berkuasa ini berperanan sebagai pihak berkuasa penerbangan awam ditambah supaya bukan sahaja memastikan keselamatan, kesejahteraan dan pembangunan industri penerbangan awam tetapi juga daripada segi aspek pemeliharaan alam sekitar dan mengawal pencemaran yang dihasilkan oleh pengangkutan udara?

Fungsi dan peranan ini juga telah jelas dinyatakan dalam badan-badan autoriti penerbangan awam di negara-negara lain seperti di Perancis, Korea dan juga US, *but not here in Malaysia*, dengan izin. Ini adalah penting kerana industri penerbangan merangkumi keseluruhan ekosistem udara, darat dan air. Menurut Panel Antara Kerajaan Mengenai Perubahan Cuaca atau *the Intergovernmental Panel on Climate Change* (IPCC), dianggarkan bahawa kesan industri penerbangan terhadap perubahan cuaca adalah dua hingga tiga kali ganda lagi tinggi daripada kesan secara langsung *emissions of carbon dioxide*.

Malah, menurut Kesatuan Eropah di negara-negara Eropah, gas hijau daripada industri penerbangan telah meningkat sebanyak 87 peratus antara tahun 1990 sehingga ke tahun 2006. Malahan selain itu, pencemaran bunyi yang mungkin berlaku berdekatan dengan lapangan terbang juga akan mungkin menjadi masalah kepada penduduk tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan kesinambungan pihak berkuasa penerbangan awam ini, kita juga harus memastikan sumber kapital manusia sentiasa terjamin, ini *human capital*. Meskipun kita telah mempunyai banyak sekolah penerbangan dan juga universiti-universiti yang menawarkan kursus kejuruteraan dan kemahiran *maintenance* kapal terbang, kita memerlukan sebuah institusi khusus yang menawarkan kursus untuk aktiviti-aktiviti lain seperti *airlines security, airlines accident investigations*, dengan izin, dan sebagainya.

Ini amat bersesuaian dengan peranan dan wawasan yang dicapai oleh kerajaan dengan penubuhan pihak berkuasa penerbangan awam ini. Dengan ini saya mohon penjelasan daripada pihak kerajaan sekiranya pihak kerajaan mempunyai perancangan untuk memperkasakan dan juga menaik taraf *Malaysia Aviation Academy* supaya ia bersesuaian dengan matlamat dan visi memperkasakan industri penerbangan awam.

Kalau kita tengok daripada segi industri pertahanan juga telah menaik taraf kolej pertahanan mereka ke Universiti Pertahanan Nasional Malaysia yang mana salah sebuah model yang mungkin kita pelajari melalui negara Perancis. Walaupun negara kita punya industri penerbangan tidak sebesar di Perancis tetapi mungkin dalam ke arah menuju negara maju mungkin salah satu faktor kita boleh tengok.

Di Perancis ada wujud satu *National Civil Aviation Institute* (INAC) yang menyediakan kursus-kursus dalam semua bidang. Bukan sahaja bidang kejuruteraan, *security aviation, air traffic control, flight instructor* dan pengurusan dalam bidang penerbangan awam tetapi ia juga

mempunyai *air accident investigations course* yang mana ia telah menjadi salah sebuah institusi, dengan izin, *human capital provider* kepada badan dan entiti bertaraf dunia seperti BAA yang menyiasat kemalangan kapal terbang, termasuklah MH370 serta syarikat *Airbus* yang menjadi salah sebuah pengeluar kapal terbang awam terbesar di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa pembentangan undang-undang ini akan meningkatkan daya saing industri penerbangan awam di Malaysia dan seterusnya membaik pulih imej industri penerbangan. Akhir kata, saya dengan ini menyokong sepenuhnya Akta Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam 2016. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Baiklah, saya jemput pula sekarang ini Yang Berhormat Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor. Dipersilakan.

3.39 ptg.

Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam 2016. Saya rasa tepat pada masanya untuk kementerian usulkan rang undang-undang.

■1540

Ini kerana ia adalah selari dengan kehendak ataupun keperluan International Civil Aviation Organization (ICAO) khusus untuk menentukan *safety* dan *security of civil aviation*, dengan izin. DCA pula akan dijadikan sebuah badan berkanun untuk melaksanakan tugas dan fungsi pihak berkuasa penerbangan. Jadi, apa yang saya lihat rang undang-undang ini terlalu fokus kepada *civil aviation*. Penerbangan sivil.

Umum sedia maklum, isu yang saya hendak bangkitkan kerana di *airspace* itu bukan sahaja penerbangan ialah penerbangan sivil sahaja iaitu *civil aircraft* tetapi juga kita ada *military aircraft*. Penerbangan milik Angkatan Tentera Malaysia. Jadi, saya hendak tanya kerana apakah kalau kita lihat lazimnya *flight profile* iaitu rancangan penerbangan semua kapal terbang kerana rang undang-undang ini memberi *authority* kepada pihak berkuasa penerbangan awam untuk *safety* dan juga keselamatan. Bermakna dia juga adalah *authority* kepada keselamatan udara termasuk untuk menjaga keselamatan dan juga kapal-kapal terbang milik angkatan tentera. Jadi, saya rasa- saya hendak tanyalah kepada kementerian kalaulah *authority* ini juga ada *jurisdiction* dengan izin, kepada kapal terbang angkatan tentera.

Kedua ialah untuk mengelakkan pengawasan ber-*silo* bermakna kalau kita tidak- kita hendak ambil peluang sekarang ini dengan kewujudan *authority* baru ini supaya tidak ada dua *silo* yang mengawal atau mengawas penerbangan di *airspace* iaitu jet 'C' mengawas untuk kapal terbang tentera sahaja dan *authority* ataupun DCA mengawal untuk *civil aviation* sahaja.

Jadi, saya hendak bangkitkan contoh satu cerita kita semua sudah tahu iaitu insiden MH370. Ini kerana pada malam itu, apabila masanya sampai untuk MH370 setelah di-*handover*, dengan izin, ke *Vietnam control*, masa itu radar tentera udara telah pun membuat *tracking* tetapi mereka lihat kapal terbang itu pusing. Akan tetapi, operator tidak ada satu *synergy* atau *cross telling* antara jet 'C' dan juga KLIA. Ini kerana mereka melihat satu perkara yang luar biasa kerana kapal terbang MH370 telah berpusing selepas *handover* ke *Vietnam control*.

Inilah saya rasa eloklah kita ambil peluang kali ini untuk kedua-dua agensi tentera TUDM yang diberi kuasa untuk menjaga semua radar yang juga bersama dengan radar alat-alat sistem radar mengesan penerbangan sivil. Apa yang mustahak dalam tentera ialah kita mengawasi apabila ada *intrusion*, dengan izin, dalam *Air Defense Identification Zone* (ADIZ). Walaupun dia sivil ataupun *military*, ini akan dikesan untuk keperluan keselamatan keseluruhannya iaitu *violation*, dengan izin, masuk dalam ADIZ.

Jadi, saya kalau kitalah dapat malam itu berkomunikasi antara agensi TUDM dan juga DCA, maka *gap*, dengan izin, yang sehingga pagi baru kita tahu MH370 tidak sampai ke Beijing- baru kita tahu. Kalaulah ada komunikasi malam itu juga kita sudah tahu dan dapat TUDM boleh *deploy* kapal terbang F18 ke untuk bersama-sama kapal terbang MH370 dan *at least* kita boleh tahu di mana posisi jatuhnya MH370. Inilah satu-satunya perkara yang harus kita ambil maklum apabila mengambil peluang juga untuk *synergy*...

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin: Tan Sri.

Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Hj. Mohd. Nor: Silakan.

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin: Boleh Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Hj. Mohd. Nor. Saya tertarik bila sebab kalau hendak tanya soalan *I think*, dengan izin, *you will be the right person to ask* berkenaan keselamatan negara ini.

Jadi, hendak mohon pandangan Yang Berhormat Senator. Adakah Yang Berhormat Senator rasa dengan adanya nanti rang undang-undang ini, dia boleh memperbaiki dan juga boleh memastikan apa yang berlaku di MH370 ini boleh di- tidak akan berlaku lagi. Sebab

mungkin kalau Yang Berhormat Senator ingat seluruh dunia semacam mentertawakan kita bila *an aircraft flying*, kita tidak tahu apa yang berlaku pada *aircraft* itu.

Jadi, adakah Yang Berhormat Senator sebab mengikut kepada pengalaman Yang Berhormat Senator sebagai orang yang cukup berpengetahuan soal ini adakah dengan ini nanti boleh memastikan supaya tragedi seperti ini tidak akan berlaku di masa akan datang. Mohon pandangan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor: Terima kasih Yang Berhormat kerana menanyakan soal itu. Itulah yang sedang saya bangkitkan sekarang untuk hendak cadangkan juga atau tanya kementerian sama ada pembelajaran pada malam itu kerana ada *gap* dalam komunikasi antara dua buah agensi boleh kita ambil peluang dalam pewujudan rang undang-undang ini. Kita memperbaiki iaitu satu penambahbaikan prosedur di mana *cross telling* antara agensi TUDM- jet 'C' dengan DCA. Jikalau itu berlaku dengan cara satu prosedur tetap. Maka, saya yakin *tracking*, dengan izin, semua kapal terbang akan sentiasa dikesan dan kita dapat makluman itu sehinggalah kapal terbang itu mendarat di lapangan-lapangan terbang.

Jadi, itulah saya rasa yang isu yang juga lazimnya sekarang ini dalam latihan tentera dan juga latihan penembakan di laut selalunya kita memohon daripada DCA untuk *Notice to Airmen* (NOTAM) atau notis untuk melibatkan kerana trajektori tembakan itu akan memakan tinggi sampai kepada 30,000 kaki. Jadi, ini juga ialah satu prosedur dan saya hendak tanya kementerian sama ada dalam hendak wujudnya Pihak Berkuasa ini ataupun DCA sebagai badan berkanun prosedurnya diteruskan.

Akhir sekali, ialah prosedur *search and rescue* (SAR). Kita sedia maklum bahawa dengan kewujudan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) beberapa tahun yang lalu, merekalah diberi mandat ataupun *the primary role* dengan izin, untuk menjaga penguatkuasaan kawasan maritim. Kedua, *search and rescue* APMM.

Jadi, saya hendak tanya kementerian sama ada dalam kuasa *search and rescue* ini sama ada pihak berkuasa ini juga telah mengambil kira atau mewujudkan nanti satu *standard operating procedure* (SOP) dengan izin, untuk bersama menerima mengambil kira kewujudan APMM yang diberi mandat juga dalam tugas-tugas *search and rescue* (SAR).

■1550

Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua isu-isu yang ingin saya bangkitkan. Saya ucapkan tahniah kepada kementerian kerana telah wujudnya pihak berkuasa ini dan ada autonomi, saya

harap perkara-perkara yang boleh menggunakan pendekatan lautan biru tidak ada lagi percanggahan dalam autoriti antara pihak angkatan tentera dan juga pihak agensi DCA.

Jadi, kita ada satu sinergi yang boleh menentukan ataupun sebagai pemangkin kepada tidak ada lagi dua silo ataupun pendekatan yang bersalur tetapi satu pendekatan yang boleh menentukan tidak terjadi perkara-perkara yang seperti insiden MH370. Dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tan Sri dan saya beralih kepada ada seorang lagi iaitu Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor Sultan.

3.51 ptg.

Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas ruang yang diberikan kepada saya untuk sama bangun dan membahar Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia 2016. Saya juga terpanggil untuk turut sama berbahar dan memberi buah fikiran dalam beberapa isu serta peranan DCA hari ini. Hari ini dunia tanpa sempadan dan dengan hanya beberapa jam, kita mampu berada di negara yang lokasinya beribu-ribu batu. Sudah tentu ia memerlukan sebuah badan khas yang memantau dan menyelia syarikatpenerbangan yang beroperasi serta lapangan terbang sebagai pintu masuk ke negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong langkah Jabatan Penerbangan Awam (DCA) yang bakal dinaiktarafkan menjadi badan berkanun dan dikenali sebagai Pihak Berkuasa Penerbangan Awam (CAAM) menerusi penggubalan Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam 2016. Jelas penggubalan akta ini bertujuan memenuhi kehendak Pertubuhan Penerbangan Awam (ICAO) yang mahu negara yang menandatangani Konvensyen Chicago menubuhkan pihak berkuasa penerbangan awam yang berautonomi bagi memastikan aspek keselamatan penerbangan awam diuruskan dengan cekap.

Tuan Yang di-Pertua, banyak poin yang saya hendak bercakap ini telah disentuh oleh ramai kawan saya berkenaan dengan *security*, berkenaan dengan pekerja. Jadi, untuk saya pendekkan ucapan saya ini, saya hendak terus kepada beberapa soalan kepada pihak Menteri. Satunya yang ingin saya maklumkan di sini semasa apa Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi maklumkan semasa kita minta kelulusan MAS yang mana telah memberhentikan seramai 6,000 orang pekerja. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri, sehingga hari ini, rakyat di luar menanyakan apa untungnya kita berhentikan pekerja-pekerja MAS yang berpengalaman dan di samping itu juga kita *interview* yang baru pula masuk. Jadi kita nampak ada benda yang tidak kena daripada pihak pengurusan.

Saya juga ingin mengajukan beberapa soalan peranan DCA dalam mencari jalan penyelesaian syarikat penerbangan AirAsia dan MAB berkaitan perpindahan KLIA dari KLIA2. Sejauh mana keselamatan penumpang di dalam pesawat serta lapangan terbang serta kecekapan pengendalian bagasi yang menjadi *viral* di media sosial yang mengambil masa yang panjang untuk mendapat bagasi.

Satu lagi, keselamatan bagasi. Saya ingin maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, berkenaan keselamatan bagasi. Perkara ini berlaku kepada saya yang mana saya mengambil penerbangan dari Pulau Pinang ke KLIA. Masa kita *check in* bag kita dengan kunci sebagaimana semua elok. Sampai di KLIA, saya terima beg, beg ternganga Yang Berhormat Datuk. Betul memalukan lah Datuk. Isu ini bukan sekali. Kena pada saya, saya terbang dari Jakarta balik KLIA. Saya ada gambar ini. Saya rasa malulah sebagai orang Malaysia, kita bangga dengan KLIA kita. Ini yang berlaku di KLIA. Jadi saya mintalah pihak Yang Berhormat Menteri, kalau ada jawapan, *alhamdulillah*. Saya perlulah jawapan ini. Malu, kita malu hendak cerita kepada orang.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, sejauh mana peranan DCA dalam pencarian MH370 dan mencari bukti dalam kes MH17. Mungkin boleh menerangkan dalam Dewan yang mulia ini berkaitan tahap pencarian yang mungkin dikurangkan atau dihentikan terus ekoran kos tinggi dalam kes MH370 dan status kumpulan bukti dan kerjasama dengan negara-negara terlibat dalam mencari dalang untuk didakwa kes MH17.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong pihak berkuasa Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam 2016. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Hendak tanya sedikit. *Luggage* yang hilang itu jumpa balik atau tidak?

Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan: Ya, Tuan Yang di-Pertua, beg yang hilang? Beg tidak hilang. *Depa* koyak. Makna kata, *safety you* tidak ada. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih banyak-banyak. Saya sambung dengan Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal. Silakan.

3.57 ptg.

Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal: Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana membenarkan saya untuk turut serta membahaskan satu dua isu berhubung Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia 2016. Pertamanya saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas atas komitmen kerajaan dalam

mewujudkan sebuah jawatankuasa yang dikhaskan dalam menilai serta mengurus dan bertanggungjawab secara holistik dan sektor penerbangan di negara kita.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, terdapat beberapa insiden yang benar-benar sedih bagi semua golongan masyarakat daripada anak kecil sehingga warga emas setiap insan dapat merasakan kehilangan nyawa akibat bencana di udara atas dasar kemanusiaan, persaudaraan, kejiwaan, kenalan atau sekurang-kurangnya kewarganegaraan. Memandangkan insiden-insiden buruk sedemikian menggugat ketenteraman manusia, adalah penting untuk kerajaan menilai dan memperkukuhkan sistem pentadbiran sektor penerbangan kita ini.

Saya ingin menyentuh pihak berkuasa mengikut Bahagian III dalam rang undang-undang ini. Saya ingin menyarankan agar Menteri dapat memperuntukkan beberapa lagi ahli tambahan seperti berikut.

Pertamanya, membenarkan Yang di-Pertua Dewan Negara mencadangkan beberapa nama Ahli Dewan Negara bagi mewakili Dewan yang mulia ini sebagai ahli pihak pengurus kerana Dewan Negara ini dilihat sebagai satu Dewan yang tertinggi di dalam negara mahupun di peringkat global yang ternyata terdiri daripada pelbagai wakil golongan masyarakat yang berdedikasi dan bertanggungjawab dan berintegriti bagi mencerminkan kewibawaan serta komitmen kerajaan dalam memperkukuhkan agenda transformasi atau ketelusan. Adalah baik cadangan ini dapat diperhalusi kerana lantikan sedemikian dapat menyuarakan rasa dan perasaan serta pendapat rakyat jelata sehingga ke akar umbi.

■1600

Kedua, lantikan daripada pihak penerbangan komersial dalam negara kita seperti MAS, AirAsia, Malindo, Firefly dan sebagainya atas dasar menasihati agar pandangan serta kemahiran dan pengalaman mereka dalam industri penerbangan dapat diketengahkan agar industri ini dapat dilaksanakan. Lantikan sedemikian akan benar-benar mencerminkan satu kelompok yang berkualiti dan mantap untuk mengendalikan sebarang masalah demi mencapai agenda negara maju 2020.

Seterusnya, saya ingin menyentuh sedikit tentang kemudahan infrastruktur serta kepakaran daripada segi teknikal mahupun *software* dan diguna pakai dalam industri penerbangan kita ini. Adakah pekerja-pekerja di dalam industri penerbangan kita terutama dalam mengemudi dan mengendalikan pesawat komersial kita berada di tahap tertinggi *up to date*, dengan izin, tentang perkembangan keselamatan dan apa jua piawaian antarabangsa yang dikemas kini melalui latihan atau arahan?

Saya menyarankan agar kementerian dapat menumpukan perhatian yang sewajarnya dalam mempertingkatkan dan memperkasakan sektor penerbangan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin tahu adakah kerajaan bercadang untuk mempertingkatkan status lapangan terbang domestik kita seperti KLIA 2. Saya berpendapat memandangkan sektor pelancongan salah satu sektor mempunyai pendapatan dalam negara adalah lebih elok agar gerbang atau pintu masuk di negeri-negeri kita dipertingkatkan. Kemasukan pelawat antarabangsa juga dilihat amat memberangsangkan sambil membantu kerajaan mempromosikan industri pelancongan dalam negara.

Berikan jumlah lapangan terbang domestik kita yang masih dalam perancangan pembangunan atau *upgrading* dan cadangan pembinaan lapangan terbang baru oleh pihak kerajaan mahupun secara *joint venture*.

Akhir sekali saya juga ingin menyarankan agar kerajaan meneliti kembali fasal-fasal yang dilihat sebagai *outdated* bagi memenuhi kehendak semasa dalam arus pembangunan negara.

Fasal-fasal Bahagian V, banyak diperlihatkan sebagai berat sebelah dan ini jelas mempamerkan kewibawaan kerajaan serta kredibilitinya. Memandangkan Kerajaan Barisan Nasional sentiasa mendukung ketelusan dan respons masalah sekarang untuk pihak kerajaan menilai fasal-fasal yang boleh interpretasikan sebagai berat sebelah. Jangan kerana nila setitik, rosak sebelanga.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia 2016. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Senator, terima kasih banyak. Sebelum saya hendak maklumkan bahawa sebelum saya undur dan saya katakan bahawa kita sudah 10 hari bersidang petang ini.

Bermula pada 5 Disember 2016 dan hari ini tamat tangguh pada 21 Disember 2016. Saya- pemerhatian saya sangat senang hati melihat keluarga saya ambil bahagian dengan begitu baik sekali dan dapat mempertingkatkan prestasi kita itu saya nampak sangat baik. Saya rasa kalau inilah laporan yang hendak sampai kepada pihak atas bahawa Senator kita ini betul-betul tekun, dia fokus dan nampak kita macam itulah jadinya. Saya juga ingat tadi kalau ada apa salah saya minta maaf bak kata pantun orang Melayu.

*Kapal api dari seberang,
Sarat muat dengan barangan,
Maafkan saya lebih dan kurang,
Yang pahit manis jadi kenangan... [Tepuk]*

*Kalau ada sumur di ladang,
Izinkan saya menumpang mandi,
Kalau ada umur kita panjang,
Tahun depan kita jumpa lagi.*

Sebelum menunggu saya punya Speaker, dan saya jemput lagi seorang iaitu Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali.

4.06 ptg.

Datuk Rabiyah binti Ali: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk saya berucap dan membahaskan Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia 2016.

Di kesempatan ini juga saya memohon mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri, KSU dan KP DCA serta warga kerja kementerian atau DCA kerana telah berjaya menyempurnakan penggubalan rang undang-undang ini sebagai komitmen Malaysia, sebagai Ahli Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa Awam dan Konvensyen Chicago.

Diringkaskan perbahasan saya ini dalam rang undang-undang ini, saya ingin mendapatkan penjelasan kementerian mengenai pertama, kawal selia aktiviti penerbangan milik persendirian sama ada menggunakan *light air craft* atau helikopter di tahap standard atau kualiti kemudahan pendaratan dan pelepasan di lapangan terbang seluruh negara agar ia tidak menjadi pertikaian oleh pihak pengguna perkhidmatan udara.

Kedua, status hukuman penarikan lesen operator *flight charter Umrah Eagle Express Airline*.

Tuan Yang di-Pertua, terjadi kemalangan yang melibatkan helikopter dan pesawat ringan yang membuatkan latihan sering terjadi sejak kebelakangan ini. Kemalangan helikopter melibatkan negara kehilangan pemimpin dan juga individu yang amat berjasa pada negara. Justeru, adakah dengan rang undang-undang ini dengan kuasa dan mandat kerangka perundangan serta tata kelola standard yang perlu ada agar kita boleh pastikan tragedi ataupun kemalangan melibatkan helikopter dan pesawat ringan ini dapat diminimumkan.

Tuan Yang di-Pertua, sering kedengaran *complaint* dan pertikaian antara AirAsia dan Malaysia Airport Holding Berhad yang menjadikan isu kualiti *runaway* atau *taxiway* serta *front way* di KLIA 2 mengalami kerosakan dan tidak menepati standard antarabangsa lapangan terbang. Justeru, pertikaian dan provokasi serta hentaman kepada kementerian dan MAHB sering berlaku.

Justeru, melalui isi perbahasan ini saya mohon mendapatkan penjelasan tentang status sebenarnya kualiti standard KLIA yang sering ditimbulkan isu sensasi AirAsia serta bagaimana melalui peruntukan rang undang-undang ini semua isu berkaitan dengan permasalahan substandard kemudahan lapangan terbang dapat diatasi secara total.

Saya mendapat berita bahawa MAVCOM telah menarik balik lesen operasi *Charter Umrah Eagle Airline Express* semalam. Saya mohon penjelasan oleh Yang Berhormat Menteri tentang apakah masalah yang telah berlaku dan bagaimanakah Kementerian Pengangkutan sebagai isu penguatkuasaan perkhidmatan udara.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya dan menyokong rang undang-undang ini saya ingin menyentuh mengenai fasal 27B mengenai bayaran saraan kakitangan Pihak Berkuasa penerbangan awam Malaysia. Kita mengetahui bahawa skim penggajian Kerajaan Persekutuan yang masih rendah jika dibandingkan dengan sektor swasta dalam industri ini.

Oleh itu, dapatkan kementerian memberikan perincian daripada segi skim perkhidmatan dan julat gaji minimum dan maksimum yang dicadangkan agar justifikasi implikasi kewangan Persekutuan dapat diaturkan secara efektif. Bagi memastikan isu integriti terus dipelihara, saya mohon kementerian menguruskan segera agar Akta Suruhanjaya Agensi Penguatkuasaan 2012 menjadi salah sebuah komponen pematuhan daripada pihak berkuasa penerbangan awam Malaysia.

■1610

Mudah-mudahan dengan adanya integriti yang utuh Pihak Berkuasa Penerbangan, isu integriti, amalan rasuah dan salah guna kuasa akan diurus dengan baik dan menaikkan martabat negara di persada antarabangsa. Saya mohon menyokong Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sekarang saya menjemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim.

4.17 ptg.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Ingatkan *last* dah. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Timbalan Menteri Pengangkutan yang tak jemu-jemu hadir ke Dewan ini sepanjang sidang Dewan bila berhubung dengan MoT. Kita doakan selepas ini Dato' Aziz menjadi Menteri penuh masa lah sebab Tan' Sri Muhyiddin dah tak ada dah, jadi harapan kitalah.

Tuan Yang di-Pertua, saya nak sentuh fasal 3 yang menjelaskan penubuhan Pihak Berkuasa di mana Pengerusi dilantik oleh Menteri, wakil MoT, wakil MoF empat orang atau tidak lebih enam orang yang dilantik oleh Yang Berhormat Menteri dan satu orang CO.

Dalam hal lantikan ini, saya tak nak lepas kita lulus DCA diperbadankan, saya minta kerajaan dan pihak berkuasa supaya melantik orang yang terus menyokong kerajaan. Kita tak nak ada persepsi-persepsi bila sudah berlaku itu, ini orang PKR lah, pengaruh CIA lah. Jadi saya tak nak macam itu. Macam insiden MH370, bila dah berlaku itu, oh, ini Kapten Zahari ini jumpa dengan Anwar Ibrahim- jadi saya tak nak. Lantik orang yang betul-betul menyokong kerajaan dan kita tidak ada persepsi yang ini, *if anything happen* selepas itu. Macam CEO pun, lantik orang yang terus- yang kita tidak curiga.

Kemudian yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, bila diperbadankan, pastikan ia tidak memberi liabiliti kepada kerajaan. Tadi Yang Berhormat Dato' Seri Khairuddin sudah kata kalau diperbadankan esok nanti macam-macam *fees* lagi ada. Jadi apa-apa, kita minta Pihak Berkuasa yang bila diperbadankan ini minta bincang dengan kerajaan supaya nanti ia tidak menjadi liabiliti dan tidak menjadi isu kepada parti pembangkang lebih-lebih lagi tahun depan kita hendak mengadakan pilihan raya. Kalau sebarang kenaikan bayaran, tentunya ia menjadi isu kepada parti pembangkang untuk menghentam kerajaan. Jadi bila diperbadankan esok, fikir-fikirlah bila hendak buat sesuatu itu. Jangan ia menjadi liabiliti dan menjadi isu kepada pihak pembangkang untuk menghentam kerajaan yang boleh menjejaskan pencapaian kita dalam PRU Ke-14 nanti.

Saya rasa itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan saya lihat kita *dok* bahas undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, lebih kurang sama saja dengan rang undang-undang yang nak diusulkan selepas ini. Saya ingat sama saja. Jadi kita nak minta kalau boleh, dah *dok* bincang sama ini, jadi setuju yang ini, Menteri baca yang ini, terus setuju. Hendak bincang apa lagi? Semua sudah cakap pasal penerbangan semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah Mat Yasim. Yang Berhormat Senator Bathmavathi Krishnan.

4.14 ptg.

Puan Bathmavathi Krishnan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk menyertai perbahasan Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia 2016.

Tuan Yang di-Pertua, antara pelbagai sektor penumpang yang menggunakan kapal terbang sebagai mod pengangkutan termasuk juga penumpang-penumpang warga emas, orang kurang upaya dan mereka yang mengalami masalah kesihatan. Ada antara mereka ini yang menggunakan alat peralatan mudah alih yang juga guna bateri dan juga ada yang menggunakan kerusi roda bermotor yang juga menggunakan bateri. Pada umumnya, ICAO di bawah arahan teknikal dan juga IATA di bawah *Safe Transport of Dangerous Good Regulation* menganggap atau mengkategorikan pelbagai jenis bateri sebagai barang-barang berbahaya ataupun, dengan izin, *dangerous goods*.

Walaupun demikian, pengecualian diberikan kepada bateri yang dibawa oleh penumpang untuk kegunaan mereka sendiri tertakluk kepada dua syarat. Pertama, ia menepati *accepted quantity*, kuantiti yang dibenarkan, bukan bertan-tan.

Kedua, bateri yang dibawa itu dibungkus dengan cara yang selamat untuk mengelakkan kerosakan-kerosakan atau litar pintas.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang jadi masalah ialah bukan semua syarikat penerbangan tahu atau teliti mengenai pengecualian yang diberikan oleh ICAO dan IATA. Jadi, mereka tidak membenarkan langsung apa-apa bateri dibawa oleh penumpang-penumpang kategori yang saya sebutkan tadi. Jadi saya harap dengan rang undang-undang ini, perhatian akan diberi kepada *regulation* dan arahan teknikal secara terperinci supaya penumpang-penumpang ini tidak menghadapi masalah untuk membawa alat-alat tersebut itu.

Itu sahaja yang saya ingin utarakan, dan dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia 2016.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Akhir sekali nombor 18, Yang Berhormat Senator Shahanim binti Mohamad Yusoff.

4.17 ptg.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: *Bismillaahi Rahmaani Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih dan tahniah saya ucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan yang membentangkan rang undang-undang baru mengenai Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya membahaskan rang undang-undang ini, saya hendak cerita sedikit luahan kecewa saya. Sebab kita sebagai rakyat Malaysia, kita sayang akan negara kita. Pada hari Ahad lepas, minggu lepas, saya pulang dengan rombongan CPA. Sampai saja di KLIA- apa yang menjadi kesedihan saya ialah bila kita sampai, eskalator tidak

berjalan, lif dah tidak ada dan saya lihat ramai warga emas yang terberhenti sebab hendak jalan turun eskalator itu tidak mampu.

Jadi apa yang Yang Berhormat Bagiam sebut tadi, kalaulah ada OKU, orang-orang OKU dalam penerbangan London ke Kuala Lumpur pada malam itu, saya pun tidak tahulah macam mana. Saya pun terberhenti dan saya pun terdetik dalam hati, *first impression*, pelancong sampai ke negara kita sudah tengok servis kita sudah tidak berapa baguslah daripada kaca mata pelancong.

Tuan Yang di-Pertua, harapan saya semoga dengan lulusnya rang undang-undang ini, tata kelola dan penguatkuasaan yang lebih komprehensif berhubung dengan semua aktiviti penerbangan awam akan lebih cekap dan akan memulihkan persepsi serta kebolehpercayaan awam kepada profesionalisme pihak berkuasa pengangkutan udara menjalankan peranan dengan lebih integriti dan berautonomi.

Selaras dengan komitmen Malaysia dalam Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa di Konvensyen Chicago dan sejarah hitam tragedi kehilangan MH370, kemalangan MH17 ditembak penganas dan pesawat Air Asia Q78501 yang jatuh terhempas, saya percaya kerangka perundangan baru ini akan memberi dimensi baru dalam memantapkan Jabatan Penerbangan Awam untuk dijenamakan semula sebagai pihak berkuasa baru yang lebih berautonomi dalam menentukan serta mengawal selia keselamatan industri penerbangan awam.

Tuan Yang di-Pertua, dalam rang undang-undang ini, saya ingin menyentuh keanggotaan Pihak Berkuasa yang dilantik dalam fasal 5(1)(d) di mana kuota pelantikan seramai maksimum enam orang akan menentukan hala tuju dan keberkesanan fungsi Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia.

■1620

Justeru, melalui pengalaman Malaysia dalam tragedi MH370 dan MH17, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan mengapakah seorang wakil sahaja dari Jabatan Peguam Negara diletakkan sebagai seorang wakil keanggotaan yang eksklusif, tersedia di bawah peruntukan fasal 5 rang undang-undang ini. Melalui pemerhatian saya dalam tragedi MH370 dan MH17, penglibatan Jabatan Peguam Negara amatlah penting kerana kes-kes yang melibatkan kemalangan udara akan melibatkan perundangan antarabangsa serta prosiding perundangan yang amat kompleks terutamanya dalam menangani isu berkaitan pampasan dan pendakwaan secara kerjasama pelbagai negara di mahkamah-mahkamah dalam negara atau di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam rang undang-undang ini, fasal 16 menyentuh mengenai fungsi pihak berkuasa dan menentukan keselamatan penerbangan awam dan kawal selia perkara-perkara yang berkaitan dengan kuat kuasa kawal selia *aerodrome*, perkhidmatan pengemudi udara dan perkara-perkara berkaitan dengan keselamatan ruang udara terbang pesawat atau *aircraft*.

Soalan saya, adakah pada masa kini terdapat satu peruntukan peraturan-peraturan perundangan bagi mengawal beberapa aktiviti seperti penggunaan *drone* atau lebih dikenali sebagai *unmanned air vehicle*, penggunaan belon udara, aktiviti *paragliding* dan penggunaan alatan atau *equipment* yang boleh mengganggu operasi keselamatan pesawat atau mengganggu keselamatan *aerodrome* di sesuatu kawasan atau lapangan terbang.

Saya tanya ini sebab Tuan Yang di-Pertua, kerana pada 21 Mac 2013, seorang kanak-kanak perempuan maut terkena kipas helikopter kawalan jauh di Seremban, Negeri Sembilan. Pada masa itu saya *refer* balik *Sinar Harian*, “*Nurdamia Husnina Bane Yamin meninggal di Hospital Tunku Ja’afar dalam kejadian kira-kira 10.00 malam...*”. Apa yang sedihnya, pada masa itu majlis itu dirasmikan oleh Menteri Besar Negeri Sembilan, Yang Amat Berhormat Dato’ Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan. Jadi, kejadian itu memang amat menyedihkan. Jadi saya berharaplah melalui penubuhan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam ini, semua aktiviti melibatkan pesawat atau perkara-perkara berkaitan objek yang diterbangkan, yang boleh menjejaskan keselamatan awam dikuatkuasakan secara berkesan dengan segera sesuai dengan fungsi yang diperuntukkan dalam fasal 16.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Bahagian V rang undang-undang ini, satu Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia akan dibentuk. Tragedi MH17 dan MH370 telah menyebabkan banyak peruntukan kerajaan digunakan untuk tujuan operasi mencari, operasi menyelamatkan serta urusan siasatan, penyelesaian prosiding perundangan dan pelbagai aktiviti apabila sesuatu terjadi atau kemalangan udara terjadi.

Jadi saya mohon kementerian sehingga tahun 2016, sehingga pada hari ini, berapakah jumlah peruntukan yang telah dikeluarkan oleh kerajaan dalam membiayai aktiviti pencarian MH370 dan urusan siasatan dan pendakwaan MH17? Saya juga ingin mendapatkan penjelasan, adakah dalam kerangka perundangan ini, tidak dapat diwujudkan caruman wajib oleh pengendali pesawat untuk menampung kos operasi mencari dan menyelamatkan agar beban kewangan kerajaan ini tidak ditanggung oleh Kerajaan Malaysia?

Akhir kata, saya memohon, saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Tahniah sekali lagi saya hendak ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri, pegawai kanan, kakitangan DCA serta Kementerian Pengangkutan atas komitmen dan

tugas cemerlang anda semua dalam menggubal rang undang-undang ini dan mengurus tragedi MH17 dan MH370. Mudah-mudahan dengan lulusnya rang undang-undang ini, prestasi dan komitmen cemerlang ini akan diteruskan untuk memastikan industri penerbangan negara terus unggul. Sekian, saya mohon menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff.

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, sebelum Tuan Yang di-Pertua- saya tahu Speaker, ini adalah yang terakhir. Saya ingin mengambil kesempatan ini minta Tuan Yang di-Pertua, untuk hendak mengucapkan tahniah dan menjadi sejarah di Malaysia iaitu Panglima Tentera Udara Diraja Malaysia yang baru, orang Sarawak Tuan Yang di-Pertua, Yang Berbahagia Jeneral Dato' Sri Affendi Buang yang baru dilantik pagi tadi dan kita Dewan yang mulia ini mengucapkan tahniah atas pelantikan Panglima Tentera Udara yang baru.

Juga kepada ibu yang akan memimpin, Yang di-Pertua BAKAT nanti ialah Yang Amat Mulia Tengku Puteri Seri Teja Pahang, Tengku Dato' Muhaini binti Sultan Haji Ahmad Shah. Saya yakin bahawa Yang Amat Mulia Tengku mempunyai dedikasi yang cukup tinggi kepada Angkatan Tentera Udara Diraja Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Sama-sama kita mengucapkan tahniah ya. Terima kasih. Saya hendak pergi kepada perbahasan dan minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab. Dipersilakan.

4.26 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]: *Bismillaahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada 18 Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia 2016. Saya menyentuh mengenai apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Harun mengenai jaminan berhubung laporan audit dan tatacara kewangan.

Untuk makluman Yang Berhormat, fasal 35 memperuntukkan laporan aktiviti, laporan juruaudit dan penyata akaun akan dibentangkan di hadapan Parlimen. Oleh yang demikian, perkara-perkara berkaitan aktiviti kewangan CAAM ataupun, dengan izin, *Civil Aviation Authority of Malaysia* bukan hanya dipantau oleh Kementerian Pengangkutan tetapi juga akan diteliti oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Parlimen ini.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad membangkitkan mengenai pelan luar jangka mengenai menara kawalan, begitu juga apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, tiap-tiap menara kawalan mempunyai pelan kontingensi untuk menangani situasi luar jangka bagi memastikan kesinambungan servis ataupun perkhidmatan kawalan trafik udara di lapangan-lapangan terbang. Sementara itu, Pusat Kawalan Trafik Udara pula yang juga menyediakan pelan kontingensi yang mengambil kira koordinasi dengan pihak tentera dan negara-negara jiran seperti yang disarankan oleh pihak ICAO.

Seterusnya berkaitan ini juga apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor mengenai pengurusan udara, kawalan pesawat *civil* dan *military*. Pada masa ini, pengurusan *civil* dan *military* akan dilakukan bersama yang dikenali sebagai *Civil-Military Coordination* yang akan ditempatkan di bilik operasi yang sama.

Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad juga membangkitkan mengenai perkara *project Advance Passenger Screening System (APSS)*.

Untuk makluman Yang Berhormat, projek APSS adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Dalam Negeri dan projek ini masih dalam peringkat perbincangan. Dalam hubungan ini, MoT atau Kementerian Pengangkutan, dan pihak berkuasa lapangan terbang akan memberi kerjasama sepenuhnya bagi mewujudkan satu sistem bersepadu dalam mengesan identiti pegganas di lapangan terbang di negara kita.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin yang membangkitkan mengenai *restructuring* ataupun penstrukturan MAB, adakah boleh baik pulih. Untuk makluman, program baik pulih MAB ini sedang dilaksanakan iaitu Malaysia Airlines Berhad. Sembilan buah laluan baru ke China akan dilancarkan dan setakat ini *load factor* ataupun kadar penumpang sehingga kuota yang ketiga 2016, telah naik kepada 79 peratus daripada 69 peratus pada tahun lepas.

■1630

Dijangka MAB atau Malaysia Airlines Berhad ini akan pulih dan boleh disenaraikan di Bursa Saham Malaysia pada tahun 2019. Seterusnya Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman juga membangkitkan apakah pihak berkuasa- tentang memberikan lesen, mempunyai hak memberikan lesen kepada syarikat penerbangan. Pengeluaran lesen bagi syarikat penerbangan adalah di bawah pengawalseliaan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia iaitu MAVCOM iaitu melalui pengeluaran lesen perkhidmatan udara. Pihak Berkuasa Penerbangan

Awam Malaysia (CAAM) mempunyai kuasa dalam pengeluaran *Air Operators Certificates* ataupun AOC iaitu perakuan pengendali udara sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Peraturan Penerbangan Awam 2016.

Seterusnya mengenai fungsi CAAM, ini juga telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman dan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Suhaimi mengenai fungsi CAAM iaitu mengawal selia dalam perihal teknikal untuk menentukan keselamatan dan sekuriti penerbangan awam.

Lesen ekonomi seperti *Air Service Permit* dikeluarkan oleh pihak MAVCOM ataupun Suruhanjaya Penerbangan Awam. Seterusnya, mengenai pengeluaran lesen lagi, mengenai caj berhubung caj penumpang yang telah dibayar kepada syarikat Rayani. Caj tersebut adalah dirujuk kepada pihak MAVCOM iaitu Suruhanjaya Penerbangan Malaysia. Tiket penerbangan ini merupakan aspek ekonomi yang pihak MAVCOM menguruskan.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman juga membangkitkan apakah jaminan bahawa Menteri hanya melantik anggota yang tidak mempunyai *conflict of interest*. Dalam fasal 5(3) mengatakan bahawa Menteri hendaklah dalam melantik anggota mengambil kira perkara di bawah fasal 5(3)(a) dan (b).

Selain itu berdasarkan fasal 5(4) tiada seorang boleh menjadi anggota jika dia memegang atau pekerjaan dalam penerbangan. Ini sekali gus menjawab isu *conflict of interest*.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman juga menanyakan tentang jumlah hutang AirAsia kepada MAHB.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini MAHB sebuah syarikat awam yang tersenarai di papan utama Bursa Saham Malaysia Sekuriti Berhad. Dalam hubungan ini, MAHB bertanggungjawab melaksanakan urus tadbir yang efisien bagi memastikan para pemegang sahamnya terpelihara. Dalam melaksanakan urus tadbir tersebut MAHB tidak boleh mendedahkan maklumat-maklumat berhubung hutang syarikat daripada pihak lain, yang boleh memberi maklumat mengenai syarikat yang lain.

Seterusnya, mengenai CAAM yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi bin Haji Suhaili sama ada dengan perubahan CAAM ini caj akan dikenakan.

Memang dalam fasal 17(1)(h) mengatakan bahawa CAAM mempunyai kuasa untuk mengenakan fi atau apa-apa caj mengenakan fi kos atau apa-apa caj lain berhubung dengan mana-mana aktiviti atau perkhidmatan yang diberikan oleh pihak CAAM.

Seterusnya, konflik antara AirAsia dan MAHB yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini kerajaan senantiasa prihatin ke atas konflik ini dan menasihatkan pihak AirAsia dan MAHB duduk semeja untuk membincangkan segala ketidakpuasan hati kedua-dua pihak MAVCOM yang telah ditubuhkan akan bertindak sebagai *arbitrator* ke atas konflik-konflik sedemikian.

Seterusnya mengenai *Rayani Air* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr. Zaiedi dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Hanafi mengenai Rayani Air. Lesen kedua-dua ini telah dibatalkan iaitu *Air Service Permit* yang dikeluarkan oleh MAVCOM dan *Air Operators Certificates* (AOC) yang dikeluarkan oleh DCA telah dibatalkan mengikut peruntukan-peruntukan.

Seterusnya mengenai isu pesawat Malaysia dipintas oleh tentera Indonesia apabila menghampiri kawasan Natuna yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr. Zaiedi.

Perkara ini bukan di bawah berada di bawah bidang kuasa CAAM tetapi ia berkaitan dengan Kementerian Pertahanan.

Yang Berhormat Dr. Zaiedi juga membangkitkan mengenai perkhidmatan *rural air service*. Kerajaan adalah komited untuk meneruskan perkhidmatan *rural air service* ataupun RAS kerana ia merupakan satu kemudahan udara untuk menghubungkan penduduk-penduduk Sabah Sarawak yang berada di kawasan-kawasan pedalaman.

Seterusnya mengenai yang dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat Dr. Zaiedi kadar caj pendapatan CAAM daripada *fi charges* terutamanya mengenai *Air Navigation Facility Charges* ataupun ANFC.

Untuk makluman Dewan yang mulia, kadar ANFC negara Malaysia ini adalah antara yang terendah di dunia dan tidak pernah dinaikkan semenjak tahun 1970-an sehinggalah ke April 2016 dinaikkan sekali ganda tetapi masih lagi rendah di rantau ini.

Perkara ini juga, saya ingin menyentuh dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin yang melahirkan kebimbangan mengenai caj yang tinggi.

Memang pada rancangan awal kenaikan itu agak tinggi tetapi setelah pihak kerajaan berunding dengan pihak industri dan telah mendapat satu persefahaman dan diselaraskan dengan munasabah yang telah diterima baik oleh kedua-dua pihak. Oleh itu hari ini buat masa ini harga tiket masih...

Dato' Sri Khairudin Samad: Yang Berhormat minta laluan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menambah sedikit. Yang Berhormat Menteri, kebimbangan saya ini ialah apabila satu hari nanti dikenakan caj dan caj ini akan kena kepada rakyat dan akhirnya rakyat tidak mampu untuk menaiki kapal terbang walaupun apa-apa slogan seperti, "*Now Everyone Can*

Fly” dengan izin, dan sebagainya. Jadi tidak guna benda-benda ini sebab saya masih ingat lagi sewaktu kita hendak bina KLIA dulu, pada ketika itu saya masih ingat lagi saya bertanya kepada pengurus besar Malaysia Airport, berapakah caj yang akan dikenakan kepada kapal terbang dan mereka yang hendak menyewa kedai-kedai di dalam KLIA itu.

[*Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat***]

■1640

Jawab pengurus besar ketika itu, dengan izin, “*You don’t have to worry, definitely it’s not going to be more than Kansai or Kai Tak.*” Takkan perbezaan kita ini dengan Kansai yang dibuat di dalam laut? Kita buat di ladang kelapa sawit. Lepas itu hendak samakan dengan Kansai atau Kai Tak. Yang ini kadang-kadang bercakap lain, buat lain. Saya minta kerajaan pastikan tidak akan naik sewenang-wenang ataupun tidak menaikkan caj dengan begitu tinggi kerana akhirnya yang akan menerima bebanan ini rakyat. Itu sahaja permintaan saya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

4.51 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini memang dalam perhatian kerajaan. Memang kita apabila CAAM ini ditubuhkan, ia akan menjadi badan berkanun yang tidak lagi bergantung pada kerajaan dan sebab itu kerajaan memberi autonomi ya.

Walau bagaimanapun, autonomi yang ada pada pihak badan CAAM ini, kerajaan akan menjadi orang tengah untuk memastikan apa juga caj-caj baharu perlu dibuat *engagement* dahulu dengan pihak industri agar pihak industri pun dapat terima dengan baik caj-caj laluan udara ini. Seterusnya, ia dapat memberi manfaat juga kepada penumpang-penumpang dan juga pelancong-pelancong. Jadi, sehingga hari ini pihak kerajaan tidak pernah mengetepikan kepentingan-kepentingan pihak-pihak dalam industri penerbangan ini. Jadi, kepada Yang Berhormat Senator Dato’ Sri Khairudin Samad, saya memberi jaminan kepada Yang Berhormat Senator Dato’ Sri Khairudin Samad bahawa kerajaan akan mengambil berat pandangan Yang Berhormat Senator.

Seterusnya, mengenai *Kota Kinabalu Flight Information Region* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi bin Haji Suhaili. Berdasarkan Fasal 16(3)(d), *Kota Kinabalu Flight Information Region* ini ruang udara yang perkhidmatan pengendalian udara dikendalikan oleh CAAM menurut tatacara tambahan wilayah Pertubuhan Penerbangan Awam

Antarabangsa. Ia adalah kawalan yang telah ditetapkan oleh pihak ICAO bagi Malaysia menyediakan *Air Navigation Services*. Walaupun namanya *Kota Kinabalu Flight Information Region* tetapi ia meliputi sampai ke Kuching. Nama sahaja Kota Kinabalu tetapi ia *cover* sampai Kuching, Sarawak.

Seterusnya, mengenai berhubung perkara *UAV drone* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Hanafi bin Haji Mamat. Perundangan berhubung *drone* ini ataupun UAV ada diperuntukkan dalam Peraturan-peraturan Penerbangan Awam 2016 yang telah berkuat kuasa pada 15 April 2016.

Jadi maknanya, *drone* ini memang dalam kawalan. Walau bagaimanapun, pihak kementerian telah menubuhkan satu Jawatankuasa yang mana saya mempengerusikan, untuk melihat lebih mendalam bagi memperkemaskan perkara-perkara dengan penggunaan *drone* ini.

Oleh sebab *drone* ini semakin lama semakin canggih. Hari ini di luar negara, ada restoran pun menghantar pizzanya melalui *drone*. Jadi, kemungkinan tidak lama lagi pun di Malaysia penghantaran makanan melalui *drone*. Jadi, ini merupakan teknologi-teknologi yang harus kita kawal seperti kata Yang Berhormat Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff tadi menyebut, ia juga boleh membahayakan kepada orang ramai sekiranya *drone* ini tidak dikawal dengan baik.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Hanafi juga membangkitkan rasional fasal 5(4), perenggan 'A' dan perenggan 'H' yang tidak membenarkan orang-orang yang memegang jawatan dalam industri dilantik sebagai anggota CAAM.

Untuk makluman Dewan yang mulia, bagi mengelakkan *conflict of interest* sekiranya seseorang yang memegang jawatan atau pekerjaan dengan penerbangan dilantik. Ini kerana CAAM akan mengawal selia perkara-perkara yang berkaitan teknikal, termasuk *safety* dan *security*. Sekiranya terdapat orang industri sebagai anggota CAAM, ia akan dapat mengkompromikan kelulusan dan juga integriti CAAM ini.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook yang membangkitkan pengambilan pakar-pakar di CAAM, mengenai *qualified technical personnel*. Dengan adanya CAAM ini, segala pengambilan, saraan akan ditentukan oleh CAAM, maka ia sekali gus dapat menarik serta mengekalkan *qualified technical personnel* ini.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah juga ada membangkitkan mengenai pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif ataupun CEO.

Untuk makluman, fasal 21(1) pelantikan CEO Menteri dengan syor CAAM. Fasal 21(1) kriteria mempunyai kemahiran atau kepakaran dalam perkara penerbangan awam. Setakat ini, pihak kementerian belum membuat apa-apa keputusan berkaitan perkara ini. Akan tetapi

percayalah, pelantikan CEO ini nanti tokoh yang layak dan yang mempunyai kepakaran dalam sektor ini.

Seterusnya, mengenai pemeriksaan keselamatan *security* di lapangan terbang negara yang dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi.

Untuk makluman Dewan yang mulia, pemeriksaan keselamatan dibuat selaras dengan standard yang diperuntukkan dalam *Annex 17*, Konvensyen Chicago. Jadi, setakat ini pihak lapangan terbang mengikut ketetapan standard yang ditetapkan oleh *Annex 17*, Konvensyen Chicago.

Seterusnya, mengenai opsyen pekerja-pekerja DCA, berhubung sistem saraan juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi. Pihak kementerian dan DCA sedang memperhalus dan memperincikan perkara-perkara berhubung dengan opsyen pekerja berhubung sistem saraan dengan pihak JPA. Perkara ini akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan dan kelulusan selanjutnya.

Juga perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi mengenai sama ada CAAM akan diberikan dana pelancaran ataupun *launching grant* selepas penubuhannya.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, tertakluk kepada persetujuan daripada Jemaah Menteri, kerajaan akan memperuntukkan dana pelancaran yang amaunnya belum dapat ditentukan lagi untuk membiayai kos operasi dan kos-kos berkaitan dengan CAAM.

■1650

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi juga membangkitkan tentang latihan pegawai-pegawai CAAM dengan adanya CAAM maka peluang-peluang latihan teknikal kepada pakar-pakar ini akan diutamakan dan akan terus dipertingkatkan.

Seterusnya perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar sama ada tugas *search and rescue* masih lagi dikekalkan apabila CAAM ditubuhkan.

Untuk makluman fungsi sedia ada DCA berhubung *search and rescue* masih lagi dikekalkan dan diberikan kepada CAAM.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa membangkitkan mengenai kemudahan kepada Ahli Dewan Negara mengenai tambang kapal terbang.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini hanya AirAsia menawarkan diskaun 50 peratus bagi tambang penerbangannya kepada semua Ahli-ahli Parlimen termasuk Ahli Dewan Negara. Bagi mendapatkan tawaran ini Ahli-ahli Dewan Negara perlu menghubungi pihak AirAsia melalui talian 03-87754680 ataupun emel kepada pihak AirAsia. MAS pernah

memberikan tawaran diskaun 25 peratus harga tambang kepada semua Ahli Parlimen termasuk Dewan Negara suatu ketika dahulu.

Walau bagaimanapun, pihak MAS tidak lagi memberikan diskaun memandangkan hanya tiket yang ditawarkan kini adalah lebih kompetitif. Pihak Malindo juga tidak menawarkan sebarang diskaun.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan yang membangkitkan perkara pemberhentian 6,000 orang pekerja MAS.

Perkara ini sebenarnya di bawah bidang MoF kerana pihak MAB syarikat di bawah Khazanah yang di bawah penyeliaan MoF. Mengenai apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai beg yang terbuka, pihak MAHB mengambil berat perkara ini dan kita minta agar pihak Yang Berhormat dapat memberi maklumat yang terperinci kepada saya waktu dan penerbangannya untuk pihak MAB membuat siasatan. Kita pun tidak mahu perkara ini berlaku di lapangan terbang dalam negara kita.

Seterusnya mengenai apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan yang membangkitkan persoalan berhubung dengan penggunaan pendaftaran peralatan kesihatan iaitu yang menggunakan bateri.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini pembawaan bateri ataupun *dangerous good* perlu mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak ICAO melalui *Annex 18*. Syarikat penerbangan seharusnya tahu peraturan-peraturan berhubung pembawaan barang-barang bahaya ini.

DCA telah memperkenalkan *National Transportation Dangerous Good Programme* bagi memperkemaskan lagi dan memantapkan lagi peraturan *dangerous good* yang sedia ada.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin Samad yang membangkitkan mengenai standard yang diguna pakai bagi kawal selia lapangan terbang atau lain-lain kawasan pendaratan dan pelepasan.

Standard yang diguna pakai untuk KLIA dan juga mana-mana lapangan terbang ataupun kawasan pendaratan dan pelepasan ini mengikut standard-standard ICAO yang telah ditetapkan dalam *Annex 14, Volume 1*, dan *Volume 2*. Masalah di KLIA pemendapan dan pembetulan kepada masalah ini adalah dilaksanakan secara berterusan oleh pihak Malaysia Airport dan dipantau oleh pihak DCA. Buat masa ini masalah pemendapan ini telah berkurangan.

Seterusnya Yang Berhormat Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff membangkitkan keanggotaan CAAM fasal 5. Cadangan supaya seorang wakil Jabatan Peguam Negara

dilantik sebagai anggota CAAM. Setakat ini wakil Jabatan Peguam Negara tidak dicadangkan sebagai anggota CAAM. Cadangan ini walau bagaimanapun akan dipertimbangkan sekiranya timbul keperluan sewajarnya.

Seterusnya mengenai yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali.

Untuk makluman, Syarikat Eagle Express tidak memenuhi syarat *financial* dan *commercial* yang ditetapkan oleh pihak MAFCOM. Jadi pemberian *air service permit* kepada syarikat tersebut pada 30 Ogos 2016 selama 1 tahun adalah tertakluk kepada syarat-syarat berkenaan.

Seterusnya Yang Berhormat Puan Shahanim juga membangkitkan tentang eskalator. Pihak MAHB akan diminta mengemukakan laporan berhubung aduan ini dan pihak MAHB perlu pastikan infrastruktur diselenggara dengan baik. Seterusnya mengenai peruntukan yang telah dibelanjakan untuk pencarian pesawat MH370. Sehingga kini sebanyak AUD95 juta telah dibelanjakan untuk operasi pencarian pesawat MH370 dengan pecahan berikut. Malaysia telah menyumbang sebanyak AUD15 juta, pihak negara Australia menyumbang sebanyak AUD60 juta, dan kerajaan China menyumbang sebanyak AUD20 juta.

Saya rasa setakat itu Tuan Yang di-Pertua dan saya bagi pihak kementerian mengucapkan terima kasih atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat..

Dato' Fahariyah binti Md Nordin: Tuan Yang di-Pertua..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada Yang Berhormat yang hendak mencelah.

Dato' Fahariyah binti Md Nordin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak pasti sama ada saya terlepas pandang ataupun saya tidak dengar tetapi saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menjawab lagi persoalan saya berkenaan dengan peranan pihak berkuasa untuk meletakkan klausa tentang pemeliharaan alam sekitar sebagaimana telah dilakukan di *France*, di Korea dan persoalan pertama. Keduanya berkenaan *School of Aviation Academy* sama ada adakah cadangan untuk mempertingkatkan untuk menjadikannya sebagai sebuah universiti nasional sebagaimana dilaksanakan di dalam industri pertahanan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Yang Berhormat Senator Dato' Fahariyah membangkitkan mengenai *Malaysian Aviation Academy*.

Untuk makluman, *Malaysian Aviation Academy* kita telah pertingkatkan malah kita telah diberi pengiktirafan oleh pihak ICAO iaitu *International Civil Aviation Organization* sebagai institusi yang diiktiraf dan pihak MAVA singkatannya telah dapat melatih ramai pakar *aviation* daripada negara-negara di dunia ini yang telah dilatih di peringkat MAVA. Peringkat MAVA, pihak MAVA juga sedang dalam proses untuk kolej universiti dalam sedikit waktu akan datang dan mengenai...

■1700

Tuan Yang di-Pertua: Alam sekitar.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Alam sekitar ya. Mengenai alam sekitar, pihak ICAO telah mengeluarkan satu kaedah iaitu *Carbon Offsetting and Reduction Scheme for International Aviation* atau singkatan dia CORSIA dikawal sebagai *global market base measures*. CAM ini akan menentukan semua syarikat penerbangan memenuhi peraturan CORSIA ini dan juga peraturan *global market base measures* ini. Jadi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang sangat prihatin dengan Kementerian Pengangkutan dan pihak Kementerian Pengangkutan komited untuk membangunkan, meningkatkan sistem pengangkutan udara, darat dan laut dengan lebih baik dan lebih cekap. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua sekarang]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[**Fasal-fasal 1 hingga 45** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[**Jadual** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan] dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PENERBANGAN AWAM
(PINDAAN) 2016****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****5.06 ptg.**

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi [Timbalan Menteri Pengangkutan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Penerbangan Awam 1969 untuk dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia 2016 telah dibentangkan dan diluluskan di hadapan Dewan Negara sebentar tadi untuk menubuhkan dan memperbadankan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia untuk mengadakan peruntukan bagi fungsinya dan kuasanya dan bagi perkara yang berkaitan dengannya.

Rang Undang-undang Penerbangan Awam (Pindaan) 2016 yang dicadangkan ini antaranya merupakan pindaan berbangkit, dengan izin, *consequential amendments* kepada Akta Penerbangan Awam 1969 [Akta 3] lanjutan daripada penubuhan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia. Penubuhan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia susulan daripada penstrukturan semula Jabatan Penerbangan Awam daripada sebuah jabatan di bawah Kerajaan Persekutuan kepada sebuah badan berkanun dengan nama Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia. Selepas ini dirujuk sebagai Pihak Berkuasa.

Berikutan dengan penubuhan Pihak Berkuasa, semua fungsi dan tugas Ketua Pengarah Penerbangan Awam Malaysia di bawah Akta 3 kini diberikan kepada Pihak Berkuasa. Selain daripada itu, Akta 3 juga dipinda dengan menaikkan penalti bagi kesalahan yang tertentu di bawah Akta 3 untuk memperkukuh peruntukan Akta 3 dengan memasukkan kuasa untuk menjalankan pengawasan pengawal seliaan perihal selamat, dengan izin, *safety regulatory oversight* dan kuasa untuk mengeluarkan arahan perihal selamat, dengan izin, *safety directive*. Rang undang-undang yang dicadangkan juga perlu dikuatkuasakan dan diwartakan bersekali dengan Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia 2016 bagi memastikan kelancaran pelaksanaan semua undang-undang yang berkaitan dengan penerbangan awam.

Tuan Yang di-Pertua, Rang undang-undang ini mengandungi beberapa pindaan berbangkit dan seksyen baharu yang dirangkumkan di bawah 29 fasal peruntukan-peruntukan dalam rang undang-undang ini adalah seperti berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta 3 ini akan mula berkuat kuasa pada suatu-suatu tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri Pengangkutan.

Fasal 2 merupakan pindaan am dengan menggantikan perkataan “Ketua Pengarah” kepada “Ketua Pegawai Eksekutif” dan menggantikan perkataan “Jabatan Penerbangan Awam” kepada “Lembaga” di mana-mana juga terdapat berbangkit daripada penubuhan Pihak Berkuasa.

Fasal 3 mengenai pindaan kepada seksyen 2 Akta 3 iaitu untuk memotong takrif “Ketua Pengarah” dan memasukkan takrif baru “Ketua Pegawai Eksekutif” dan “Pihak Berkuasa”.

Fasal 4 mengandungi pindaan kepada tajuk Bahagian IA akta berikutan pemotongan seksyen 2A, seksyen 2B dan seksyen 2D.

■1710

Fasal 5 bertujuan untuk memotong seksyen 2A, dan seksyen 2B, Akta 3 memandangkan tugas dan fungsi Ketua Pengarah Penerbangan Awam Malaysia kini diberikan kepada Pihak Berkuasa. Fungsi dan kuasa Pihak Berkuasa kini diperuntukkan di bawah Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia 2016.

Fasal 6 mengandungi pindaan kepada seksyen 2C, Akta 3 berbangkit daripada penggantian perkataan “Ketua Pengarah” dengan perkataan “Pihak Berkuasa” dalam seksyen itu.

Fasal 7 bertujuan untuk memotong seksyen 2D, Akta 3 memandangkan peruntukan berhubung kad kuasa kini diperuntukkan di bawah seksyen 24LA.

Fasal 8 mengandungi pindaan kepada seksyen 3, Akta 3 untuk memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan yang berhubung dengan keselamatan penerbangan awam, penyiasatan kemalangan, insiden atau insiden serius kapal udara, pengecualian yang boleh dibuat dan apa-apa perkara lain yang suai manfaat atau perlu bagi menguatkuasakan peruntukan Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia 2016, dan Akta 3.

Fasal 8 juga dipinda untuk menggantikan subseksyen 3(2A), Akta 3 dengan menaikkan penalti bagi ketidakpatuhan kepada peruntukan dalam peraturan-peraturan yang dibuat oleh Menteri.

Fasal 9 dan 10 mengandungi pindaan kepada seksyen 4, dan seksyen 6, Akta 3 masing-masingnya dengan menaikkan penalti.

Fasal 11 bertujuan untuk memotong Bahagian IIIA, Akta 3 berikutan penubuhan Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia di bawah Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia 2016.

Fasal 12 dan 13 mengandungi pindaan kepada seksyen 7, dan seksyen 16, Akta 3 masing-masingnya dengan menaikkan penalti.

Fasal 14 dan 15 mengandungi pindaan kepada seksyen 24A, dan seksyen 24E, Akta 3 masing-masingnya dengan memotong perkataan “di bawah perenggan 2B(a)” berikutan pemotongan seksyen 2B Akta 3.

Fasal 16 mengandungi pindaan kepada seksyen 24H, Akta 3 untuk memberi kuasa kepada Ketua Pegawai Eksekutif atau pegawai diberi kuasa untuk menjalankan kuasa inspektorat berikutan dengan penubuhan Pihak Berkuasa.

Fasal 17 mengandungi pindaan kepada seksyen 24J, Akta 3 dengan menggantikan perkataan “dia hendaklah mengemukakan” kepada “Pihak Berkuasa hendaklah mengemukakan” berbangkit daripada penggantian perkataan “Ketua Pengarah” dengan perkataan “Pihak Berkuasa”.

Fasal 18 mengandungi pindaan kepada seksyen 24K, Akta 3 untuk menjelaskan tindakan yang boleh diambil jika berlaku darurat untuk memperuntukkan bagi perkara jika tindakan itu diambil.

Fasal 19 bertujuan untuk menggantikan keseluruhan seksyen 24LA, Akta 3 untuk memberi kuasa ke Lembaga untuk menyiarkan nama pekerjaanya yang dilantik untuk melaksanakan fungsinya di bawah perenggan 16(1)(a), (b), (c), (d) dan (e) Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia 2016. Pekerja itu boleh diberi kuasa oleh Pihak Berkuasa untuk menjalankan kuasa penguatkuasaan dan penyiasatan di bawah Akta 3.

Fasal 20 mengandungi pindaan kepada seksyen 24LD, Akta 3 untuk meluaskan kuasa pegawai diberi kuasa, dengan izin, *authorized officer* untuk menjalankan kuasa pemeriksaan. Pegawai diberi kuasa mempunyai kuasa untuk mengakses, memeriksa dan menjalankan ujian ke atas mana-mana kapal udara, aerodrom, produk aeronautik, kemudahan penerbangan dan peralatan kecemasan.

Fasal 21 dan 22 mengandungi pindaan kepada seksyen 24LE, dan 24LG, Akta 3 untuk melanjutkan pemakaian kepada mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta 3.

Fasal 23 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 24LI, ke dalam Akta 3 untuk menjadikan suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang tidak memberikan akses kepada mana-mana kapal udara, aerodrom, produk aeronautik, peralatan keselamatan, kemudahan

penerbangan, tempat atau bangunan kepada mana-mana pegawai diberi kuasa, dengan izin, *authorized officer*, atau menyerang, menghalang, menggalang atau melambatkan mana-mana pegawai diberi kuasa semasa dia menjalankan kuasanya.

Fasal 24 mengandungi pindaan kepada seksyen 24M, Akta 3 untuk menjelaskan lagi siapakah pengarah, dengan izin, *director*, yang berhubungan dengan sesuatu pertubuhan perbadanan dan untuk mengadakan peruntukan bahawa jika sesuatu pertubuhan perbadanan, dengan izin, *body corporate*, disabitkan dengan kesalahan di bawah Akta 3 atau perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya, pertubuhan perbadanan itu hanya boleh dikenakan hukuman denda.

Fasal 25 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 24MA, ke dalam Akta 3 untuk peruntukan mana-mana pendakwaan bagi sesuatu kesalahan tidak boleh dimulakan oleh pihak berkuasa kecuali dengan keizinan bertulis daripada pendakwa raya.

Can I take some water?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh, boleh, Yang Berhormat.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Fasal 26 mengandungi pindaan kepada seksyen 24N, Akta 3 untuk memperuntukkan bahawa mana-mana wang kompaun yang dibayar akan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia, dengan izin, *Civil Aviation Authority of Malaysia Fund*, berikutan dengan penubuhan pihak berkuasa.

Fasal 27 mengandungi pindaan dengan menggantikan keseluruhan seksyen 24O, Akta 3 untuk memberi Ketua Pegawai Eksekutif kuasa untuk membuat notis, surat pekeliling, kehendak, surat arahan atau maklumat dan untuk menaikkan penalti bagi ketidakpatuhan kepada notis, surat pekeliling, kehendak, surat arahan dan maklumat tersebut.

Fasal 28 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 24P, dan 24Q, ke dalam Akta 3. Seksyen baru 24P bertujuan untuk memberi Ketua Pengarah Eksekutif kuasa untuk mengeluarkan arahan perihal selamat, dengan izin, *safety directive*, yang berhubungan dengan mana-mana aspek berkaitan dengan mana-mana aspek perihal selamat, dengan izin, *safety*, atau keselamatan, dengan izin, *security*, dalam penerbangan awam.

Seksyen baru 24Q bertujuan untuk memberi kuasa kepada Ketua Pegawai Eksekutif atau pegawai diberi kuasa untuk menjalankan pengawasan, pengawal seliaan perihal selamat, dengan izin, *safety regulatory oversight*, selaras dengan kehendak Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa, dengan izin, *International Civil Aviation Organization*.

■1720

Akhir sekali, fasal 29 adalah sebagai peruntukan peralihan yang bertujuan untuk memindahkan wang yang tersedia bagi kredit Kumpulan Wang Penerbangan Awam ke dalam

Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia apabila Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia 2016 mula berkuat kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada sesiapa menyokong?

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Penerbangan Awam 1969 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed. Silakan.

5.21 ptg.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkait dengan rang undang-undang ini, tidak banyak yang ingin saya bahaskan, cuma ada dua tiga perkara. Pertamanya adalah berkait dengan perkara yang saya telah sebut dalam sesi soalan tambahan soal jawab lisan tadi iaitu berkait dengan skim perlindungan insurans bagi syarikat-syarikat penerbangan. Persoalan yang ingin saya timbulkan, adakah syarikat-syarikat penerbangan mempunyai ataupun diwajibkan mempunyai skim perlindungan insurans bagi kemalangan yang berlaku ketika penerbangan?

Adakah kemalangan seperti MH370 dilindungi oleh skim insurans khususnya bagi membayar tuntutan-tuntutan oleh pihak keluarga mangsa nahas dan juga jika ada, apakah syarikat insurans tersebut? Jika tiada, adakah syarikat penerbangan disyaratkan untuk menyediakan peruntukan kewangan tahunan khas bagi tuntutan-tuntutan sebegini bagi melindungi para penumpang dalam kes sebarang kemalangan yang berlaku sama ada melibatkan kecederaan ataupun nyawa.

Kedua, berkait dengan tuntutan pampasan kewangan oleh pelanggan terhadap Rayani Air yang telah pun digantung lesen penerbangannya. Jadi sehingga kini, apa status tuntutan bayaran pampasan kewangan pelanggan *Rayani Air* yang telah membuat tuntutan terutamanya akibat pembatalan penerbangan yang telah ditempah.

Ketiga, walaupun hal yang ingin saya bangkitkan ini adalah berkait dengan MoF dan MAS, tetapi memandangkan hari ini kita membincangkan tentang isu syarikat-syarikat penerbangan, saya kira saya perlu membangkitkan hal terutamanya berkait dengan kod etika pemakaian menutup aurat bagi kakitangan pramugari MAS iaitu di mana perlunya ada satu

keperluan kod pakaian alternatif bagi pramugari MAS yang memilih untuk menutup aurat terutamanya bertudung.

Jadi saya kira, keperluan kod pakaian menutup aurat ini sangat perlu memandangkan kita hari ini sering menyebut tentang hak kebebasan beragama dan mengamalkan agama masing-masing. Saya kira kita juga perlu memandangkan ini juga merupakan satu aspek kebajikan dan kesejahteraan kakitangan di mana jika kita lihat hari ini, terdapat ramai pramugari MAS yang sebenarnya dalam kehidupan harian mereka, mereka sebenarnya bertudung tetapi apabila masuk waktu bekerja, mereka terpaksa mengubah identiti mereka kepada tidak bertudung.

Saya kira kod etika bertudung ini sebenarnya telah pun diamalkan, cuma perlu dipanjangkan pelaksanaannya. Ini kerana jika kita lihat di kalangan kakitangan MAS sendiri, pertama, kakitangan MAS yang bekerja di *ground*, mereka ada yang bertudung dan seperti seolah-olah mereka telah pun ada satu kod etika bertudung yang khas. Telah ada tudung berwarna khas untuk mereka. Kedua, jika kita lihat kepada pramugari penerbangan khas haji, mereka semuanya bertudung malahan yang bukan Islam pun bertudung. Saya kira itu sudah jadi suatu *misconception*, yang bertudung hanya orang Islam. Bertudung ini bukan uniform, bertudung ini sebenarnya suatu tuntutan agama. Di situ ada satu yang saya kira satu *misconception*. Situasi ketiga, kita boleh lihat pramugari-pramugari MAS yang bertudung dalam penerbangan-penerbangan khas MAS.

Jadi dari sudut pelaksanaan pemakaian kod etika bertudung bagi pramugari ini, saya kira ia tidaklah sesukar yang dijangka kerana ia telah pun menjadi amalan, cumanya ia perlu dipanjangkan kepada kakitangan pramugari MAS sahaja. Perbincangan berkaitan dengan etika pemakaian bertudung ini sebenarnya telah lama dibahaskan di dalam Dewan Negara ini dan saya telah *refer* kepada *Hansard* Dewan Negara di mana semenjak tahun 2005 lagi, perkara ini telah pun dibahaskan dan menerima pelbagai jenis jawapan sama ada daripada Menteri Kewangan sendiri dan juga Menteri-menteri yang lain.

Ada juga yang menambah dan menyampuk. Di kalangan kita sendiri saya ingat Yang Berhormat Datuk Yahaya pun pernah sebut, Yang Berhormat Datuk Abbas pernah sebut, saya sendiri pernah sebut. Sebelum itu Yang Berhormat Zailah, Yang Berhormat Mumtaz dan juga saya ingat beberapa orang Yang Berhormat Senator kita menyokong supaya kod etika yang lebih sopan, yang lebih sesuai boleh dibuat, boleh dilaksanakan bagi pramugari-pramugari di syarikat-syarikat penerbangan kita. Saya kira, setakat itu sahaja perbincangan saya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Shahanim.

5.27 ptg.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan keizinan kepada saya. Saya kira sayalah Yang Berhormat yang terakhir bagi sama-sama membahaskan rang undang-undang bagi meminda Akta Penerbangan Awam 2016.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang digubal dalam rang undang-undang ini merupakan komponen penting dalam memastikan Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia 2016 dapat menjalankan kuasa sebagai agensi penguat kuasa bagi memastikan tata kelola operasi dan perkhidmatan udara dipastikan teratur dan selamat. Pasca tragedi MH370 dan ancaman pengganas antarabangsa yang menembak jatuh MH17 memerlukan pindaan dibuat terhadap kerangka kerja perundangan penerbangan awam bagi memulihkan semula imej dan martabat institusi penerbangan awam di Malaysia.

Justeru, melalui pindaan yang dibuat ini dalam rang undang-undang ini akan menambah baik parameter keselamatan dan tata kelola operasi yang lebih cekap untuk memastikan keselamatan dan risiko kemalangan pengangkutan udara dapat dielakkan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan seksyen baru 24M(a)...

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tak boleh.

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin: Tak boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat. Boleh Yang Berhormat Shahanim? Dia hendak celah.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Ya, saya bagi.

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang kacak bergaya. Terima kasih Yang Berhormat Shahanim. Saya pasal memang hendak tunggu ayat perkataan keselamatan terjamin itu sahaja, saya hendak masuk. Saya cuma hendak menambah atau hendak minta pandangan Yang Berhormat, walaupun daripada segi keselamatan penerbangan ini penting Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak bertanya, hendak masukkan dalam ucapan Yang Berhormat, sejauh mana pengendalian kapal terbang kita dikendalikan, penyelenggaraannya dikendalikan dengan baik sebab ini juga termasuk dengan keselamatan yang disebut tadi iaitu mengelakkan kemalangan.

Ini kerana baru-baru ini saya ada terdengar waktu saya naik pesawat, kononnya pesawat *Malaysia Airlines* ini tidak diselenggarakan dengan baik kerana faktor kewangannya yang tidak stabil. Jadi, ada peralatan-peralatan yang sepatutnya diganti tidak diganti sebab

hendak menjimatkan kewangan. Ini juga terkait dengan soal keselamatan. Jadi mungkin Yang Berhormat Menteri boleh bagi pandangan sebab, dengan izin, *prevention is better than cure*. Jangan dah terjadi nanti baru kita- Macam baru-baru ini kita tengok diviralkan di media massa, pesawat *Lion Air* yang dua kali hendak *take off* tetapi enjinnya mati. Nasib baik mati atas *runaway*.

■1730

Kalau pesawat enjinnya mati waktu *airborne*? Jadi, ini yang kita khuatir sebab saya setuju dengan Yang Berhormat. Bukan hanya daripada segi perkara-perkara lain tetapi faktor penyelenggaraan pesawat ini pun mesti kita ambil kira sebab sudah banyak yang kita dengar soal pesawat kita. Jadi, mohon pandangan Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang dikasihi.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tidak payah jawab dia.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Saya tidak jawab dia, cuma saya hendak bagi...

Tuan Yang di-Pertua: Menteri akan jawab.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Saya hendak bagi sedikit petua kepada dia. Ini kerana bagi saya kalau dekat darat ini, Tuan Yang di-Pertua, *insya-Allah* ramai yang boleh tolong tetapi kalau dekat atas sana, petua yang saya hendak bagi dua sahajalah. Satu baca doa naik kenderaan. Naik kapal terbang... [*Membaca doa menaiki kenderaan*] Ataupun... [*Membaca sepotong doa*] Last sekali, mengucapkan ramai-ramai.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tidak mahu terjemahkan? Kita pun boleh tahu [*Ketawa*]

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Tidak mahu apa?

Seorang Ahli: Terjemah.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Dalam terjemahan itu, kita minta kepada Tuhan, kepada *Allah*, moga perjalanan kita selamat sampai. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: So, yang pasal kalau rosakkan apa, dia sudah cakap, Yang Berhormat.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, kalau dekat atas sana, kalau terjadi apa-apa macam Yang Berhormat Datuk Haji Megat sebut tadi memang tidak ada sesiapa yang boleh tolong kita. Itu memang menjadi kerisauan. Dalam masa sepuluh

minit tadi, saya dapat satu *WhatsApp*. Penumpang panik tayar pesawat AirAsia pecah. Baru sahaja. Penumpang pesawat AirAsia mengalami detik cemas pagi tadi apabila dua tayar pesawat yang mereka naiki pecah sejurus mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA 2).

Ketika kejadian, pesawat AirAsia penerbangan AK12 dari Chennai, India itu sedang melakukan pendaratan di landasan 33. Akibat kejadian itu, landasan berkenaan ditutup buat sementara waktu untuk kerja baik pulih. Jadi Yang Berhormat Datuk Haji Megat, kita mintalah Menteri untuk bagi penjelasan kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan seksyen baru, 24MA di bawah fasal 25 pindaan akta ini yang mensyaratkan keizinan pendakwa raya iaitu Jabatan Peguam Negara bagi memulakan sebarang prosiding jenayah menunjukkan bahawa kerajaan serius untuk memastikan sebarang kesalahan yang melanggar peruntukan akta ini dikenakan penalti yang lebih berat dan menjadi pengajaran kepada pemain industri untuk lebih bertanggungjawab.

Oleh itu, saya memohon penjelasan dari MoT, dengan pindaan yang dibuat dalam kerangka kerja perundangan *civil aviation* negara, adakah prosiding pendakwaan bersama (*join proceeding*) dengan negara-negara mangsa MH17 dapat dilakukan segera bagi membawa penjenayah yang menembak jatuh MH17 menerima hukuman yang sewajarnya, yang seberatnya dan yang seadilnya. Saya juga mohon agar status terkini *progress* siasatan dan pemuktamadan kertas pendakwaan kes MH17 ini.

Tuan Yang di-Pertua, melalui pemerhatian saya, terdapat beberapa pewartaan Peraturan-peraturan Penerbangan Awam 2016 yang diwartakan dalam siri perundangan negara. Antaranya seperti berikut.

- (i) Peraturan-peraturan Penerbangan Awam 2016;
- (ii) Peraturan-peraturan Penerbangan Awam (*Aerodrome Operation*) 2016;
- (iii) Peraturan Pemeriksa Kesihatan Yang Diiktiraf 2016;
- (iv) Standard Baru Tahap Kefasihan Berbahasa Inggeris Pegawai Kawalan Trafik Udara 2016; dan
- (v) Unit Pengukuran Standard Perkhidmatan Udara.

Oleh yang demikian, saya mohon Yang Berhormat Menteri menyatakan secara ringkas mengenai butiran peraturan ini dan apakah kesan atau impak yang bakal diperoleh dalam jangka masa sederhana dan panjang tata kelola penerbangan awam.

Tuan Yang di-Pertua, sudah hendak habis. Tinggal sikit lagi.

Pertumbuhan pesat industri aeroangkasa dan *aviation*, dengan izin, negara menyebabkan perbelanjaan hasil kerajaan dalam sektor ini lebih besar. Secara umumnya, DCA

bukanlah entiti yang menjana pendapatan negara jika dibandingkan dengan JPJ. JPJ memang kutip duit berbilion-bilion setahun tetapi DCA merupakan defisit dalam perakaunan kementerian.

Soalan saya, mengapa dalam pindaan Peraturan-peraturan Penerbangan Awam (Fi dan Caj) 2016, bayaran perkhidmatan teknikal meliputi pemeriksaan *statutory* atau perkhidmatan pendaftaran atau pendaftaran sesuatu *aircraft* masih lagi rendah. Justeru, saya mohon kementerian membandingkan fi atau caj ini dengan negara serantau dan pastikan hasil pendapatan yang bakal dijana melalui peraturan *statutory* ini mengurangkan defisit fiskal akaun Kerajaan Persekutuan.

Berkaitan dengan Peraturan-peraturan Penerbangan Awam (Fi dan Caj) 2016, saya ingin mendapatkan penjelasan berapakah bayaran yang boleh dikenakan kepada syarikat pemilik pesawat atau syarikat insurans apabila DCA atau pihak berkuasa penerbangan awam melakukan siasatan sekiranya terjadi kemalangan udara?

Ini kerana apabila berlakunya kemalangan udara, banyak sangat kos yang terlibat dan bebanan kewangan kerajaan untuk menampung kos siasatan adalah tidak relevan dan membazirkan pendapatan negara. Akhir kata, saya mohon menyokong pindaan akta ini. Semoga dengan pindaan ini perkhidmatan udara Malaysia, tahap keyakinan Yang Berhormat Datuk Haji Megat kepada sistem penerbangan negara memasuki dimensi baru dan persepsi pengiktirafan masyarakat dunia terhadap kualiti perkhidmatan udara Malaysia akan meningkat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri, boleh jawab.

5.36 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah mengenai...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, saya izinkan Yang Berhormat Menteri kalau hendak, boleh bagi secara bertulis. Ada?

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Okey, saya bagi ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ada? Kalau ada, boleh baca.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Ada ini. Untuk makluman, memang dalam peraturan dan perundangan mengenai apa yang dibangkitkan Skim Perlindungan Insurans...

Tuan Yang di-Pertua: Oleh sebab saya pun pelik tadi banyak dia baca akta-akta itu. Fasal-fasal.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Untuk makluman, semua syarikat penerbangan di Malaysia disyaratkan mengadakan Skim Perlindungan Insurans ke atas penumpang dan pesawat. Jadi, keseluruhan persoalan yang dibangkitkan adalah ada ketetapan dalam perundangan negara. Memang semua syarikat penerbangan disyaratkan. Tanpa insurans, dia tidak boleh beroperasi. Seterusnya, berkaitan dengan status tuntutan oleh penumpang-penumpang *Rayani Air*, ia memang dalam pengurusan pihak MAFCOM. Seterusnya, yang...

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Penjelasan sikit lagi. Adakah kemalangan seperti mana yang berlaku MH370 juga termasuk dalam perlindungan insurans berkenaan?

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Ya, dalam insiden MH370, pihak MAS telah dapat menguruskan mangsa-mangsa ini melalui insurans yang telah digunakan. Jadi, setakat ini semua pihak keluarga mangsa telah dihubungi oleh pihak MAS dan telah ditawarkan pampasan. Cuma, ada yang tidak puas hati dengan jumlah pampasan yang insurans tetapkan dan mereka bawa ke mahkamah. Jadi oleh itu, mahkamah akan tentukan tuntutan sewajarnya.

Seterusnya, apa yang dibangkitkan mengenai MH370 oleh Yang Berhormat Puan Shahanim.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, laporan interim MH17 telah dikeluarkan pada 28 September 2016. Pada masa ini, siasatan berhubung pelaku-pelaku jenayah berhubung nahas penerbangan MH17 masih lagi dalam siasatan *Joint Investigation Team (JIT)* yang mana Malaysia salah satu anggota.

Oleh yang demikian, sebarang tindakan akan hanya diambil dan diputuskan setelah siasatan berhubung nahas pesawat tersebut selesai dan setelah mendapat bukti-bukti yang kukuh untuk membawa pelaku-pelaku jenayah ke muka pengadilan.

■1740

Berhubung dengan kaedah yang bakal diambil oleh kerajaan dalam menuntut agar keadilan akan dapat dicapai, Malaysia bersama-sama dengan negara-negara yang diwakili oleh GIT akan meneruskan perbincangan bagi dua opsyen pendakwaan yang telah dikenal pasti iaitu pendakwaan di peringkat nasional oleh negara-negara anggota. Kedua, pendakwaan oleh satu buah tribunal antarabangsa yang diwujudkan khas oleh negara anggota GIT. Walau bagaimanapun, keputusan kedua-dua opsyen tersebut adalah bergantung kepada hasil siasatan jenayah kelak.

Jadi seterusnya mengenai penyelenggaraan yang juga berkaitan dengan menjamin keselamatan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff dan turut disertai oleh Yang Berhormat Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Oмарdin. Semua pesawat di negara ini diselenggara mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan

oleh DCA. Tidak benar pesawat-pesawat Malaysia Airlines ini tidak diselenggara dengan baik. Kerosakan enjin Lion Air yang disebut bukan kerosakan enjin utama tetapi kerosakan *auxiliary power unit* yang membekalkan angin *air condition* semasa pesawat berada di darat. Seterusnya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, adakah perkara seperti yang berlaku pada MH17 ini *covered by insurance*?

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Bagi yang ini saya rasa tidak kerana dia nya melibatkan *Terrorist Act*. Jadi *Terrorist Act* ini tidak *discover* oleh pihak insurans. Jadi pihak kerajaan terpaksa bertanggungjawablah. Ini semua tergantung kepada perjanjian dalam insurans tersebut. Seterusnya mengenai peraturan penerbangan awam yang dibangkitkan rasional peraturan penerbangan awam atau pengendalian aerodrom 2016. Ia bertujuan untuk memperkukuhkan kawal selia ke atas pelbagai kategori aerodrom ataupun lapangan terbang, padang terbang, *helipad* dan *helideck* bagi tujuan keselamatan *safety* di *aerodrome*. Peraturan ini terpakai ke atas semua *aerodrome* kecuali *aerodrome military*.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff juga membangkitkan apakah fi dan caj yang dikenakan bagi penyiasatan kemalangan udara.

Untuk makluman Dewan yang mulia, penyiasatan kemalangan udara adalah dibuat oleh Bahagian Siasatan Kemalangan Udara (BSKU) dan bukannya dibuat oleh DCA. Di kementerian kita ada satu unit yang dipanggil BSKU. Oleh itu tiada fi dan caj dinyatakan dalam Akta 3 memandangkan fi dan caj dalam Akta 3 berhubung dengan perkhidmatan yang disediakan oleh pihak DCA.

Seterusnya mengenai perkara-perkara lain yang tidak dapat saya menjawab, saya akan jawab secara bertulis ya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat berkenaan dengan perkara tudung.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Oh! Yang ini di bawah MAS. Saya akan jawab bertulislah. Saya tidak ada jawapan pada ketika ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 29 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan dan diluluskan]

Tuan Yang di-Pertua: Tahniah Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Ketiga, Penggal Keempat, Parlimen Ketigabelas Dewan Negara 2016 sudah sampai ke penghujungnya.

Saya berasa amat bersyukur kepada Tuhan kerana dapat menyempurnakan mesyuarat kita dengan jayanya. Seperti mana Yang Berhormat-Yang Berhormat semua sedia maklum, Dewan ini merupakan badan perundangan yang tertinggi di negara ini dan tiada undang-undang yang boleh diluluskan tanpa persetujuan Dewan Negara.

Oleh itu kemuliaan Dewan ini sentiasalah dipelihara melalui sikap dan keterampilan Ahli-ahli yang menganggotainya. Saya ingin mengucapkan syabas akan kesungguhan yang diperhatikan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat dalam sesi perbahasan serta sikap bertanggungjawab yang ditonjolkan sepanjang Mesyuarat Ketiga, Penggal Keempat, Parlimen Ketigabelas ini.

Menyentuh soal adab, saya juga berpuas hati kerana tidak berlaku sebarang peristiwa yang mencemar keluhuran dan nama baik Dewan ini. Ini menunjukkan sikap berpegang teguh kepada amanah yang dipikul oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat, seiring dengan sumpah taat setia yang telah dilafazkan semasa mengangkat sumpah.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Seri Haji Abdul Halim bin Abd. Samad, Timbalan Yang di-Pertua kerana telah membantu saya dalam menjalankan tugas mempengerusikan sesi sidang ini. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad yang turut sama membantu mempengerusikan sesi sidang kali ini.

Selain itu, tidak lupa warga kerja Parlimen yang telah bertungkus-lumus untuk menyempurnakan persidangan Dewan Negara dari 5 Disember 2016 sehingga hari ini 21 Disember 2016. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pegawai kerajaan dari semua kementerian atas kerjasama yang baik dalam menjayakan persidangan kali ini. Namun ingin saya mengingatkan agar semua jawapan bagi pertanyaan jawab lisan yang tidak

sempat dijawab di dalam Dewan diserahkan kepada Ahli Yang Berhormat yang bertanya pada hari yang sama pertanyaan tersebut dikemukakan.

Begitu juga bagi jawapan-jawapan kepada pertanyaan jawab bertulis diingatkan untuk diserahkan kepada Ahli Yang Berhormat yang bertanya pada minggu pertama setiap kali persidangan. Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan ucapan Selamat Hari Krismas bagi yang Yang Berhormat-Yang Berhormat yang menganut agama Kristian. Kepada semua anggota Dewan Negara, saya ingin mengucapkan selamat menyambut tahun baru 2017.

Marilah kita bersama-sama memulakan tahun baru 2017 dengan azam dan tekad baru untuk terus menabur jasa dan bakti kepada negara dan rakyat Malaysia. Tidak lupa, saya juga ingin mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina kepada semua Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada komuniti Cina yang bakal dirayakan pada 28 dan 29 Januari 2017.

Yang Berhormat-Yang Berhormat, untuk makluman semua ini kali terakhir kita akan bersidang di bangunan ini. Dalam mesyuarat akan datang, kita akan bersidang di bangunan asal Parlimen... *[Tepuk]* Saya berharap nostalgia di bangunan ini akan tetap kekal segar dalam memori setiap Ahli-ahli Parlimen. Akhir sekali, kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat daripada seluruh negara yang akan kembali ke kampung halaman masing-masing, eloklah berhati-hati di jalan raya supaya selamat sampai ke pangkuan keluarga yang tercinta. Maka mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.51 petang]